



29 DISEMBER 2004 BERSAMAAN 1425 ذوالقعدة 17

MENGHADAPI TAHUN 2005 DENGAN PENUH KEYAKINAN

TINGGAL tiga hari saja lagi, kita akan memasuki gerbang tahun baru Masihi 2005. Ini juga bermakna kita akan meninggalkan tahun 2004. Mengimbas kembali tahun lalu, alhamdulillah Negara Brunei Darussalam telah mencapai beberapa kejayaan yang cemerlang yang cukup membanggakan kita semua. Kejayaan yang kita raih sememangnya tidak dapat dihitungkan dengan jari serta satu persatu. Yang nyata, kemakmuran, kesentosaan, kesejahteraan dan kedamaian terus dinikmati. Taraf kehidupan rakyat dan penduduk negara ini terus meningkat. Pendek kata, negara terus aman makmur.

Kesejahteraan inilah yang akan kita kekalkan, kerana setiap rakyat dan penduduk yang berlandung di bumi darussalam ini mengharapkannya. Kita mahu melihat negara kita terus-menerus berada di dalam aman, makmur serta maju seiring dengan warga dunia yang lain. Kita juga ingin melihat negara kita terus stabil dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan untuk terus membangunkan negara bertuah ini. Kita juga mahu menjadi bangsa yang berilmu, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi serta cemerlang di segenap bidang. Tegasnya kita mahu mencemerlangkan imej negara ke serata dunia.

Tetapi, tidaklah semudah itu untuk diperolehi. Pengorbanan ke arah itu bukan sekubit. Pengorbanan yang memerlukan jiwa raga segenap lapisan rakyat. Semua warga Negara Brunei Darussalam mesti terlibat sama dalam membangunkan negara. Tidak ada yang terkecuali, kerana untuk mengekalkan apa yang kita capai selama ini memerlukan keterlibatan secara langsung. Dengan cara itu, hasilnya tetap lumayan dan semua pihak dapat menggapainya. Setentunya peralihan tahun 2004 ke 2005 mengajak kita lebih bersedia membuat perancangan yang terperinci. Apa pun perancangan yang dirancang biarlah menjurus kepada mempertingkatkan lagi mutu prestasi kerja, disiplin dan rangka tugas yang lebih baik dari tahun sebelumnya.

Mengambil kira era globalisasi serta cabaran-cabaran semasa, khususnya di tahun baru yang akan menjelang, anggota Perkhidmatan Awam yang merupakan nadi terpenting Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam perlu lebih inovatif dan produktif serta bekerja dengan lebih gigih. Selain itu, sektor swasta mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menjalankan tugas dengan telus dan cekap kerana mereka juga 'jentera' terpenting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi negara. Kepada pelajar-pelajar, kita serukan agar mereka akan lebih gigih dalam mencapai pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan. Kita memerlukan generasi yang berilmu yang akan menjadi pewaris bangsa bagi meneruskan agenda kemajuan dan pembangunan negara.

Dalam menyambut tahun baru 2005, janganlah hendaknya kita ghairah dan 'iski'. Jangan sekali-kali kita mendewa-dewakan tahun baru itu. Tegasnya adalah haram hukumnya bagi orang-orang Islam membesarkan dan mendewakan hari tersebut. Sebagai orang Islam kita tidak dipalakkan untuk membesar-besarkannya, apatah lagi untuk mengadakan pesta dan bersuka ria. Kita sedia mempunyai Tahun Baru Hijrah yang selayaknya kita besarkan dan megahkan.

Lebih afdal, kita lakukan berterusan meningkatkan keamanan dan keselamatan negara. Berpadu tenaga dalam meningkatkan kewaspadaan dan keprihatinan terhadap apa jua perkara yang boleh menggugat 'buah dan nikmat' keamanan dan keselamatan negara. Dalam soal keselamatan, kita tidak ada tawar-menawar. Kita perlu tegas dan berani menentang sebarang apa jua percubaan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang senghaja menjelaskan keharmonian bernegara.

Semogalah Tahun Baru 2005 yang akan ditempuhi itu akan memberikan semangat yang baru dalam mengharunginya nanti. Marilah kita kuatkan tekad dan azam untuk terus membangun Negara Brunei Darussalam ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang. Kita bangunkan bersama negara ini agar terus aman makmur, maju jaya, sejahtera dan yang penting akan sentiasa mendapat perlindungan serta rahmat Allah Subhanahu Wataala, amin. Kita perlu melangkah ke tahun baru dengan keyakinan yang tinggi serta berazam terus untuk membawa pembangunan dan kemajuan yang lebih cemerlang kepada Negara Brunei Darussalam. Bersamalah kita menghadapi cabaran 2005 nanti.

**SELAMAT MENYAMBUT
TAHUN BARU MASIHI 2005**

HALUAN...

LAKSANAKAN TUGAS DENGAN PENUH KOMITMEN, BIJAKSANA

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua membolehkan kita semua beramai-ramai menghadiri majlis yang berkebahagian lagi penuh bermakna khususnya kepada penduduk-penduduk bagi kampung-kampung di bawah Mukim Bangar iaitu Majlis Penyerahan Sijil Lantikan kepada Penghulu Mukim Bangar yang baru, Awang Hamdan bin Awang Haji Besar.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Awang Hamdan atas kenaikan pangkat dan lantikannya selaku Penghulu Mukim Bangar yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara rasminya sejak 1 Oktober 2004 yang lalu. Lantikan Penghulu Mukim ini adalah amanah dan kepercayaan yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk ditunaikan dengan sebaik-baiknya sepertimana peranan dan tang-

gungjawab yang termaktub dalam Skim Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998. Saya penuh percaya lantikan Penghulu Mukim ini adalah merupakan sesuatu yang dialu-alukan oleh penduduk-penduduk di mukim ini untuk sekian lamanya bagi memeduli dan mengambil perhatian serta tindakan-tindakan yang bersesuaian ke atas apa-apa jua permasalahan dan rintihan yang dihadapi; menguloi dan menggerakkan secara aktif aktiviti-aktiviti kampung dan mukim; berusaha membawa perkembangan dan kemajuan di Mukim Bangar ini ke arah yang lebih baik dari segi pembangunan, perekonomian, pendidikan, kesukanan, kemasyarakatan dan keagamaan serta akan dapat terus hidup dalam suasana kehidupan yang bersatu padu, hormat-menghormati, tolong-menolong, aman damai, harmoni, sejahtera dan selamat.

Harapan dan kepercayaan penduduk-penduduk kampung ini setentunya berat lagi mencabar untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi setiap Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang untuk meneliti, memahami serta menghayati peranan, tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka sebagai mana yang telah digariskan di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan

Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 bagi memastikan segala tanggungjawab tersebut dapat dipenuhi dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya seperti yang dihasratkan. Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang perlulah menjalankan tugas-tugas tersebut dengan penuh komitmen, dedikasi, jujur, amanah, prihatin, sabar di samping berwibawa dalam memimpin anak-anak buah masing-masing serta bijaksana dalam mengambil apa-apa jua tindakan.

Salah satu peranan dan tugas yang perlu dititikberatkan dan diambil perhatian yang sewajarnya untuk dilaksanakan oleh setiap Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang adalah sikap pemedulian dan pengelingaan ke atas perihal kebajikan dan hal-ehwal penduduk di mukim dan kampung masing-masing dengan memastikan masa yang secukupnya dapat diberikan kepada penduduk-penduduk kampung bagi maksud tersebut. Ke arah ini, setiap Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang perlulah mengamalkan sikap proaktif dengan tidak hanya duduk di rumah atau di pejabat semata-mata bagi menantikan kedatangan anak-anak kampung yang menjumpai mereka tetapi yang juga mustahak bagi mereka untuk mengadakan lawatan ke perseki-

taran mukim dan kampung bagi menjumpai sendiri anak-anak kampung, berinteraksi, berbincang dan bertukar-tukar fikiran serta mendengar permasalahan mereka di samping melihat secara lebih dekat lagi akan perkembangan persekitaran dan sebarang permasalahan yang diajukan. Lawatan-lawatan sedemikian bolehlah dibuat sama ada secara berjadual dengan diketuai sendiri oleh Penghulu Mukim dan disertai oleh Ketua-ketua Kampung di dalam mukim yang berkenaan atau dilakukan atas inisiatif Penghulu Mukim dan Ketua Kampung secara persendirian. Hasil lawatan tersebut hendaklah diambil tindakan-tindakan susulan bagi memastikan keberkesannya.

Sehubungan ini, saya sukacita menaruh harapan kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung supaya akan dapat memastikan bayaran elaun pencen tua atau elaun bantuan kebajikan disampaikan sendiri ke rumah anak-anak buah masing-masing dengan segera tanpa melalailaikan. Tindakan sedemikian ini akan dapat meningkatkan kemesraan dan mengukuhkan lagi perhubungan dengan anak-anak kampung di samping memberi peluang kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung untuk mengetahui dan melihat secara lebih dekat lagi akan keadaan kehidupan anak-anak buah masing-masing.

Ini juga akan memudahkan dan mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak kampung yang perlu ditangani dan diselesaikan dan juga dapat mengenal pasti mereka yang hidupnya susah dan memerlukan bantuan untuk dihadapkan kepada agensi-agensi dan pihak-pihak yang berkenaan.

Menyentuh mengenai dengan majlis perundingan, sukacita saya menarik perhatian tentang terdapatnya majlis-majlis perundingan sama ada di peringkat mukim atau kampung yang tidak aktif, tidak bergerak dan tidak diperbaharui apabila tempoh perantikkannya berakhir. Antara punca yang dikenal pasti adalah disebabkan kurangnya komitmen di kalangan ahli-ahli yang dilantik dan juga sikap sesetengah Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang beranggapan bahawa kewujudan majlis perundingan itu cuma menyusahkan, tidak penting dan tidak diperlukan.

Anggapan negatif ini sangatlah merugikan dan perlulah dikikis segera kerana ianya terkeluar daripada hasrat penubuhan majlis perundingan yang antara lainnya diwujudkan semata-mata bagi tujuan membantu, mempermudah dan memperkembangkan lagi pentadbiran, pemedulian dan pengelingaan ke atas anak-anak buah yang mana tugas-tugas dan tanggungjawab tersebut sangatlah berat untuk dilaksanakan dengan efektif apatah lagi jika ianya dibuat secara sendirian. Maka oleh sebab itu, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung haruslah bijak dengan menggunakan sepenuhnya kewujudan majlis perundingan ini sebagai tulang belakang dalam mengesan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan mengadakan permesyuaratan-permesyuaratan pada tempoh masa yang telah ditetapkan, mengadakan perbincangan-perbincangan bagi menyelesaikan permasalahan anak-anak kampung dan juga untuk bertukar-tukar fikiran serta merangka dan melaksanakan program-program kerja bagi faedah dan kemanfaatan penduduk-penduduk kampung.

Dalam merangka program kerja ini, banyak kegiatan-kegiatan yang boleh difikirkan, dirancang dan dikendalikan oleh majlis-majlis perundingan seperti aktiviti-aktiviti yang berbentuk perekonomian yang

dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup anak-anak kampung sebagai misalan, aktiviti bercucuk tanam, membuka ladang-ladang pertanian, ternakan secara komersial dan lain-lainnya; aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti bermucang-mucang atau gotong-ro-yong yang dapat menyatupadukan dan menanamkan perasaan kekitaan dan harmoni di kalangan anak-anak kampung terutamanya bagi mukim atau kampung yang penduduknya terdiri dari pelbagai masyarakat dan agama; serta aktiviti-aktiviti keagamaan, kesukanan dan lain-lainnya yang dapat menarik penyertaan golongan belia bagi memenuhi masa dan mengelakkan diri mereka dari terjebak kepada kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan seperti penyalahgunaan dadah, kegiatan jenayah, menjadi pemugut, melepak tanpa tujuan dan perkara-perkara lain yang negatif.

Di kesempatan ini, saya sukacita menyarankan kepada penduduk-penduduk di Mukim Bangar ini dan juga di mukim-mukim yang lain di daerah ini agar sentiasa sama-sama berusaha dalam menjaga kebersihan dan dalam mengekalkan kecantikan Daerah Temburong yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi, keunikan flora dan fauna serta kesegaran udara bumi hijaunya yang menjadi tarikan para pelancong yang datang ke negara ini. Kebersihan ini perlulah diambil perhatian yang berat terutama sekali di kawasan Sungai Temburong dan Pekan Bangar yang digunakan sebagai laluan utama dan pintu masuk kepada orang ramai dan para pelancong yang datang ke daerah ini terutamanya yang menggunakan kenderaan laut. Tabiat suka membuang sampah di merata-rata tempat yang bukan dikhaskan atau membuang sewenang-wenangnya ke dalam sungai perlulah diberhentikan segera kerana tindakan sedemikian bukan saja akan menjejaskan kesihatan dan mencemarkan alam persekitaran bahkan juga mencemarkan nama baik Daerah Temburong sebagai destinasi pelancongan dan juga boleh menjejaskan kehidupan dalam sungai berkenaan seperti udang galah dan ikan yang menjadi sumber rezeki kepada sebilangan penduduk di daerah ini.

Lihat muka 3

Dari muka 2

Bercakap mengenai dengan pelancongan, saya sangat menghargai dan mengalu-alukan kegiatan penduduk-penduduk di Daerah Temburong ini yang bergiat dalam menghasilkan produk-produk tempatan yang bernilai tinggi dan menjadi 'trade-mark' Daerah Temburong sama ada yang berupa makanan seperti Cindul Temburong dan Wajid Temburong, atau kraf tangan seperti tongkat, langguai dan lain-lainnya yang mana produk-produk ini bukan saja sudah mendapat tempat dalam masyarakat kita, malah juga ternyata mempunyai pasaran yang baik di negara ini. Saya penuh berharap lebih banyak lagi penduduk-penduduk kampung yang akan melibatkan diri dalam kegiatan yang bermanfaat dan menguntungkan ini. Pada masa yang sama, saya juga mengharapkan penduduk-penduduk yang berkenaan itu tidak hanya bersikap setakat berpuas hati ke atas penghasilan dan juga pendapatan yang diperolehi sejauh ini melalui penjualan produk-produk tersebut, tetapi kita semestinya bersikap daya saing dan meningkatkan kualiti dan produktiviti (pengeluaran). Produk-produk tersebut mempunyai potensi untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih besar atau secara komersil. Saya penuh berkeyakinan jika kegiatan seperti ini dibuat dengan berkesan, ianya bukan saja akan dapat dijadikan sebagai mata pencarian malahan juga akan dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada para belia di daerah ini dan sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat di daerah ini.

Menyentuh mengenai dengan keselamatan dan keamanan negara, kita sedia maklum melalui berita atau akhbar di mana walaupun tindakan penguatkuasaan undang-undang telah dijalankan dari masa ke semasa oleh pihak-pihak yang berkenaan di negara ini masih juga terdapat di kalangan mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan seperti pengedaran dan pengambilan dadah, penyeludupan barang-barang secara haram, pesalah-pesalah imigresen dan juga perbuatan jenayah. Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita tentunya mengharapkan suasana keamanan, ketenteraman, kedamaian, keharmonian, keselamatan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini akan berterusan dan berkekalan sepanjang masa. Dalam hal ini, saya sukacita menekankan bahawa tugas dalam menjaga dan memelihara keamanan dan keselamatan negara itu adalah sangat berat dan penuh dengan pelbagai cabaran dan tidak dapat dilaksanakan secara yang berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasaan dan pihak-pihak lain yang berkenaan secara sendiri tanpa adanya sokongan, kerjasama dan penglibatan dari segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Oleh yang demikian, saya sukacita menyeru kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini amnya dan di Daerah Temburong khasnya untuk memberi kerjasama dan sokongan yang padu secara berterusan di samping meningkatkan kewaspadaan dan keprihatinan terhadap apa jua perkara yang boleh mengugut keamanan dan keselamatan negara. Apa pun kejadian-kejadian atau kegiatan yang mencurigakan apatah lagi yang bertentangan dengan undang-undang yang boleh menjejaskan keselamatan dan keamanan hendaklah jangan dibiarkan atau dilihat sahaja tetapi perlulah dilaporkan segera kepada pihak-pihak yang berwajib untuk

diambil tindakan.

Mengenai dengan majlis pemilihan dan pengundian bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegur sikap sebahagian daripada masyarakat kita pada hari ini yang bukan saja tidak mengambil endah akan perkembangan atau mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan di mukim dan kampung masing-masing bahkan juga ada di antaranya yang tidak mahu menghadiri diri semasa majlis pemilihan dan pengundian diadakan di kampung mereka sehingga menyebabkan di sesetengah kampung itu bilangan mereka yang datang mengundi sangatlah mendukacitakan walaupun di kampung yang berkenaan itu mempunyai penduduk yang ramai dan berkeluasan mengundi dan usaha-usaha untuk menarik kehadiran mereka di majlis tersebut telah pun dibuat oleh Jabatan-jabatan Daerah seperti mengadakan majlis sedemikian untuk sehari suntuk, mengadakan di waktu malam dan lain-lainnya. Saya penuh berharap kejadian seperti ini tidak berlaku di daerah ini dan sikap positif hendaklah sentiasa di amalkan di mana saya difahamkan terdapatnya beberapa jawatan Ketua Kampung yang kosong yang masih dalam proses untuk diisi termasuklah jawatan Ketua Kampung Menengah yang dikosongkan berikutan dengan kenaikan pangkat Yang Mulia Awang Hamdan bin Awang Haji Besar ke jawatan Penghulu Mukim Bangar. Kehadiran penduduk-penduduk kampung di dalam majlis pemilihan dan pengundian di kampung-kampung yang berkenaan itu adalah sangat-sangat diperlukan bagi memberikan peluang kepada anak buah kampung masing-masing untuk memilih bakal Ketua Kampung sebagai pemimpin akar umbi di peringkat kampung masing-masing.

Dalam majlis itu, adalah diharapkan supaya ketua-ketua kampung dan para penduduk di bawah Mukim Bangar ini agar sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang padu ke atas kepimpinan Yang Mulia Awang Hamdan bin Awang Haji Besar dalam menerajui Mukim Bangar ini selaku Penghulu Mukim dengan menghadiri perjumpaan-perjumpaan dan mesyuarat-mesyuarat serta bersedia membantu dan menyertai secara aktif apa-apa jua aktiviti atau kegiatan-kegiatan berkebaikan yang diinisyiasikannya di mukim ini. Sokongan, kerjasama serta komitmen daripada anak-anak buah kampung adalah sangat diperlukan bagi memastikan kesempurnaan dan kejayaan apa jua acara atau aktiviti-aktiviti yang dirancang dan diinisyiasikan demi mengeratkan lagi perpaduan, persahabatan, keharmonian, kesejahteraan dan kemajuan kampung dan mukim khasnya dan negara umumnya.

Akhirnya, marilah kita semua sama-sama berdoa semoga Yang Mulia Awang Hamdan bin Awang Haji Besar akan sentiasa menerima rahmat, taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wataala dalam memimpin dan menerajui penduduk-penduduk di mukim ini dengan penuh kejayaan dan kecemerlangan ke arah mencapai perkembangan, kesejahteraan dan kemajuan yang dihasratkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Laporkan segera kepada pihak berwajib

BANGAR, TEMBURONG, 19 Disember. - Rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam diseru untuk memberikan kerjasama dan sokongan yang padu secara berterusan di samping meningkatkan kewaspadaan dan keprihatinan terhadap apa jua perkara yang boleh mengugut keamanan dan keselamatan negara.

Sebarang kegiatan yang mencurigakan apatah lagi yang bertentangan dengan undang-undang yang boleh menjejaskan keselamatan dan keamanan hendaklah jangan dibiarkan atau dilihat saja, tetapi perlulah dilaporkan kepada pihak-pihak berwajib untuk diambil tindakan.

Demikian ditekankan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan ketika berucap di Majlis Penyempurnaan Sijil Lantikan Penghulu Mukim Bangar yang diadakan di Kampung Sungai Sulok, Jalan Kastam Lama di sini hari ini.

Yang Dimuliakan ber-

Oleh
Jaafar Ibrahim

kata, sungguhpun tindakan penguatkuasaan undang-undang telah dijalankan dari masa ke semasa, namun masih terdapat di kalangan mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan seperti pengedaran dan pengambilan dadah, penyeludupan barang-barang secara haram, pesalah-pesalah imigresen dan juga perbuatan jenayah.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita, jelas Yang Dimuliakan, tentunya mengharapkan suasana keamanan, kedamaian, keharmonian, keselamatan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini akan berterusan dan berkekalan sepanjang masa.

"Saya sukacita menekankan bahawa tugas dalam menjaga dan memelihara keamanan dan keselamatan negara adalah sangat berat dan penuh dengan berbagai cabaran dan tidak dapat dilaksanakan secara berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasaan dan pi-



SELAMAT BERTUGAS ... Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyampaikan Sijil Lantikan kepada Penghulu Mukim Bangar, Awang Hamdan bin Awang Haji Besar. - Gambar Ihsan Haji Minor Absah.

hak-pihak lain yang berkenaan secara sendiri tanpa adanya sokongan, kerjasama dan penglibatan dari segenap lapisan masyarakat di negara ini," tegas Yang Dimuliakan.

Di majlis itu, Yang Dimuliakan juga menegur tabiat setengah orang ramai yang suka membuang sampah merata-rata tempat yang bukan dilaksanaka secara berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasaan dan pi-

hentikan segera kerana tindakan sedemikian bukan sahaja menjejaskan kesihatan tetapi mencemarkan alam persekitaran serta menjejaskan pelancongan.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan Sijil Lantikan kepada Penghulu Mukim Bangar, Awang Hamdan bin Awang Haji Besar.

Awang Hamdan telah dilantik sebagai Penghulu Mukim Bangar pada 1

Oktober 2004. Sebelum ini beliau telah memegang jawatan berkenaan mulai 1 Mac 2002 hingga 30 September 2004.

Beliau pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mulai 28 September 1964 hingga 27 September 1989. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Kampung Menengah pada 1 September 1995.

Perintah Agensi Pekerjaan 2004 dikuatkuasakan

Dari muka 1

Apabila mereka tidak ada pekerjaan maka terpaksa mereka mencari kerja secara bebas ('freelance'). Ada juga terdapat ejen-ejen berkenaan pada setiap bulan memotong gaji bulanan pekerja tanpa kebenaran Pesuruhjaya Buruh.

Akibat dari kegiatan seperti ini pernah menjejaskan nama baik Negara Brunei Darussalam apabila media massa asing membuat liputan bahawa 'human trafficking' berlaku di negara kita.

"Jabatan Buruh tidak pernah mengiktiraf ejen-ejen pekerjaan dari dulu lagi tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka telah memainkan peranan yang amat penting dalam proses mendatangkan pekerja-pekerja asing ke negara ini seperti permohonan bagi mendapatkan sokongan Pas Kerja baru (BUR 500) dan permohonan bagi membaharui sokongan Pas Kerja (BUR 555) termasuk membawa pekerja berkenaan bagi menandatangani kontrak pekerjaan di jabatan ini."

Dengan adanya perintah ini, kemasukan pekerja-pekerja asing akan dapat dikawal dan seterusnya melindungi kepentingan pekerja dan majikan daripada ejen yang tidak bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, agensi-agensi pekerjaan akan beroperasi mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah perintah ini dan seterusnya untuk jabatan mengambil tindakan undang-

undang terhadap mereka yang didapati melanggar perintah tersebut.

Melalui perintah berkenaan, tegas Dato Paduka, semua majikan yang diberikan lesen pengambilan pekerja asing dimastikan menggunakan perkhidmatan agensi-agensi pekerjaan yang diluluskan bagi pengambilan pekerja asing ke negara ini.

Pengambilan pekerja-pekerja asing secara langsung atau melalui ejen yang tidak berdaftar tidak dibenarkan sama sekali. Bagi jawatan-jawatan tertentu akan dikeluarkan daripada perintah ini yang mana senarai tersebut akan diwartakan kemudian.

Di antara kandungan Perintah Agensi Pekerjaan 2004 adalah seperti berikut:

* Menurut Bab 4 perintah tersebut jabatan-jabatan kerajaan adalah dikecualikan daripada perintah ini.

* Syarikat yang dikenal pasti dan mempunyai Unit Sumber Tenaga Manusia yang hendaklah juga didaftarkan bagi maksud pengambilan pekerja syarikat itu sendiri.

* Di bawah Bab 7 (4) mana-mana orang yang menjalankan perniagaan selaku agensi pekerjaan sebelum berkuat kuasanya perintah ini mestilah memohon lesen daripada Pesuruhjaya Buruh dalam tempoh satu bulan daripada tarikh perintah ini berkuat kuasa. Jika gagal akan dikenakan denda tidak melebihi \$5,000.00, penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

* Menurut Bab 6 tidak seorang pun dibenarkan menjalankan perniagaan agensi pekerjaan kecuali mereka pemegang lesen yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman.

Buruh. Jika gagal, mereka boleh didenda bagi kesalahan pertama tidak melebihi \$5,000.00, penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau seterusnya mereka boleh didenda tidak melebihi \$10,000.00, penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, antara syarat-syarat kelayakan bagi mendapatkan lesen di bawah perintah ini adalah seperti berikut:

* Pemohon, pemegang saham dan rakan kongsi mestilah terdiri daripada rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

* Pemohon dan pekerja-pekerjanya mestilah mempunyai tingkah laku dan perwatakan (character) yang baik.

* Bukan seorang mufis yang belum dilepaskan (undischarged bankrupt).

melebihi \$2,000.00 atau penjara tidak melebihi satu tahun bagi kesalahan.

* Mempunyai premis yang bersesuaian.

* Tidak dibenarkan beroperasi di rumah persendirian.

Secara ringkas, agensi pekerjaan yang dibenarkan dan dilesenkan di bawah perintah ini mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Agensi tersebut juga tidak dibenarkan untuk mengambil pekerja asing bagi menjalankan perniagaan berkenaan.

Di samping itu, di bawah Bab 17 Pesuruhjaya Buruh juga ada kuasa untuk menarik balik atau membatalkan lesen yang dikeluarkan apabila agensi tersebut didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan dalam perintah tersebut.

Lesen yang dikeluarkan adalah bagi tempoh dua tahun dengan dikenakan bayaran \$500.00. Di samping itu pemohon juga dikehendaki memberikan wang taruhan (security). Pembaruan lesen hendaklah dihadapakan tiga bulan sebelum mansuh dengan bayaran sebanyak \$500.00.

Mengenai tatacara permohonan, borang permohonan bolehlah diperolehi di kaunter khas, Tingkat 4, Jabatan Buruh mulai hari Isnin, 27 Disember 2004 semasa waktu bekerja.

Borang yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan semula ke kaunter khas tersebut.

Kejadian air kemerahan-merahan terus dipantau

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Disember. - Pemantauan terkini oleh Jabatan Perikanan telah menunjukkan bahawa perairan Negara Brunei Darussalam kini masih dilanda oleh air kemerahan-merahan. Kawasan-kawasan yang terjejas tidak banyak yang berubah dan melibatkan beberapa kawasan di luar pantai dan teluk Sungai Brunei.

Menurut siaran akhbar jabatan tersebut konsentrasi sel organisme air kemerahan-merahan ini, walau bagaimanapun, adalah di tahap yang rendah.

"Jabatan Perikanan sekali lagi ingin meyakinkan orang ramai untuk tidak merasa cemas kerana kerja-kerja pemantauan kejadian air kemerahan-merahan terus dilaksanakan," tegas siaran itu.

Jabatan berkenaan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai keadaan terkini dari masa ke semasa.

Orang ramai, terutama sekali nelayan, boleh membantu Jabatan Perikanan dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air dan jika menjumpai ikan-ikan mati pada jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai melalui talian 8819218, 8769730, 8786399 dan 8887480.

Kebawah DYMM berkenan lawat ibu negara

Dari muka 1

Liputan Haji Dayang HK
dan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB
dan Haji Ariffin HMN

Baginda juga mengadakan lawatan ke sebuah pondok tempat pembayaran letak kereta di kawasan berdekatan dengan Bangunan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Di pondok ini baginda sendiri mengajukan beberapa pertanyaan mengenai sistem pembayaran letak kereta kepada atendan letak kereta yang bertugas.

Lawatan tidak berjadual baginda teruskan lagi dengan berjalan kaki menuju ke Pondok Pos Polis Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara. Sebelum berangkat ke pondok berkenaan baginda juga berkenan meninjau sendiri keadaan taman

bunga yang ada di pembahagi jalan raya utama di ibu negara.

Dalam lawatan baginda ke Pondok Pos Polis di ibu negara, baginda juga meninjau dengan lebih dekat lagi cara Pos Polis tersebut beroperasi. Baginda juga mengajukan pertanyaan berkenaan sistem perhubungan yang digunakan di Pos Polis berkenaan. Pondok Pos Polis berkenaan beroperasi untuk mengawal keselamatan di kawasan Bandar Seri Begawan untuk tempoh 24 jam. Ia juga memberikan perkhidmatan bagi

mereka yang berhajat untuk membuat pembayaran saman 'compound'.

Ketika baginda meneruskan lawatan ke pusat bandar dengan berjalan kaki, orang ramai mula mengambil kesempatan untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda. Baginda, sebagai seorang raja yang prihatin dan pemeduliaan terhadap rakyat baginda juga berkenan berbual mesra bersama beberapa rakyat baginda. Dalam pada itu baginda juga mengajukan pertanyaan isu kebersihan kepada Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Dalam masa yang singkat, keberangkatan baginda ke pusat bandar menjadi tumpuan ramai orang dan jalan-jalan raya utama seperti Jalan Sultan juga ditutup sementara dari lalu lintas kenderaan. Pergerakan baginda menjadi ikutan sehingga baginda melawat sebuah lagi pondok tempat pembayaran letak kereta di kawasan letak kereta bekas Jabatan Kastam dan ke Unit Penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Baginda, dalam lawatan itu juga berkenaan melihat sendiri keadaan tempat dan kawasan berjual ikan iaitu Pasar Ikan Tambing yang sudah sekian lama menjadi pusat penjualan ikan dan sayur di ibu negara. Kawasan pasar ini adalah sebahagian daripada kawasan Dermaga lama. Keberangkatan baginda ke Pasar Tambing sangat dialu-alukan oleh para penjaja di pasar berkenaan di mana mereka telah berpeluang untuk berinteraksi bersama baginda sambil meluahkan permasalahan dan keperluan penyelesaian mereka untuk



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertanyakan sesuatu mengenai sistem pembayaran letak kereta kepada seorang atendan yang bertugas.



PRIHATIN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan penuh prihatin melihat sendiri keadaan atap gerai seorang penjaja Tamu Kianggeh.

berjaja ikan. Di Pasar Tambing ini, ramai rakyat baginda berpusu-pusu menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda di samping untuk melihat sendiri dan bersua muka dengan raja yang dikasihi.

Lawatan baginda seterusnya ialah ke dua buah restoran yang terletak di tebing Sungai Brunei yang berlatarbelakangkan pemandangan indah Kampong Air dan motor tambang yang bergerak bebas di perairan Sungai Brunei.

Seterusnya baginda berangkat pula mengadakan lawatan ke Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sebuah bangunan indah dan terletak di tengah-tengah kota dan menempatkan beberapa buah jabatan kerajaan dan lot-lot kedai serta pusat membeli belah.

Antara tempat yang menjadi lawatan baginda ialah Pejabat DST, sebuah syarikat penyedia perkhidmatan perhubungan. Di sini baginda juga berbual mesra bersama beberapa orang pegawai syarikat berkenaan.

Kemudian baginda mengadakan lawatan ke Pusat Sumber Kerjaya, Kementerian Pendidikan di tingkat satu Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dalam lawatan itu baginda telah bertemu dengan sepasang ibu bapa yang sedang berurusan dengan pusat berkenaan dengan tujuan untuk mencari pekerjaan bagi anaknya. Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah kurnia baginda dan sebagai wadah amal jariah baginda serta kaum keluarga baginda. Bangunan ini dirasmikan oleh baginda sendiri pada tahun 1996.

Baginda menghabiskan masa lawatan tidak berjadual tersebut ke pusat bandar, Bandar Seri Begawan selama kira-kira dua jam setengah. Bandar Seri Begawan sebelumnya dikenali sebagai Bandar Brunei yang telah mula ditukar nama pada tahun 1970.



BAGINDA dengan mesra mendekati sebuah gerai Tamu Kianggeh yang menjual kelapa sambil berbual bersama penjajanya.



BAGINDA ketika bertanya sesuatu kepada Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sambil memerhatikan kawasan di sekitar kawasan berkenaan (atas).

BAGINDA dengan ramah bertanya kepada penjaja mengenai bahan yang dijual sambil memerhatikan keadaan sekeliling gerai berkenaan (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika mendekati secara peribadi bagaimana perjalanan sistem pembayaran letak kereta di sepanjang jalan-jalan utama di pusat bandar dengan bertanya kepada seorang atendan letak kereta yang bertugas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika mendengar sembah taklimat Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan apabila seorang penaja menyebarkan permasalahan yang dihadapinya (atas kiri).

KETIKA lawatan ke Tamu Klanggeh, baginda juga berkesempatan berbual mesra bersama sepasang pelancong yang kebetulan berada di sana (atas kanan).

BAGINDA dengan prihatin mendengar permasalahan yang disampaikan oleh seorang penaja warga emas yang sudah sekian lama beraja di kawasan Tamu Klanggeh (kiri).

BAGINDA ketika meneruskan lawatan dengan berjalan kaki sambil mengadakan perbincangan bersama Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mengenai keadaan dan persekitaran pusat bandar (bawah kiri).



BAGINDA ketika meneruskan lawatan tidak berjadual dengan berjalan kaki menyusuri kawasan sebahagian dari deretan kedai di pusat bandar, Bandar Seri Begawa (atas).

BAGINDA dengan tidak segan-silu mencuba sendiri menarik tali pagar penghadang tempat letak kereta di kawasan bekas Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sambil bertanya mengenai sistem berkenaan kepada atendan yang bertugas (kiri).

BAGINDA dengan teliti mendengar permasalahan yang disampaikan ke hadapan majlis baginda ketika keberangkatan baginda ke Pasar Tambing yang menjadi tumpuan orang ramai ketika itu (bawah).



BAGINDA dengan penuh minat bertanya sesuatu kepada penaja di Pasar Tambing mengenai jualannya dan keselesaan beraja di tempat berkenaan.



Jabatan Penerangan adakan Program Menyusur Mukim dan Kampung

MENDAPATKAN DAN MEMBERI MAKLUMAT

BERAKAS, 24 Disember.

- Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan bagi mengetahui secara mendalam perkembangan dan kemajuan yang terdapat di mukim-mukim dan kampung-kampung di Negara Brunei Darussalam, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan ekspedisi yang dinamakan 'Program Menyusur Mukim dan Kampung' sesuai dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai penghubung dua hala antara kerajaan dan rakyat dan rakyat dengan kerajaan.

Program yang diadakan selama dua hari pada hari Jumaat, 24 dan 25 Disember ini bermula di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan di sini pada jam 8.00 pagi dan merentasi Kampung Bengkurong - Masin, Kampung Bebuloh terus memasuki ke Mukim Ukong, Rambai, Bukit Sawat dan berakhir di Mukim Labi. Perjalanan menyusur itu memakan masa 32 jam dengan jauh perjalanan pergi balik 160 kilometer dan berakhir 25 Disember jam 4.00 petang.

Sebenarnya program tersebut bukan merupakan perkara baru, kerana sebelum ini Jabatan Penerangan telah mengadakan perjumpaan-perjumpaan baik secara formal dan tidak formal, komunikasi bersemuka atau lebih dikenali sebagai tatap muka dan 'personal contact'. Cuma program kali ini diubah suai dan disesuaikan dengan keadaan menurut perkembangan semasa. Dengan cara ini, Jabatan Penerangan sebagai mata, telinga dan lidah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

**Laporan
Hj. Jaafar Ibrahim
dan
Hj. Dayang Hj.
Kassim
Gambar-gambar
Hamadi HM**

Darussalam dapat menangani isu-isu yang timbul, menerangkan beberapa dasar kerajaan, melihat persekitaran dan keadaan sebenar mukim dan kampung sesuai dengan moto jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Ameer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria telah mengepalai program itu. Rombongan itu juga disertai oleh 19 orang pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan dengan menggunakan tujuh buah kereta kerajaan pacuan empat roda.

Menurut Awang Haji Bujang, program itu adalah bertujuan untuk menjadikan Jabatan Penerangan lebih berpacu dengan perkembangan semasa terutama gelombang ketiga yang turut mengubah dan mencorakkan kehidupan sejagat iaitu gelombang informasi atau maklumat setelah berlalunya gelombang pertama iaitu gelombang pertanian dan gelombang kedua iaitu gelombang industri.

Dengan cara menyusur ini, tegas beliau, Jabatan Penerangan akan dapat mengukur dan mendapat gambaran sebenar landskap mengenai projek-

projek kerajaan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan di mukim-mukim dan kampung-kampung di pedalaman. Selain daripada itu Jabatan Penerangan juga mendapat 'feedback' yang amat berguna daripada penduduk-penduduk kampung mengenai masalah dan beberapa isu yang ditimbulkan di kawasan-kawasan yang dilawati.

Ternyata kemajuan dan perkembangan mukim dan kampung-kampung di pedalaman adalah setara dengan perkembangan di bandar. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak sama sekali mengabaikan projek-projek pembangunan kampung-kampung di pedalaman. Apa saja kemudahan dapat dinikmati rakyat dan penduduk di kawasan pedalaman seperti bekalan elektrik, telefon, jalan raya, sekolah, masjid, balai polis dan bomba, klinik kesihatan dan dewan serbaguna.

Sepanjang program dua hari itu, rombongan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pengarah Penerangan telah mengadakan perjumpaan bersama Penghulu Mukim Bukit Sawat, Awang Abdul Rahman bin Abdullah Sambang dan Dr. Ismail Opak, Pemangku Kampung Sungai Mau, bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Merangking. Selain itu, rombongan berkenaan juga berkesempatan mengunjungi dan mengadakan perjumpaan bersama Pemangku Ketua Kampung Labi I, Awang Haji Mohammad bin Haji Abu Bakar. Di Kampung Labi, Pengarah Penerangan juga berkesempatan meninjau secara dekat kehidupan penduduk di Rumah Panjang Teraja dan Malayan yang terletak di Mukim Labi.

Selain mengadakan perjumpaan, rombongan berkenaan juga berkesempatan beramah mesra bersama-sama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) di tempat-tempat yang dilawati.

Semasa mengadakan perjumpaan-perjumpaan itu, Pengarah Penerangan selain berinteraksi dan bertukar-tukar maklumat, juga telah berkesempatan menyerahkan beberapa buah poster, buku-buku dan kalendar (planner) terbitan Jabatan Penerangan.

Dalam perjalanan menyusur mukim-mukim di Daerah Tutong dan Belait, rombongan Jabatan Penerangan juga telah meninjau taman-taman rekreasi antaranya ialah Tasik Merimbun, Taman Rekreasi Luagan Lalak, Taman Rekreasi Sungai Liang, Wasai Wong Kadir, Pantai Peranginan Sungai Liang dan Pantai Seri Kenangan.

Rombongan juga berkesempatan menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Sungai Mau dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib di Masjid Labi.

Sesuai dengan program Menyusur Mukim dan Kampung, rombongan Pengarah Penerangan juga berkhemah di Wasai Wong Kadir.

Dengan adanya program itu dan dengan kesediaan rakyat untuk hidup bermaklumat adalah jelas laluan Jabatan Penerangan ke arah berpacu Membudayakan Masyarakat Bermaklumat insya-Allah akan tercapai.

Menurut Pengarah Penerangan, Program Menyusur Mukim dan Kampung insya-Allah akan diadakan setiap bulan dan akan dirapukan di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang semasa menyampaikan kalendar (planner) 2005 terbitan Jabatan Penerangan kepada Penghulu Mukim Bukit Sawat, Awang Abdul Rahman bin Abdullah sejurus selepas majlis perjumpaan.



PENGARAH Penerangan semasa mengadakan perjumpaan bersama Pemangku Ketua Kampung Labi I, Awang Haji Mohammad bin Haji Abu Bakar (dua dari kanan) di rumah kediaman beliau di Labi. Juga kelihatan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Ameer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria (tiga dari kanan).

Pendekatan baru ruangan Menyusur Mukim, Kampung

MUKIM LABI, 24 Disember. - Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut menjelaskan bahawa mulai Januari 2005, ruangan Menyusur Mukim dan Kampung di akhbar rasmi kerajaan, PELITA BRUNEI akan diolah dengan pendekatan baru dan dihasilkan mengikut kehendak semasa.

Ruangan ini, katanya, pernah diterbitkan beberapa tahun lalu. Ia terus diaktifkan memandangkan sambutan dari pembaca yang begitu menggalakkan terutama dari masyarakat kampung pedalaman.

Kemunculannya kali ini, jelas Pengarah Penerangan, akan memaparkan oleh-oleh dari mukim dan kampung yang diangkat melalui penulisan rencana mengenai perkembangan projek-projek Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau swasta.

Beliau menjelaskan perkara itu semasa mengadakan perjumpaan berasingan bersama Penghulu Mukim Bukit Sawat,

Awang Abdul Rahman bin Abdullah Sambang dan Pemangku Ketua Kampung Sungai Mau, Dr. Ismail bin Opak di Dewan Serbaguna Merangking dan juga Pemangku Ketua Kampung Labi I, Awang Haji Mohammad bin Haji Abu Bakar di rumah kediaman beliau di sini hari ini.

Awang Haji Bujang berada di mukim berkenaan bagi mengetahui 20 orang rombongan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam Program Menyusur Mukim dan Kampung. Turut serta dalam rombongan tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Ameer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

Program tersebut, katanya, adalah sebahagian daripada tujuannya diadakan iaitu untuk mencanang dan menjelaskan mengenai ruangan Menyusur Mukim dan Kampung yang akan mula diterbitkan dalam keluaran pertamanya pada 5 Januari 2005. Ruangan itu akan diadakan dua kali sebulan dalam Edisi ANEKA iaitu minggu per-

tama dan keempat setiap bulan.

Kelainan yang akan dilihat melalui ruangan ini, jelas beliau lagi ialah menonjolkan kemahiran, perusahaan dan kegiatan anak kampung, profil kampung, mengetengahkan tokoh-tokoh kampung serta penghulu dan ketua-ketua kampung dan warga-warga tua dan seumpamanya.

Sehubungan dengan itu, Pengarah Penerangan menyeru Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang supaya akan dapat memberikan kerjasama yang padu kepada Jabatan Penerangan bagi kelancaran ruangan yang sangat bermanfaat itu dalam mengangkat suasana bermukim dan berkampung di Negara Brunei Darussalam.

"Mana-mana mukim dan kampung yang ingin memberikan sumbangan bolehlah menghantarnya kepada Penyunting PELITA BRUNEI. Insya-Allah sumbangan berkenaan jika bersesuaian akan dimasukkan dalam ruangan tersebut," jelasnya lagi.



ROMBONGAN Jabatan Penerangan mengadakan ekspedisi pacuan empat roda dalam Program Menyusur Mukim dan Kampung.



TIMBALAN Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Haji Abdullah dan rombongan sejourus tiba di negara ini. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

9 pegawai kanan sertai pertukaran lawatan

BERAKAS, 20 Disember. - Hubungan pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Negara Brunei Darussalam terus diertatkan dan dikembangkannya lagi menerusi Program Pertukaran Lawatan kedua-dua buah agensi berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Haji Abdullah mengetuai rombongan seramai sembilan orang pegawai kanan kerajaan Malaysia tiba ke negara ini bagi program berkenaan.

Oleh Samle HJ

Sepanjang berada di negara ini, pegawai-pegawai berkenaan dijadualkan mengadakan lawatan ke beberapa buah agensi kerajaan, di samping mengadakan perjumpaan bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Program berkenaan juga dihasratkan bagi memberigakan sambil berkongsi pendapat dan pengalaman dalam usaha kedua-dua buah agensi memajukan lagi sektor masing-masing.



TIMBALAN Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Haji Abdullah dan rombongan ketika mengadakan lawatan ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri di Jalan Menteri Besar. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Kerjasama Brunei - Malaysia terus meningkat

BERAKAS, 21 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus berusaha meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang perkhidmatan awam dan sumber manusia.

Sehubungan itu serom-

Oleh Abdullah Asgar

bongan pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Malaysia mengadakan Program Pertukaran Lawatan ke negara ini buat kali kedua bermula 20

hingga 24 Disember ini.

Rombongan tersebut diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri (JPM) Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Haji Abdullah Haji Yatim.

Petang tadi rombongan itu mengadakan lawatan ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri di Jalan Menteri Besar di sini.

Mereka dialu-alukan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali bin Abas dan pegawai-pegawai kanan di jabatan itu. Mengetuai rombongan tersebut dalam lawatan ke sana ialah Setiausaha Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia JPM Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Haji Houd Haji Sirat.

Hadir di majlis itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Jabatan Pertanian - Universiti Brunei Darussalam melaksanakan penyelidikan

Oleh Samle HJ

TUNGKU, 4 Disember. - Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Fakulti Perdagangan, Ekonomi dan Pengajian Dasar, Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mencapai kata sepakat melalui perjanjian bersama bagi melaksanakan penyelidikan dalam bidang pembelajaran fungsi pertanian di negara ini.

Projek pertamanya ialah penghasilan sebuah buku yang menerangkan kepentingan pembelajaran fungsi pertanian di negara ini kepada pembaca-pembaca yang bukan teknikal di mana objektif projek berkenaan ialah untuk membantu kerapuan pembelajaran fungsi dalam pertanian dan mengenal pasti inisiatif-inisiatif dasar.

Sementara itu, projek-projek susulan yang telah dijangka akan dilaksanakan bersama termasuklah pengkuantifikasian faedah pelbagai fungsi pertanian dan penyiasatan ke atas isu-isu dasar pertanian.

Majlis penandatanganan perjanjian kerjasama projek berkenaan telah ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail mewakili pihak UBD, sementara Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusoff mewakili

pihak Jabatan Pertanian berlangsung di Dewan Besar UBD di sini.

"Multifunctional Agriculture" atau pembelajaran fungsional pertanian telah pun diguna pakai dalam persekitaran, pertanian dan dunia perdagangan antarabangsa yang dihasratkan untuk memelihara dan menarik minat terhadap faedah-faedah positif bahawa pertanian boleh menghasilkan hasil lain selain daripada makanan dan fiber yang dapat dijual di pasaran.

Siaran media dipetik, projek berkenaan menyumbang faedah-faedah kepada lima kategori iaitu ekonomi, sosial, budaya, persekitaran dan keselamatan pemakanan.

Rangka kerja konseptual pembelajaran fungsional telah menitikberatkan kepentingan ketahanan masyarakat luar bandar, ekonomi setempat yang kukuh dan kesihatan berpanjangan budaya luar bandar secara positif dalam menyumbang kepada keafiatan masyarakat.

Buku yang dihasilkan akan memasukkan penguraian dimensi berbeza pembelajaran fungsional, di samping akan mewujudkan rangka kerja analitik bagi penilaian pembelajaran fungsional pertanian

dan memberikan selayang pandang pengalaman antarabangsa bagi memberikan pengajaran bagi negara ini.

Ia juga akan meneliti pembelajaran fungsional dalam sektor yang berasaskan dan terpilih dalam sektor pertanian negara ini dan meneliti fahaman masyarakat mengenai pembelajaran fungsional. Pengajian kefahaman masyarakat akan mempergunakan tumpuan kajian dan penyelidikan berkelompok pendapat orang ramai.

Walaupun sektor pertanian negara agak kecil kira-kira dua peratus daripada Pendapatan Kasar Negara (GDP), tahap sara diri dalam sektor ternakan ayam menunjukkan salah satu aspek penting dalam keselamatan pemakanan terhadap berlakunya wabak penyakit selesema ayam yang berlaku di negara-negara jiran.

Satu pemerhatian pertanian global menunjukkan kesan sampingan negatif yang meluas daripada kadar penularan penyakit contohnya dalam pertanian seperti selesema burung, penyakit lembu gila dan kuku dan mulut.

Ramai saintis persekitaran dan pertanian telah secara berterusan mengenal pasti kesan luaran ne-

Jabatan Penerangan akan melaksanakan PMONet

BERAKAS, 8 Disember. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan melaksanakan PMONetnya bermula awal tahun depan sebagai langkah pertama untuk menjayakan sepenuhnya PMONet dalam e-Kerajaan.

Peraksanaan PMONet jabatan tersebut secara berperingkat itu melibatkan beberapa bahagian di jabatan itu antaranya Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan Fotografi dan beberapa unit lain di jabatan tersebut.

Sekarang kerja-kerja infrastruktur telah pun berjalan dan dijangka siap penghujung bulan ini sebelum pemasangan set-set komputer pada bahagian dan cawangan yang terlibat.

Menurut Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, hampir kesemua bahagian di jabatan itu akan boleh berhubung melalui PMONet dengan menggunakan e-mel yang akan disediakan oleh jabatan, selain jabatan itu juga akan berhubung dengan jabatan-jabatan lain di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Katanya, projek berperingkat itu akan lebih selesa dan selamat di samping akan kurang menggunakan kertas atau 'less



Oleh Abdullah Asgar

paper work' namun pegawai dan kakitangan harus lebih peka pada set-set komputer di hadapan mereka kerana di sanalah terletaknya kerja yang harus mereka selesaikan.

Tambahnya, untuk memudahkan semua pegawai dan kakitangan, kursus asas secara bergilir-gilir mengenai PMONet akan dijalankan di jabatan itu sedikit masa lagi dan berharap semua yang terlibat akan menghadiri kursus tersebut.

Beliau berucap demikian di Majlis Taklimat PMONet bagi Jabatan Penerangan di sini yang juga dihadiri oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

PMONet adalah antara perancangan strategik Jabatan Perdana Menteri bagi mendedahkan wawasan dan misi jabatan berkenaan, di samping menggariskan beberapa strategi, pendekatan dan matlamat yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun ke hadapan.



JANUARI

Zulkaedah/
Zulhijah 1425

FEBRUARI

Zulhijah 1425/
Muharam 1426

MAC

Muharam/
Safar 1425

APRIL

Safar/
Rabiulawal 1426

MEI

Rabiulawal/
Rabiulakhir 1426

JUN

Rabiulakhir/
Jamadilawal 1426

JULAI

Jamadilawal/
Jamadilakhir 1426

OGOS

Jamadilakhir/
Rajab 1426

SEPTEMBER

Rajab/
Syaban 1426

OKTOBER

Syaban/
Ramadan 1426

NOVEMBER

Ramadan/
Syawal 1426

DISEMBER

Syawal/
Zulkaedah 1426

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Sabtu 20	Ahad 21	Isnin 22	Selasa 23	Rabu 24	Khamis 25	Jumaat 26	Sabtu 27	Ahad 28	Isnin 29	Selasa 30	Rabu 1	Khamis 2	Jumaat 3
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Selasa 21	Rabu 22	Khamis 23	Jumaat 24	Sabtu 25	Ahad 26	Isnin 27	Selasa 28	Rabu 29	Khamis 1	Jumaat 2	Sabtu 3	Ahad 4	Isnin 5
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Selasa 20	Rabu 21	Khamis 22	Jumaat 23	Sabtu 24	Ahad 25	Isnin 26	Selasa 27	Rabu 28	Khamis 29	Jumaat 30	Sabtu 1	Ahad 2	Isnin 3
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Jumaat 21	Sabtu 22	Ahad 23	Isnin 24	Selasa 25	Rabu 26	Khamis 27	Jumaat 28	Sabtu 29	Ahad 1	Isnin 2	Selasa 3	Rabu 4	Khamis 5
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Ahad 22	Isnin 23	Selasa 24	Rabu 25	Khamis 26	Jumaat 27	Sabtu 28	Ahad 29	Isnin 30	Selasa 1	Rabu 2	Khamis 3	Jumaat 4	Sabtu 5
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Rabu 23	Khamis 24	Jumaat 25	Sabtu 26	Ahad 27	Isnin 28	Selasa 29	Rabu 1	Khamis 2	Jumaat 3	Sabtu 4	Ahad 5	Isnin 6	Selasa 7
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Jumaat 24	Sabtu 25	Ahad 26	Isnin 27	Selasa 28	Rabu 29	Khamis 30	Jumaat 1	Sabtu 2	Ahad 3	Isnin 4	Selasa 5	Rabu 6	Khamis 7
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Isnin 25	Selasa 26	Rabu 27	Khamis 28	Jumaat 29	Sabtu 1	Ahad 2	Isnin 3	Selasa 4	Rabu 5	Khamis 6	Jumaat 7	Sabtu 8	Ahad 9
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Khamis 27	Jumaat 28	Sabtu 29	Ahad 30	Isnin 1	Selasa 2	Rabu 3	Khamis 4	Jumaat 5	Sabtu 6	Ahad 7	Isnin 8	Selasa 9	Rabu 10
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Sabtu 27	Ahad 28	Isnin 29	Selasa 30	Rabu 1	Khamis 2	Jumaat 3	Sabtu 4	Ahad 5	Isnin 6	Selasa 7	Rabu 8	Khamis 9	Jumaat 10
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Selasa 28	Rabu 29	Khamis 1	Jumaat 2	Sabtu 3	Ahad 4	Isnin 5	Selasa 6	Rabu 7	Khamis 8	Jumaat 9	Sabtu 10	Ahad 11	Isnin 12
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Khamis 29	Jumaat 30	Sabtu 1	Ahad 2	Isnin 3	Selasa 4	Rabu 5	Khamis 6	Jumaat 7	Sabtu 8	Ahad 9	Isnin 10	Selasa 11	Rabu 12

Hari-hari Kelepasan Awam




Awal Tahun Masihi 2005 ~ Hari Sabtu, 1 Januari 2005/20 Zulkaedah 1425
* Hari Raya Aidiladha ~ Hari Sabtu, 22 Januari, 2005/11 Zulhijah, 1425 sebagai ganti Hari Jumaat 21 Januari, 2005/10 Zulhijah, 1425
Tahun Baru Cina ~ Hari Rabu, 9 Februari, 2005/29 Zulhijah, 1425
* Awal Tahun Hijrah 1426 ~ Hari Khamis 10 Februari, 2005/1 Muharam, 1426
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 ~ Hari Rabu 23 Februari, 2005/14 Muharam, 1426
Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ~ Hari Khamis 21 April, 2005/12 Rabiulawal, 1426
Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ~ Hari Selasa 31 Mei, 2005/22 Rabiulakhir, 1426

Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah ~ Hari Jumaat 10 September, 2005/9 Jamadilakhir, 1426 sebagai ganti Hari Jumaat 9 September, 2005/8 Jamadilakhir, 1426
* Israk Mikraj ~ Hari Khamis 1 September, 2005/27 Rabiulakhir, 1426
* Awal Ramadan ~ Hari Rabu 5 Oktober, 2005/1 Rabiulakhir, 1426
* Memperingati Nuzul Al-Quran ~ Hari Sabtu 22 Oktober, 2005/10 Rabiulakhir, 1426
* Hari Raya Aidilfitri 1426 ~ Hari Khamis dan Hari Sabtu 29 September, 2005/2 Syawal, 1426
Hari Krismas ~ Hari Isnin 26 Disember, 2005/24 Zulhijah, 1426

* Tertakluk kepada perubahan

Terima Kasih kerana

16 Ahad 5	17 Isnin 6	18 Selasa 7	19 Rabu 8	20 Khamis 9	21 Jumaat 10	22 Sabtu 11	23 Ahad 12	24 Isnin 13	25 Selasa 14	26 Rabu 15	27 Khamis 16	28 Jumaat 17	29 Sabtu 18	30 Ahad 19	31 Isnin 20
16 Rabu 7	17 Khamis 8	18 Jumaat 9	19 Sabtu 10	20 Ahad 11	21 Isnin 12	22 Selasa 13	23 Rabu 14	24 Khamis 15	25 Jumaat 16	26 Sabtu 17	27 Ahad 18	28 Isnin 19			
16 Rabu 5	17 Khamis 6	18 Jumaat 7	19 Sabtu 8	20 Ahad 9	21 Isnin 10	22 Selasa 11	23 Rabu 12	24 Khamis 13	25 Jumaat 14	26 Sabtu 15	27 Ahad 16	28 Isnin 17	29 Selasa 18	30 Rabu 19	31 Khamis 20
16 Sabtu 7	17 Ahad 8	18 Isnin 9	19 Selasa 10	20 Rabu 11	21 Khamis 12	22 Jumaat 13	23 Sabtu 14	24 Ahad 15	25 Isnin 16	26 Selasa 17	27 Rabu 18	28 Khamis 19	29 Jumaat 20	30 Sabtu 21	
16 Isnin 7	17 Selasa 8	18 Rabu 9	19 Khamis 10	20 Jumaat 11	21 Sabtu 12	22 Ahad 13	23 Isnin 14	24 Selasa 15	25 Rabu 16	26 Khamis 17	27 Jumaat 18	28 Sabtu 19	29 Ahad 20	30 Isnin 21	31 Selasa 22
16 Khamis 9	17 Jumaat 10	18 Sabtu 11	19 Ahad 12	20 Isnin 13	21 Selasa 14	22 Rabu 15	23 Khamis 16	24 Jumaat 17	25 Sabtu 18	26 Ahad 19	27 Isnin 20	28 Selasa 21	29 Rabu 22	30 Khamis 23	
16 Sabtu 9	17 Ahad 10	18 Isnin 11	19 Selasa 12	20 Rabu 13	21 Khamis 14	22 Jumaat 15	23 Sabtu 16	24 Ahad 17	25 Isnin 18	26 Selasa 19	27 Rabu 20	28 Khamis 21	29 Jumaat 22	30 Sabtu 23	31 Ahad 24
16 Selasa 11	17 Rabu 12	18 Khamis 13	19 Jumaat 14	20 Sabtu 15	21 Ahad 16	22 Isnin 17	23 Selasa 18	24 Rabu 19	25 Khamis 20	26 Jumaat 21	27 Sabtu 22	28 Ahad 23	29 Isnin 24	30 Selasa 25	31 Rabu 26
16 Jumaat 12	17 Sabtu 13	18 Ahad 14	19 Isnin 15	20 Selasa 16	21 Rabu 17	22 Khamis 18	23 Jumaat 19	24 Sabtu 20	25 Ahad 21	26 Isnin 22	27 Selasa 23	28 Rabu 24	29 Khamis 25	30 Jumaat 26	
16 Ahad 12	17 Isnin 13	18 Selasa 14	19 Rabu 15	20 Khamis 16	21 Jumaat 17	22 Sabtu 18	23 Ahad 19	24 Isnin 20	25 Selasa 21	26 Rabu 22	27 Khamis 23	28 Jumaat 24	29 Sabtu 25	30 Ahad 26	31 Isnin 27
16 Rabu 14	17 Khamis 15	18 Jumaat 16	19 Sabtu 17	20 Ahad 18	21 Isnin 19	22 Selasa 20	23 Rabu 21	24 Khamis 22	25 Jumaat 23	26 Sabtu 24	27 Ahad 25	28 Isnin 26	29 Selasa 27	30 Rabu 28	
16 Jumaat 14	17 Sabtu 15	18 Ahad 16	19 Isnin 17	20 Selasa 18	21 Rabu 19	22 Khamis 20	23 Jumaat 21	24 Sabtu 22	25 Ahad 23	26 Isnin 24	27 Selasa 25	28 Rabu 26	29 Khamis 27	30 Jumaat 28	31 Sabtu 29



Cuti-cuti Penggal Persekolahan

Penggal I	: Mulai Hari Jumaat 18 Mac hingga Hari Ahad 27 Mac, 2005 bersamaan 7 Safar hingga 16 Safar, 1426	10 hari
Penggal II	: Mulai Hari Ahad 12 Jun hingga Hari Jumaat 24 Jun, 2005 bersamaan 5 Jamadilawal hingga 17 Jamadilawal, 1426	13 hari
Penggal III	: Mulai Hari Jumaat 9 September hingga Hari Ahad 18 September, 2005 bersamaan 5 Syaaban hingga 14 Syaaban, 1426	10 hari
Penggal IV	: Mulai Hari Jumaat 2 Disember hingga Hari Sabtu 31 Disember, 2005 bersamaan 30 Syawal hingga 29 Zulkaedah, 1426	30 hari

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 - Hari Sabtu 16 Julai, 2005/8 Jamadilakhir, 1426
1426
1426
2005/18 Ramadan, 1426 sebagai ganti Hari Jumaat 21 Oktober, 2005/17 Ramadan 1426
dan 5 November, 2005/1 dan 3 Syawal, 1426 sebagai ganti Hari Jumaat 4
1426 sebagai ganti Hari Ahad 25 Disember, 2005/23 Zulkaedah, 1426

100 pegawai, kakitangan Kementerian Pendidikan tunaikan fardu haji

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 18 Disember. - Lebih 100 orang pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan tahun ini akan menunaikan fardu haji melalui beberapa penerbangan haji yang telah diaturkan.

Petang tadi Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal jemaah haji kementerian berkenaan dan penyampaian sumbangan haji diadakan di Dewan Utama kementerian itu.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis juga diserikan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh seorang penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Antara pegawai dan kakitangan kementerian itu yang akan menunaikan fardu haji termasuklah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Othman.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan sumbangan kepada seorang pegawai yang akan menunaikan fardu haji. - Gambar oleh Hamadi HM.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyampaikan sumbangan kepada pegawai wanita Kementerian Pendidikan yang akan menunaikan fardu haji. - Gambar oleh Hamadi HM.

21 pegawai KPSSU tunaikan fardu haji

BERAKAS, 16 Disember.

- Seramai 21 orang pegawai dan kakitangan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menunaikan fardu haji pada tahun ini diraikan dengan Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Cenderahati di kementerian berkenaan di sini.

Tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji

Oleh
Samle HJ

Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyampaikan cenderahati tersebut kepada bakal-bakal haji berkenaan.

Majlis juga telah diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Cenderahati kepada bekas Pengarah Perikanan, Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin bin Pengiran Hj Yusof yang telah bersara dari per-

khidmatan.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Haji Shahril bin Haji Shahbuddin berharap sumbangan yang dihulurkan itu akan mendapat keberkatan dan hidayah dari penyumbang.

Apa yang penting bagi kita semua ialah sumbangan yang ikhlas kerana keikhlasan sangat bernilai dan semoga Allah jua yang akan memberikan ganjaran pahala dan keberkatan-nya," jelasnya.



SEMINAR sehari mengenai peluang meningkatkan kemahiran keberkesanan dalam mengendalikan mesyuarat berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Ibadat haji perlu pengorbanan

BERAKAS, 17 Disember.

- Menunaikan ibadat haji bukanlah seperti melancang ke tempat-tempat yang menarik akan tetapi pemergian ke Tanah Suci itu memerlukan pengorbanan dan kesabaran serta ketakwaan.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi berkata, ibadat haji juga memerlukan persiapan yang rapi dari aspek rohani dan jasmani.

Oleh itu, jelasnya, bakal-bakal haji dinasihatkan agar memerhatikan kesihatan sentiasa terjaga, kerana dengan keadaan kesihatan dan fizikal yang sempurna maka ia dengan sendirinya memudahkan tugas dalam melaksanakan ibadat haji serta merasa lebih aman dan tenteram.

Oleh
Abdullah Asgar

Yang Dimuliakan mengingatkan perkara itu di Majlis Jiwa Murni Bagi Bakal-bakal Haji ABDB dan Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan petang tadi di Surau Berakas Kem di sini.

"Bakal-bakal haji perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak pengurusan haji negara ini," kata Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan menambah, ingatlah bahawa peraturan yang dibuat adalah semata-mata untuk kebaikan dan kesejahteraan semua jemaah haji yang terdiri dari berbagai kaum dan warna kulit yang da-

tang dengan tujuan yang satu iaitu menunaikan ibadat haji dengan sesempurnanya.

"Saudara saudari selaku warga institusi pertahanan yang biasa dengan budaya berdisiplin akan dapat menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran yang akan dihadapi lebih-lebih jika ianya ditakrifkan sebagai suatu jihad," kata Yang Dimuliakan.

Seramai 27 orang anggota ABDB dari berbagai unit besar dan kecil akan menunaikan fardu haji ke Mekah tahun ini manakala 11 orang pegawai dan kakitangan awam di ABDB dan Kementerian Pertahanan juga akan menunaikan fardu haji.

Di majlis itu tetamu kehormat juga menyampaikan Sumbangan Jiwa Murni kepada bakal-bakal haji dan kakitangan awam.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi hadir di Majlis Jiwa Murni Bagi Bakal-bakal Haji ABDB dan Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Seminar meningkatkan kemahiran anjuran ASEAN-EC

Oleh
Samle HJ

GADONG, 18 Disember. - Seramai 27 peserta yang mewakili sektor awam

dan pribet berpeluang meningkatkan kemahiran keberkesanan dalam mengendalikan mesyuarat menerusi program sehari 'How To Run Meetings Which Actually Accomplish Something' anjuran Pusat Pengurusan ASEAN-EC di sini.

Seminar dan latihan sehari itu dikendalikan oleh pensyarah dan pelatih profesional, Geoff Andrews selaku Pengarah bagi Latihan NB dan Associates.

Beliau mempunyai pengalaman luas menjadi Pengurus selama lebih 25 tahun dalam sektor awam dan pribet di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Malaysia dan pernah mengendalikan persidangan dan seminar dalam

bidang pembangunan sumber tenaga manusia (HRD) kepada 15 buah negara.

Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abdul Ghani Pengiran Haji Metusin berkata, pusat berkenaan sentiasa mempelawa berbagai bidang industri dari sektor awam dan pribet untuk menyertai berbagai aktiviti kemajuan berkesan di samping meningkatkan kemahiran tertentu.

"Kami selalu berusaha untuk memastikan peserta program akan menerima latihan, nasihat dan perkhidmatan yang bermutu tinggi dan memberi kepuasan," jelasnya kepada pemberita. PELITA BRUNEI selepas melancarkan seminar mengenai 'How To Run Meetings

Which Actually Accomplish Something' di pusat berkenaan di sini.

Menurutnya, program praktikal yang dikendalikan seumpama itu juga merupakan salah satu usaha untuk menyediakan keperluan kemahiran bagi memastikan mesyuarat yang dikendalikan berjalan dengan lancar, sangat berkesan dan memperolehi lebih banyak pencapaian tanpa mengambil waktu yang panjang.

"Program ini akan memfokuskan mengenai dengan pengurusan faktor manusia, waktu dan teknik bagi memastikan mesyuarat yang dikendalikan benar-benar produktif dan sangat berhasil," jelasnya.

Perletakan batu asas sekolah rendah

GADONG, 23 Disember. - Penduduk Kawasan Skim Perumahan Rakyat Jati Kampong Tungku dan kawasan-kawasan sekitarnya akan mempunyai kemudahan sekolah rendah yang baru dijangka siap penghujung tahun depan.

Sekolah yang menelan belanja hampir \$4 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 mampu menampung sehingga 800 orang pelajar di samping untuk mengurangkan kesesakan pelajar yang menuntut di Sekolah Rendah Tungku ketika ini.

Hadir di majlis itu ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera

Oleh
Abu Bakar HAR

Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi.

Sekolah yang terletak di atas tanah 9 ekar mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan dan telah bermula sejak 22 Mei yang lalu.

Dengan mempunyai empat blok yang berasingan sekolah baru tersebut dilengkapi pelbagai kemudahan seperti bilik belajar, makmal sains, tandas, bilik guru dan pengetua di samping surau, bilik komputer termasuk blok kindergarten.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menyempurnakan perletakan batu asas Sekolah Rendah Kampong Katok 'A'. - Gambar oleh Halim HS.

Kunjungan hormat rombongan Perkhidmatan Awam Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Disember. - Serombongan pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Malaysia yang dalam rangka lawatan empat hari ke Negara Brunei Darussalam hari ini mengadakan kunjungan hormat kepada Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair yang berlangsung di Bangunan Sekretariat di sini.

Rombongan berkenaan terdiri daripada sembilan orang pegawai kanan Perkhidmatan Awam Malaysia diketuai oleh Timbalan

Oleh
Haji Ahmad HS

Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Datuk Haji Abdullah bin Haji Yatim.

Mereka berada di negara ini dalam rangka Program Pertukaran Lawatan antara Perkhidmatan Awam kedua-dua negara. Rombongan tersebut juga mengadakan lawatan ke beberapa buah jabatan-jabatan kerajaan termasuk Jabatan Pengangkutan Darat, Perkhidmatan Pengurusan, Adat Istiadat, Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Universiti Brunei Darussalam.

Di samping itu mereka juga mengadakan perbincangan dua hala di samping mendengar taklimat

Jabatan Perdana Menteri yang akan berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC di Gadong.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menerima kunjungan hormat Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Malaysia. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Hasilkan bahan penulisan yang lebih kreatif

BERAKAS, 15 Disember. - Penulis-penulis tempatan yang baru digesa supaya dapat menghasilkan bahan-bahan penulisan yang lebih kreatif agar dapat menarik minat para pembaca tempatan sebelum memperkenalkannya ke pasaran luar.

Peringatan itu dibuat oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Sumadi bin Sukaimi di Majlis Perjumpaan Bersama Penulis-penulis Tempatan petang tadi di Balai Sarmayuda di sini.

Beliau berkata, pihaknya menyedari bahasa Melayu tidak digunakan atau dicakapkan sepenuhnya oleh sebahagian pihak, oleh itu

Oleh
Abdullah Asgar



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Haji Sumadi bin Sukaimi. - Gambar oleh Hamadi HM.

adalah perlu untuk mendidik sebahagian mereka untuk menerima dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengetahuan.

Jika perkara itu dititikberatkan dengan sendirinya boleh mengangkat bahasa Melayu dan dikembangkan penggunaannya tidak hanya dalam percakapan seharian malah dalam berbagai aspek.

Beliau menegaskan pentingnya bahasa Melayu di negara ini di samping bahasa itu juga dapat mempromosikan bahasa Melayu ke negara-negara jiran.

"Pendauletan bahasa Melayu dapat ditingkatkan melalui politik, memerlukan minda dan seterusnya

nya dalam ekonomi negara," katanya.

Seramai 100 penulis tempatan menghadiri sesi dialog dengan harapan beberapa masalah semasa mengenai penggunaan bahasa Melayu boleh dibincangkan bersama dan cara mengatasinya.

Antara isu yang dibangkitkan ialah langkah memastikan di suatu hari nanti bahasa Melayu yang menjadi bahasa utama di negara ini tidak akan dijadikan sebagai bahasa kedua oleh sesetengah pihak yang lebih mengutamakan bahasa asing (Inggeris).

Para penulis menyuarakan agar penggunaan bahasa Melayu tidak

Anggota ABDB perlu sentiasa berusaha memajukan diri

TUTONG, 17 Disember. - Wawasan Kementerian Pertahanan iaitu 'Perkasa Dalam Pertahanan Dengan Profesional Dalam Perkhidmatan, Kukuh Dalam Perpaduan, Yakin dan Dinamik Dalam Perlaksanaan' merupakan amanah yang perlu didukung dan dilaksanakan secara kolektif oleh setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang bergolak serta berubah dengan cepat, wawasan tersebut amat bertepatan dan membantu seluruh anggota ABDB untuk mempamerkan dan meningkatkan mutu disiplin yang lebih mantap.

Perkara itu telah ditekankan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-125, di Padang Kawad Pusat Latihan ABDB, di sini.

Katanya, setiap anggota perlu sentiasa berusaha untuk maju dan menyiapkan diri supaya tidak lemas dalam pergolakan perubahan dan permodenan sejagat dan sebagai wira bangsa dan negara, Dato Paduka menyeru mereka menguatkan lagi iltizam, bersikap proaktif, berhemah tinggi dan mencapai kecermerlangan hidup berbangsa dan bernegara.

Terdahulu, beliau melahirkan keyakinan kerjaya sebagai anggota tentera telah berupaya menarik perhatian anak-anak muda negara ini untuk tampil dan menyahut seruan negara dalam mempertahankan kedaulatan serta kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

"Tanggungjawab untuk mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara merupakan

Oleh Samle HJ

amanah yang perlu dipikul dengan semangat waja," jelasnya.

Beliau menambah ABDB telah berjaya mengeluarkan anak watan yang menjadi wadai dan tulang belakang benteng pertahanan negara sambil berharap pengalaman dan kemahiran yang diperolehi oleh rekrut semasa latihan dijadikan pemangkin kepada kejayaan kerjaya di masa akan datang.

Peningkatan yang berterusan dalam pengetahuan dan kemahiran serta pengalaman untuk memajukan diri adalah aset mencapai kualiti kerja yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Dato Paduka juga menekankan agar setiap anggota perlu teguh dan taat setia kepada raja, bangsa dan negara serta berwaspada dengan memelihara diri dan maruah bangsa daripada gejala-gejala negatif dan pengaruh-pengaruh yang boleh meruntuhkan akhlak, iman dan akidah.

Seramai 180 orang rekrut lelaki pengambilan ke-125 berjaya menamatkan latihan asas ketenteraan selama enam bulan.

Md. Eddy Suwardi Makmun dipilih menjadi Rekrut Terbaik Keseluruhan, sementara Kpl Remi Libut menjadi Jurulatih Terbaik manakala Penembak 16A2 Terbaik diberikan kepada Ak. Khairul Bahri Pengiran Ali Umar.

Terbaik Penembak 'Heavy Barrel Automatic Rifle (HBAR)' disandang oleh Rekrut Farizan Salleh dan Latihan Jasmani Terbaik diterima oleh Mahathir Haji Abd.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menerima kunjungan hormat Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Malaysia. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

hanya dalam percakapan saja malah termasuk dalam persidangan dan seminar-seminar yang diadakan di negara ini, di samping ditambah bilangan penerbit-penerbit buku di negara ini agar para penulis dapat

mengetengahkan sumbangan penulisan masing-masing di samping lebih banyak bengkel penulisan dijalankan oleh pihak DBP supaya akan lebih meningkatkan lagi tahap dan mutu penulisan para

penulis.

Sesi dialog itu dihadiri oleh penulis yang aktif dalam penulisan seperti Bahana, Mekar dan Juara Pelajar.



PENULIS-PENULIS tempatan ketika hadir di Majlis Perjumpaan Bersama Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Hamadi HM.

BERKENAN LAWAT 'THE MALL' DI GADONG

GADONG, 27 Disember. - Setelah menamatkan lawatan ke Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan lawatan tidak berjadual baginda ke pusat membeli belah, The Mall yang terletak di Gadong, sebuah kawasan yang pesat membangun di sini.

The Mall, sebuah kompleks yang terdiri daripada lapan tingkat dan 160 petak kedai, termasuk panggung wayang dan restoran telah dibuka pada awal tahun ini, adalah milik pengusaha tempatan.

Keberangkatan baginda ke kompleks The Mall telah menyebabkan orang ramai yang berada di kompleks berkenaan terpegun dan mula mendekati sambil menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga beberapa kali berbual mesra bersama rakyat baginda yang menjunjung ziarah. Keadaan di The Mall semakin ramai dengan pengunjung apabila keberangkatan tiba baginda semakin diketahui ramai.

Antara tempat yang dilawati oleh baginda ialah kawasan aras bawah kompleks itu dan juga meninjau sendiri barisan petak kedai di tingkat satu kompleks berkenaan. Di sepanjang lawatan baginda ke kompleks The Mall itu, baginda diiringi Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan pemilik The

Mall, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Paduka Haji Abdul Hafidz.

Keberangkatan balik baginda dijunjung oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pengerusi Lembaga Bandar Seri Begawan, Awang Haji Saji.

**Liputan
Haji Dayang HK
dan
Haji Ahmad HS
Gambar-gambar
oleh
Haji Haranadi HB
dan
Haji Ariffin HMN**



BAGINDA ketika berangkat turun setelah mengadakan lawatan ke tingkat pertama Kompleks The Mall (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berbual mesra bersama pelancong yang kebetulan berada di Kompleks The Mall ketika keberangkatan baginda ke kompleks berkenaan (atas).

BAGINDA ketika bertanya sesuatu kepada pemilik The Mall semasa keberangkatan baginda melawat kompleks berkenaan (kiri).



BAGINDA ketika berbual mesra bersama Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Paduka Haji Awang Hapidz, pemilik Kompleks The Mall (atas kiri).

BAGINDA ketika bertanya sesuatu kepada beberapa orang pekerja di sebuah restoran yang terletak di tebing Sungai Brunei yang berlatarbelakangkan pemandangan Kampung Ayer yang indah (atas kanan).

BAGINDA sejeurus berangkat tiba di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan menerima sembah taklimat oleh Pengurus Hartanah kompleks tersebut (kiri).

BAGINDA sejeurus sebelum berangkat tiba di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berjalan kaki melihat persekitaran kawasan kompleks berkenaan (kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mendengar sembah taklimat mengenai kawasan Tamu Kianggeh ketika berangkat melawat kawasan berkenaan.

Kebawah DYMM berkenan lawat ibu negara

Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB dan Haji Ariffin HM



SEORANG warga emas yang berjaja di Tamu Kianggeh berbual mesra bersama baginda sambil mendengar permasalahan yang dihadapinya (kanan).

BAGINDA dengan ramah berbual mesra bersama seorang lagi pelancong yang kebetulan berada di kawasan tempat yang baginda lawati (kiri).



BAGINDA ketika berbual mesra bersama beberapa orang pegawai dan kakitangan Bank Standard Chartered yang beroperasi di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas).

KEPRIHATINAN baginda bukan sahaja terhadap kesejahteraan rakyat tetapi juga terhadap alam sekitar dan keindahan di pusat bandar. Baginda juga melihat sendiri keindahan bunga yang ditanam di kawasan pembahagi jalan-jalan utama di pusat bandar (atas kiri).

BAGINDA ketika mengadakan lawatan ke Pondok Kawalan Pos Polis Bandar Seri Begawan yang terletak di kawasan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di pusat bandar sambil mencuba keberkesanan alat perhubungan yang digunakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (kiri).

BAGINDA ketika meninjau lebih dekat lagi jenis-jenis barangan yang dijual di kawasan berjaja Tamu Kianggeh yang terdiri daripada ikan kering, sayuran dan hasil kerajinan tangan (kanan).



Kebawah DYMM utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun dan kepada Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun bersempena ulang tahun Hari Keputeraan Maharaja Akihito.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Jepun. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Jepun akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Jepun sempena ulang tahun Hari Keputeraan Maharaja Akihito.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Jepun. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Hubungan ketenteraan Brunei - Singapura dipertingkatkan

BERAKAS, 20 Disember. - Hubungan ketenteraan yang telah lama wujud antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura terus dipertingkatkan dengan adanya beberapa pertukaran lawatan dan latihan serta seminar.

Ini dijelaskan apabila Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasuraga Brigadier Jeneral

Oleh
Abu Bakar HAR

Dato Paduka Haji Mohd. Yusof ketika menerima kunjungan hormat daripada Ketua Turus Tentera Darat Republik Singapura, Mejar Jeneral Desmond Kuek Bak Chye.

Turut hadir di kunjungan tersebut bagi mengiringi Ketua Turus Tentera Darat Republik Singapura itu ialah Pemerintah Ang-

katan Tentera Darat Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Awang Abdu'r Rahmani yang berlangsung di Kementerian Pertahanan di sini.

Antara tujuan lawatan itu adalah bagi meningkatkan lagi hubungan kerjasama pertahanan kedua-dua buah negara untuk persefahaman bersama dan kerjasama di masa-masa akan datang.

Mejar Jeneral Desmond Kuek Bak Chye berada di negara ini bagi lawatan kerja rasmi selama tiga hari bermula hari ini dan merupakan lawatan kedua ke negara ini setelah memegang jawatannya pada April tahun lalu.

Antara atur cara lawatan termasuklah melawat Kem Lakiun di Temburong dan Bangunan Alat Kebesaran Diraja di ibu negara.



PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasuraga Brigadier Jeneral Dato Paduka Haji Mohd. Yusof ketika menerima kunjungan hormat Ketua Turus Tentera Darat Republik Singapura, Mejar Jeneral Desmond Kuek Bak Chye. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus ICT. - Gambar oleh Hamadi HM.

Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia lawat ASEAN - EC

GADONG, 22 Disember. - Pegawai-pegawai kanan Program Pertukaran Lawatan Perkhidmatan Awam Malaysia (peringkat pertengahan) hari ini meneruskan atur cara mereka dengan mengadakan lawatan ke Pusat Pengurusan ASEAN-EC di sini.

Dalam lawatan tersebut rombongan telah mendengar taklimat yang menyentuh peranan, visi dan misi Jabatan Perdana

Oleh
Abu Bakar HAR

Menteri yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Awang Zainal Abidin.

Juga diadakan di pertemuan itu termasuklah perbincangan dan bertukar buah fikiran yang menjurus kepada meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam.

Hadir di sesi tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad sementara rombongan Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Datuk Haji Abdullah.

Terdahulu dari itu kelmarin rombongan tersebut telah memulakan lawatan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang terletak di Jalan Sungai Akar di sini.

Dalam lawatan tersebut rombongan telah diberi taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab kementerian berkenaan, di samping pecahan jabatan-jabatan di bawahnya.

Hadir sama mengalu-alukan ketibaan rombongan tersebut ialah Setia-



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad menyampaikan cenderamata kepada Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Haji Abdullah. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

usaha Tetap, kementerian berkenaan Awang Haji Jemat.

Program peringkat pertengahan yang dilaksanakan itu jelas menunjukkan usaha sepadu ke arah membentuk masa depan anak bangsa agar mempunyai jati diri yang kukuh dalam menjana kemajuan.

Selain itu program lawatan pegawai-pegawai kedua-dua buah negara adalah penting untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam menyuntik semangat dan pendekatan baru bagi mempersiapkan generasi yang akan datang sebagai pewaris kesinambungan kerjasama, kesepakatan

dan perpaduan yang dijalin melalui hubungan dua hala.

Salah satu kejayaan program tersebut ialah bermanfaat dan menghasilkan faedah yang berharga seperti cetusan pemikiran kedua-dua Perkhidmatan Awam.

Perkara ini jelas terkandung dalam ucapan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid di malam penyampaian hadiah Perlawanan Golf dan Badminton Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Ke-6 pada 4 Oktober lalu.

Peserta luar negara berpuas hati dengan Kursus ICT

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Peserta luar negara yang mengikuti 'ICT Networking Establishment Course' merasa berpuas hati dengan isi kandungan kursus yang mereka ikuti di negara ini.

Perkara ini dijelaskan oleh beberapa orang peserta di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus berkenaan yang berlangsung di Hotel Sheraton di sini.

Kursus yang dikendalikan oleh Pusat Pergerakan Negara-negara Berkecuali bagi Kerjasama Teknologi Selatan-selatan (NAM CTSSC) dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) Negara Brunei Darussalam khusus bagi anggota NAM.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta kursus ialah Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri,

Oleh
Abu Bakar HAR

Dato Paduka Awang Haji Sulaiman.

Menurut Awang Fuad H. Al-Wshah dari Jordan menjelaskan, beliau menghargai usaha yang telah dilaksanakan itu kerana dapat berkongsi pengetahuan, pengalaman dan cara-cara terbaik dalam penggunaan 'networking' di samping membantu pelaksanaan di negaranya.

Beliau yang bertugas di Kementerian Hal Luar Negeri selaku Pakar Teknologi Maklumat (IT) seterusnya menambah, keperluan 'networking' ini sangat penting khususnya dalam infrastruktur komputer yang memerlukan kepakaran walaupun suasana bekerja di negara masing-masing

berbeza.

Beliau yang pertama kali berada di negara ini merasa kagum dengan keindahan serta kebersihan bandar di samping keramahan penduduknya.

Sementara Peter Emuze yang berasal dari Nigeria yang pertama kali mengenali negara ini menerusi keanggotaannya dalam Negara-negara Komanwel merasa kagum dengan pembangunan negara dan pencapaiannya dalam bidang IT yang di luar dugaannya.

Baginya kursus yang diadakan ini sangat menarik dan baik bagi negara-negara membangun khususnya dalam pengenalan e-kerajaan sebagai penghubung utama.

Jelasnya, ilmu yang didapati dari kursus ini sangat bermanfaat bagi semua dan baginya adalah tidak adil jika ianya tidak dikongsi sama di negaranya untuk diketahuhi.

Menurutnya, kursus yang diunkayahkan sangat bermanfaat dan berjaya malah secara peribadi menyatakan negara ini aman dan bersih serta menyenangkan hatinya.

Kursus yang bermula sejak 6 Disember lalu amat penting bagi negara-negara membangun dalam menguasai ICT, di samping meningkatkan pengurangan pemisahan digital antara negara-negara membangun.



AWANG Fuad H. Al-Wshah dari Jordan menghargai kursus yang disertai kerana dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman. - Gambar oleh Hamadi HM.



PETER Emuze dari Nigeria merasa kagum terhadap pembangunan negara dan pencapaiannya dalam bidang ICT. - Gambar oleh Hamadi HM.



ROMBONGAN pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Malaysia bergambar ramai semasa lawatan ke Pusat Pengurusan ASEAN-EC. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

ARENA SUKAN

ABDB - DPMM FC KE AKHIR

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berjaya melangkah ke peringkat akhir Piala F. A. dan akan bertemu juara Liga Bahagian Satu, DPMM F. C. dalam perlawanan akhir pada 8 Januari depan.

Selaku penyandang juara piala itu, ABDB mara ke peringkat akhir selepas menumpaskan Indera F. C. 3 - 0 pada perlawanan separuh akhir di Padang dan Balapan.

ABDB yang menguasai permainan pada pertemuan itu dengan mudah mendahului Indera F. C. 2 - 0 di separuh masa pertama melalui jaringan Md. Saidi Haji Tudin yang merembat

Oleh
Haji Ahat HI

kencang bola di depan pintu gol manakala jaringan kedua melalui sepakan bebas Mohd. Hazreen Pateh Haji Masri.

Indera F. C. yang kali pertama layak ke separuh akhir pada kejohanan ini selepas menyingkirkan Pesaka 2 - 1 di pusingan suku akhir, hanya sekali-sekala melancarkan serangan bahaya melalui penyerang Rosli Haji Liman bersama Ak. Muhd. Zulfadli Pg. Haji Tajudin, namun segala percubaan mereka dengan mudah dihalang oleh penjaga gol ABDB, Fardillah Haji Md. Afi.

Kemudian separuh masa kedua ABDB terus menggempur pertahanan Indera F. C. dengan beberapa serangan bahaya dari setiap penjuru yang memaksa hampir kesemua pemain Indera F. C. bertahan.

Asakan bertali arus itu akhirnya menghasilkan lagi jaringan ketiga ABDB melalui Ak. Mohd. Safri Pg. Haji Othman yang hanya menolak bola masuk selepas menerima hantaran kanan dari Mohd. Saidi Haji Tudin.

Selepas ketinggalan 3 - 0 Indera F. C. cuba memperlancarkan rentak permainan dengan lebih berhati-hati dan dalam masa yang sama pula melakukan serangan sekali-sekala. Bagaimanapun

kesemua percubaan mereka itu gagal menepati sasaran dan kedudukan kekal 3 - 0 hingga tamat permainan.

Sementara itu laluan DPMM F. C. ke peringkat akhir tidak menghadapi banyak rintangan, kecuali pada peringkat suku akhir ketika bertemu A. H. United. Dengan diperkuatkan tiga pemain import iaitu Ajayi Oluseye, Peter Gary Grierson dan Florin Socacio Olimpiu mereka berjaya mengatasi A. H. United dengan kemenangan tipis 2 - 1.

Selepas melepasi halangan itu DPMM F. C. terus bertindak cemerlang dengan menyingkirkan bekas juara Piala F. A. 2002, Wijaya F. C. 4 - 1



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat menyaksikan perlawanan Piala F. A. antara ABDB dan Indera F. C. - Gambar oleh Hamadi HM.

pada perlawanan separuh akhir.

Wijaya F. C. pada awalnya mendahului DPMM F. C. 1 - 0 melalui Ratano Haji Tuah bagaimanapun jaringan itu tidak kekal lama apabila DPMM F. C.

menyamakan kedudukan 1 - 1 melalui tandukan Mohd. Shahrin Zaini dan pada minit terakhir separuh masa pertama, Peter Gary Grierson menjaringkan gol kedua.

Di separuh masa kedua DPMM F. C. terus melebarkan jurang jaringan dengan Peter Gary Grierson bersama Ajayi Oluseye menambahkan dua jaringan menjadikan kedudukan 4 - 1.



SEBAHAGIAN daripada para penyokong yang memberikan sokongan kepada kedua-dua pasukan. - Gambar oleh Hamadi HM.



SATU percubaan yang dilakukan oleh pemain Indera F. C. depan pintu gol ABDB. - Gambar oleh Hamadi HM.

Mesyuarat Jawatankuasa ASSC

BERAKAS, 6 Disember. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASSC) Ke-41 dan Mesyuarat Teknikal dan Kecergasan Jasmani Ke-50.

Seramai 22 orang delegasi yang mewakili lapan buah negara ASEAN meneliti dan mengadakan perbincangan mengenai laporan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan ASSC Ke-40 yang telah diadakan Viet Nam tahun lalu.

Perbincangan berkenaan merupakan salah satu agenda yang terkandung sempena Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi ASSC Ke-41 di sini.

Pengerusi Majlis Sukan Sekolah-sekolah Republik Singapura, Wong Siew Hoon ketika mempergunakan mesyuarat berkenaan melahirkan rasa opti-

Oleh
Samle HJ

mis terhadap kemajuan yang dicapai oleh jawatankuasa berkenaan.

Menurutnya, melalui program yang dipersetujui, jawatankuasa berkenaan yakin akan memberikan satu sasaran yang berjaya dalam melahirkan kualiti sukan ASEAN yang akan bersaing kepada rantau yang lain.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi selaku Presiden Jawatankuasa Tertinggi ASSC 2004 - 2005 ketika mempergunakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan melahirkan bahawa mesyuarat berkenaan akan membuah hasil yang baik dalam memajukan lagi perkembangan sukan di

rantau ini.

Yang Dimuliakan juga menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam juga memberi komitmen dan menyokong terhadap perkembangan sukan di rantau ini di mana negara ini dijangka menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Golf Sekolah-sekolah ASEAN pada bulan Jun 2005.

Mesyuarat berkenaan antara lain membincangkan perkembangan laporan oleh Bendahari ASSC dan laporan Jawatankuasa Teknikal dan Kecergasan Jasmani.

Antara kejohanan sukan bagi sekolah-sekolah ASEAN yang telah dikenal pasti pada penggal 2005 ialah Kejohanan Padang dan Balapan Sekolah-sekolah ASEAN (Singapura) dan Kejohanan Sepak Takraw yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia.



WONG Siew Hoon dari MSSS Republik Singapura mempergunakan mesyuarat. - Gambar oleh Haji Ariffin HMN.



HANYA DI TEMPAT KETIGA ... Para peserta dart dari Pasukan KBT Amin Khai yang menyertai Kejohanan Dart Terbuka Beaufort, Sabah hanya menduduki tempat ketiga dan meraih hadiah wang tunai RM1,000.00. - Gambar ihsan Pengiran Mohammad.

KBT Amin Khai duduki tempat ke-3

Oleh
Samle HJ

PASUKAN KBT Amin Khai, sebuah pasukan dari Bandar Seri Begawan hanya berjaya mara ke peringkat separuh akhir dan menduduki di tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai RM1,000.00 berserta piala dalam Kejohanan Dart Terbuka Beaufort, Sabah baru-baru ini.

KBT Amin Khai telah disekat kemaraannya oleh pasukan kebangsaan Kuala Lumpur (MADHOUSE) yang menduduki ranking kelapan dunia pada tahun 1995 dan ranking kesebelas pada tahun 2003.

KBT Amin Khai dianggotai oleh Pg. Mohammed Pg. Hj. Matarsad, Kamaluddin Haji Bongsu, Asat Bidin dan Madney Jumat.

Seramai 48 buah pasukan menyertai kejo-

hanan tersebut yang dibahagikan kepada enam kategori dengan disertai oleh tujuh buah pasukan termasuk 10 pasukan dari Negara Brunei Darussalam.

Pada kejohanan itu menyaksikan pasukan MADHOUSE selaku juara keseluruhan berpasukan menerima wang tunai sebanyak RM7,000.00 berserta piala iringan, sementara tempat kedua ialah JJ MARINE dan Wilayah Persekutuan Labuan menerima wang tunai sebanyak RM3,500.00 berserta piala.

Peserta negara yang menyertai acara perseorangan terbuka, Abdullah Haji Duraman, Awang Haji Juraini (KPG AIR) dan Serabab Haji Abas (NAKHODA RAGAM) telah menduduki tempat ke-5 hingga 8.

Sementara Amiruddin Haji Manaf (NAKHODA RAGAM) menduduki tempat ke-9 hingga 16 dan Pg. Mohammed Pg. Hj. Matarsad (KBT Amin Khai) menduduki tempat ke-16 hingga 32.

Hadiah-hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Datuk Kimjos Duim, Pengerusi Kejohanan.

Kejohanan seterusnya akan diadakan pada 4 hingga 6 Mac 2005 dengan menyediakan acara tiga orang berpasukan berlangsung di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu, Sabah.

Kejohanan terbuka perseorangan lelaki dan wanita menyediakan wang tunai sebanyak RM10,800 bagi kesemua tiga kategori.

Brunei, Singapura dan Thailand capai persetujuan perkhidmatan pengangkutan udara

BANGKOK, 27 Disember.

- Negara Brunei Darussalam, Thailand dan Republik Singapura telah mencapai kata sepakat apabila menandatangani Perjanjian Berbagai Hala terhadap Penumpang Perkhidmatan Pengangkutan Udara. Melalui perjanjian itu nanti ketiga-tiga negara akan mempunyai kelonggaran untuk membenarkan sistem penerbangan yang ditentukan untuk memberikan penumpang perkhidmatan pengangkutan udara bagi kedua-dua perjalanan seperti hak perjalanan tidak terhad ketiga dan keempat dalam jadual penerbangan yang terbuka.

Sebagai salah satu mekanisme pemboleh kepada perjanjian berbagai hala tersebut, Negara Brunei Darussalam juga menandatangani Protokol Pembebasan Penumpang Pengangkutan Perkhidmatan Udara bagi perkhidmatan perkhidmatan udara ber-

Oleh
Hj. Dayang HK

sama Thailand dan Republik Singapura.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria. Majlis penandatanganan tersebut berlangsung hari ini di sini.

Menurut siaran akhbar Kementerian Perhubungan, ketiga-tiga negara awal sebelum itu telah pun menandatangani Perjanjian Berbagai Hala bagi Pembebasan Penuh Semua Perkhidmatan Kargo Udara pada 25 Februari tahun ini di Republik Singapura.

Perjanjian tersebut memberikan kebenaran bagi sistem penerbangan yang dipilih untuk menyediakan semua perkhidmatan-perkhidmatan kargo udara sama ada dari atau menuju tempat wilayah negara yang membenarkan hak berkenaan melalui mana-mana tempat terdekat kepada tempat di negara lain dan juga di tempat lain (termasuklah hak ketiga, keempat dan kelima pada jadual penerbangan yang terbuka). Kemboja juga turut serta dalam Perjanjian Pembebasan Penuh Bagi Semua Perkhidmatan Kargo Udara pada 25 Mei tahun ini.

Menurut siaran akhbar itu lagi, melalui Perjanjian Berbagai Hala terhadap Penumpang Perkhidmatan Udara, ketiga-tiga negara akan menubuhkan satu rangkaian kerja bagi 'pendekatan 2+X', seperti yang dicita-citakan oleh pemimpin kita di Sidang Ke-



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

muncak ASEAN di Bali Oktober tahun 2003. Negara-negara anggota ASEAN yang lain juga di galakkan untuk turut serta dalam perjanjian berbagai hala itu sejajar dengan hasrat yang akan dicapai di bawah peta jalan bagi pengintegrasian dalam ASEAN. Juga diharapkan agar perjanjian berkenaan akan menggalakkan dan menggiatkan semua sistem penerbangan untuk beroperasi ke negara-negara berkenaan dan pada masa yang sama membolehkan sistem penerbangan kebangsaan untuk berkembang dan membangun perkhidmatan udara dalam rantau ASEAN.

Amalkan sikap proaktif

BANGAR, TEMBURONG, 19 Disember. - Setiap Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang perlulah mengamalkan sikap proaktif dengan tidak hanya duduk di rumah atau di pejabat semata-mata bagi menantikan kedatangan anak-anak kampung yang menjumpai mereka.

Apa yang mustahak, mereka perlu mengadakan lawatan ke persekitaran mukim dan kampung bagi menjumpai sendiri anak-anak kampung, berinteraksi, berbincang, bertukar-tukar fikiran serta mendengar permasalahan mereka di samping melihat secara dekat lagi akan perkembangan persekitaran dan sebarang permasalahan yang di kemukakan.

Demikian ditekankan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Bangar yang diadakan di Kampung Sungai Sulok, Jalan Kastam Lama, di sini hari ini.

Lawatan-lawatan sedemikian, jelas Yang Dimuliakan, bolehlah dilakukan sama ada secara berjadual dengan diketuai sendiri oleh Penghulu Mukim dan disertai oleh para Ketua Kampung di dalam mukim berkenaan atau dilakukan secara persendirian atas inisiatif Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

"Hasil lawatan tersebut hendaklah diambil tindakan-tindakan susulan bagi memastikan keberkesannya," jelas Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lagi.

Sehubungan dengan itu, Yang Dimuliakan juga menaruh harapan yang tinggi kepada setiap Penghulu dan Ketua Kampung supaya dapat memastikan pembayaran elaun pencen atau elaun bantuan kebajikan disampaikan sendiri ke rumah anak-anak buah kampung dengan segera tanpa melalainya.

"Tindakan sedemikian akan dapat meningkatkan kemesraan dan mengukuhkan lagi perhubungan dengan anak-anak buah kampung di samping memberi peluang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung untuk mengetahui dan melihat secara dekat lagi akan kehidupan anak-anak buah masing-masing," jelas Yang Dimuliakan.

Perkara ini, tegas Yang Dimuliakan, akan memudahkan menangani sebarang permasalahan anak buah kampung. Selain itu, dapat mengenal pasti mereka yang hidup susah dan memerlukan bantuan untuk dihidangkan kepada pihak-pihak berkenaan.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga melahirkan rasa kesal terdapatnya majlis-majlis perundingan sama ada di peringkat mukim atau kampung yang tidak aktif, tidak bergerak dan tidak diperbaharui apabila tempoh perantaraan berakhir.

Menurut Yang Dimuliakan, perkara ini terjadi, berpunca daripada kurang komitmen di kalangan ahli-ahli yang dilantik dan juga sikap setengah Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang menganggap bahawa kewujudan majlis berkenaan cuma menyusahkan, tidak penting dan tidak diperlukan.

"Anggapan negatif ini sangatlah merugikan dan perlu dikikis segera kerana ianya terkeluar daripada hasrat penubuhan majlis perundangan yang antara lain diwujudkan semata-mata bagi tujuan memantau, mempermudah dan memperkembangkan lagi pentadbiran, pemuliharaan dan pengeliruan ke atas anak-anak buah yang mana tugas-tugas dan tanggungjawab tersebut sangatlah besar untuk dilaksanakan dengan efektif apatah lagi jika ianya dibuat secara persendirian," tegas Yang Dimuliakan.

Sepatutnya, jelas Yang Dimuliakan, Penghulu dan Ketua Kampung haruslah bijak dengan menggunakan sepenuhnya kewujudan majlis perundangan sebagai tulang belakang dalam menguruskan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan mengadakan permesyuaratan, perbincangan serta merangka dan melaksanakan program-program kerja bagi faedah dan kemanfaatan anak-anak buah kampung.

Yang Dimuliakan menjelaskan, melalui majlis-majlis perundingan, pelbagai aktiviti perekonomian seperti bercucuk tanam, membuka ladang-ladang pertanian, ternakan dan lainnya dapat di kendalikan dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup anak-anak kampung.

Selain itu, jelas Yang Dimuliakan lagi, aktiviti aktiviti kemasyarakatan seperti memucuk-mucuk, bergotong-royong dapat menyatupadukan dan menanamkan perasaan kekitaan dan harmoni. Aktiviti-aktiviti keagamaan dan kesukanan akan dapat menarik penyer-taan golongan belia dari terjebak kepada penyalahgunaan dadah, kegiatan jenayah, menjadi pemugut, melepak tanpa tujuan dan lain-lain perkara yang negatif.

6,000 terlibat dalam KKP 2005

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Disember. - Kira-kira 6,000 keluarga di negara ini akan terlibat dalam Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2005 yang akan dijalankan selama 12 bulan bermula Januari hingga Disember tahun depan.

Sementara pada setiap bulan hampir 500 buah keluarga akan terlibat di keempat-empat daerah dalam kajian kali pertama ini

Oleh
Abdullah Asgar

di mana mereka nanti akan perlu mengisi borang yang telah disediakan mengenai perbelanjaan harian termasuk perbelanjaan bermusim seperti ketika perayaan, awal persekolahan dan cuti sekolah.

"Butiran setiap perbelanjaan itu perlu dicatatkan dengan lengkap iaitu bagi

keterangan barang atau perkhidmatan seperti jenama, berat, jenis perkhidmatan dan sebagainya serta jumlah bayaran," kata Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Hajah Rosni binti Haji Tungkat.

Setiap keluarga juga diperlukan untuk mencatatkan penerimaan pendapatan bagi bulan tersebut.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Dayang Hajah Rosni binti Haji Tungkat ketika mengadakan Sidang Media pagi tadi di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di sini.

Katanya, untuk menerangkan objektif dan kegunaan kajian itu ketua-ketua keluarga yang terpilih akan dijemput untuk menghadiri sesi taklimat sebelum bulan kajian bermula.

Tambahnya, terdapat lebih 130 orang para penyelia dan penemuduga untuk menjalankan kerja-kerja luar bagi kajian itu.

Jelasnya, mereka itu akan melawat keluarga yang di bawah pengawasan masing-masing sepanjang bulan kajian bagi memastikan keluarga tersebut membuat catatan harian perbelanjaan dan pendapatan mereka dengan betul dan teraur.

"Data-data yang diperoleh melalui KPK 2005 itu nanti akan dapat memberikan sumber maklumat yang amat penting bagi

kegunaan perancangan sosioekonomi negara oleh pihak kerajaan," jelasnya.

Katanya, perangkaan utama yang dihasilkan ialah purata perbelanjaan bulanan bagi sebuah keluarga di negara ini mengikut pecahan kategori perbelanjaan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, pendidikan, perubatan termasuk perbelanjaan di luar negara, bayaran pinjaman dan sebagainya.

Menurutnya, keluarga yang ramai terpilih bagi kajian perbelanjaan ialah di kawasan Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Oleh yang demikian jelasnya, adalah diharapkan kerjasama yang penuh dari para keluarga yang terlibat dan kepada mereka yang memelihara anjing supaya dapat memastikan anjing-anjing mereka tidak akan mengganggu pegawai-pegawai kajian demi melicinkan KPK 2005. Kerja-kerja penomboran rumah-rumah yang terpilih bagi KPK 2005 telah pun selesai Oktober lalu.



TIMBALAN Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Dayang Hajah Rosni binti Haji Tungkat (tengah) ketika mengadakan Sidang Media mengenai Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2005. - Gambar oleh Hamadi HM.

برسام منيقتكن كأممن، كمعمورن دان كسجهترآن نكارا

BERSAMA MENINGKATKAN KEAMANAN, KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA

دريقتكن اوله جياتن فتراغن، جياتن فردان منتري دان دجيتق اوله جياتن فرجيتقن كراجان، جياتن فردان منتري، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan Sijil Lantikan Penghulu kepada Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin.

Penghulu perlu memiliki ciri-ciri kepemimpinan

Sumbangan
Haji Nasip Rosli

BELAIT, 12 Disember. - Lantikan jawatan Penghulu Mukim bermakna kepercayaan dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan saja untuk memimpin, mengetuai Ketua-ketua Kampung dan penduduk-penduduk di kampung-kampung, bahkan juga hendaklah sentiasa memberi perha-

tian yang penuh lagi komited dalam memeduli serta memata-matai hal-ehwal penduduk-penduduk kawasan di kampung-kampung dalam mukim di bawah jagaannya.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berucap demikian pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Liang di sini.

Yang Dimuliakan berkata, peranan dan tanggungjawab Penghulu Mukim sebagai pemimpin kepada masyarakat di peringkat akar umbi termasuk Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang adalah berat dan memiliki ciri-ciri kepimpinan dan etika kerja yang murni yang antara lain tugas-tugas dan tanggungjawab tersebut semestinya ditunaikan dengan penuh jujur, amanah, sabar, berwibawa, berakhlak mulia serta penuh bijaksana dalam mengambil sebarang keputusan.

Amalan bermesyuarah dan muzakarah hendaklah sentiasa diamalkan dan dijadikan budaya bukan saja di kalangan Ketua-ketua Kampung malahan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim

dan Kampung dan juga melibatkan badan-badan kebajikan dan persatuan-persatuan belia, di samping sektor swasta dalam sama-sama berusaha untuk membuat rancangan atau mengendalikan apa jua projek dan kegiatan yang berkebakikan dan bermanfaat khususnya kepada penduduk-penduduk mukim dan kampung, di samping tidak mengabaikan kegiatan-kegiatan perekonomian, jelas Yang Dimuliakan.

Mengenai masalah sosial dan kejadian jenayah yang berlaku di negara ini, apatah lagi ianya melibatkan belia-belia, Yang Dimuliakan berkata, tidak sepatutnya menyerahkan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan semata-mata kerana masalah tersebut tidak akan dapat ditangani secara berkesan tanpa adanya kerjasama, komitmen dan keprihatinan dari semua lapisan masyarakat.

Dari itu, Yang Dimuliakan menyeru Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung serta penduduk-penduduk mukim dan kampung selaku orang yang lebih arif dan mengetahui keadaan kampung serta persekitaran hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak-pihak keselamatan dan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang dalam

mengawasi dan memata-matai apa jua kegiatan yang mencurigakan yang berlaku di dalam mukim dan kampung seperti penyalahgunaan dadah, kes jenayah, kehadiran pendatang-pendatang asing tanpa izin dan lain-lain kegiatan antisosial.

Sebarang perkara atau kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan juga peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini hendaklah dilaporkan segera kepada pihak yang berwajib, ujarinya.

Yang Dimuliakan juga telah menyampaikan Sijil Lantikan Penghulu Mukim kepada Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin dan seterusnya merasmikan Papan Tanda Rumah Penghulu Mukim Liang.

Hadir sama, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin; Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusop bin Bakar; Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab; Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Mukim Liang, ketua-ketua jabatan serta penduduk-penduduk Mukim Liang.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan merasmikan Papan Tanda Rumah Penghulu Mukim Liang.

\$1.6 juta bagi promosi pelancongan 2005

BERAKAS, 9 Disember. - Brunei Darussalam terus berusaha menambat hati para pelancong asing untuk datang ke negara ini sebagai satu destinasi pelancongan yang selesa, aman dan menyeronokkan.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dijangka akan membelanjakan kira-kira sejumlah \$1.6 juta bagi tujuan mempromosi Pelancongan Brunei 2005.

Perbelanjaan itu meliputi pengiklanan media cetak dalam semua pasaran utama termasuk iklan, poster, bahan promosi dan risalah mengenai Brunei Darussalam juga akan diterjemahkan ke beberapa bahasa asing serta mengiklankannya melalui laman web.

Pengarah Kemajuan Pelancongan, KPSSU, Sheikh Jamaluddin Sheikh Mohammad berkata, buat julung kalinya, Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Asian PGA Golf yang dijadualkan berlangsung akhir Jun 2005.

"Pertandingan Tarik Kalat peringkat ASEAN sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tahun depan yang menawarkan pelbagai hadiah menarik, termasuk wang tunai dijangka akan menarik lebih ramai pengunjung di rantau ini," jelasnya pada sidang media mengenai Pelancongan Brunei 2005 di KPSSU di sini.

Katanya, Brunei Darussalam juga akan menjadi sebahagian laluan Jelajah Borneo di mana peminat Rolls Royce

Oleh Samle HJ

akan dapat menyaksikan kira-kira 100 buah kereta Rolls Royce dan Bentleys klasik dari Eropah, Australia, Asia dan Argentina dipamerkan di negara ini.

Menurutnya, Jelajah Borneo akan bermula dari Kuching ke Kota Kinabalu yang akan melalui Brunei Darussalam dan singgah di negara ini selama empat hari bagi mengadakan acara amal termasuk Pameran Kereta.

Dalam perkembangan lain, Sheikh Jamaluddin menjelaskan, dalam tempoh enam bulan tahun ini, sejumlah \$400,000.00 dibelanjakan bagi kempen promosi melalui media cetak beberapa penerbitan industri pengguna dan pelancongan yang meliputi Asia,

Australia dan Eropah dengan tema 'The Green Heart of Borneo, A Kingdom of Unexpected Treasures'.

"Promosi ini turut meliputi usaha meningkatkan minat terhadap Brunei Darussalam ketika Pameran Perdagangan yang dihadiri oleh Pelancongan Brunei serta penerbangan antarabangsa dan beberapa wakil sektor swasta," ujarinya.

Rencana-rencana mengenai Brunei Darussalam ketika Pameran Perdagangan yang dihadiri oleh Pelancongan Brunei serta penerbangan antarabangsa dan beberapa wakil sektor swasta," ujarinya.

Rencana-rencana mengenai Brunei Darussalam telah banyak dimuatkan dalam majalah, majalah elektronik dan surat khabar di negara-negara terbahit selain program TV Korea, Republik China, Hong Kong, Thailand dan Australia.

Beliau menambah, gabungan kegiatan pemasaran Pelancongan Brunei, Penerbangan Diraja Brunei dan sektor swasta berjaya menambah bilangan pengendali pelancongan luar negara yang memperkenalkan Brunei Darussalam dalam bentuk risalah dan menjual pakej pelancongan di negara mereka.

Menyentuh pencapaian sasaran pelancongan tahun lalu, beliau menjelaskan, agensi pembangunan Pelancongan Brunei yakin mencapai sasaran kedatangan pelancong ke negara ini telah mencecah angka 100,000 orang pada tahun 2003 iaitu pertumbuhan tujuh peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurutnya, jumlah berkenaan hanya dapat dikira dari penginapan pelancong di hotel-hotel di negara ini dan tidak termasuk pelancong yang tinggal bersama saudara dan sahabat mereka.



PENGARAH Kemajuan Pelancongan, KPSSU, Sheikh Jamaluddin Sheikh Mohammad menjelaskan, Bahagian Kemajuan Pelancongan akan membelanjakan kira-kira \$1.6 juta untuk tujuan promosi. - Gambar oleh Pengiran Rafae PDPHM.

KESTABILAN dan keharmonian menjadi idaman masyarakat sejagat. Ia penting kerana tanpanya masyarakat tidak akan dapat hidup dalam suasana damai dan selesa. Untuk mencapai matlamat tersebut masyarakat hendaklah mengamalkan sikap 'toleransi' yang boleh menjurus kepada persefahaman dan kerjasama.

Kita menyaksikan bermacam pergolakan berlaku di merata dunia yang mengancam keamanan dan keselamatan. Ia terjadi disebabkan wujudnya pertikaian dan persengketaan mengenai sesuatu masalah yang tidak diselesaikan secara rundingan dan permufakatan berasaskan kejujuran dan keikhlasan.

Dalam menyelesaikan apa juga pertikaian dan permasalahan, tidak ada yang lebih baik selain pihak-pihak terlibat perlu mengamalkan sikap bertoleransi. Pihak yang bertikai perlu berpegang kepada hakikat dan kebenaran, saling menghormati hak masing-masing serta berazam untuk mencari penyelesaian terbaik terhadap apa juga permasalahan.

FOKUS kali ini akan membincangkan serba sedikit mengenai pentingnya kita mengamalkan sikap toleransi untuk mewujudkan keamanan dan kedamaian. Dalam membincangkan sikap toleransi yang skopnya begitu luas, maka penulis hanya akan memaparkan beberapa contoh untuk kefahaman dan manfaat bersama.

TOLERANSI

Selain dari sikap tahan sabar dan tasamuh, toleransi juga ditakrifkan sebagai boleh menerima pandangan, fleksibel dan bertolak ansur. Sikap ini penting dalam kehidupan antara individu dengan individu lain, berjiran tetangga, bermasyarakat di peringkat serantau dan antarabangsa.

Jika sikap ini diamalkan oleh setiap orang maka apa juga kekusutan akan dapat diuraikan di mana sebarang pertikaian dan permasalahan akan dapat disesuaikan dengan fikiran yang tenang dan minda yang terbuka.

Menyebut mengenai sikap toleransi yang ada hubung kaitnya dengan silaturrahim dan perhubungan sesama manusia, maka ada baiknya kita petik firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anfaal ayat 1 yang tafsirnya:

"Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan di antara kamu."

Sementara itu dalam sebuah hadis dari Anas bin Malik Radiallahuanhu katanya:

Telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: *"Permudahkanlah dan jangan mempersulitkan."* (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sebuah hadis lain dari Aisyah Radiallahuanha katanya:

"Saya mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdoa di rumahku ini: Ya Allah! Siapa yang menguasai sesuatu dari urusan umatku, lalu dia mempersukar pada mereka maka sukarkanlah baginya, dan siapa yang mengurus urusan umatku lalu dia mempermudah pada mereka, maka permudahkanlah baginya." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Tidak syak lagi bahawa toleransi boleh mengekalkan dan meningkatkan hubungan baik antara satu sama lain seperti yang dituntut oleh ajaran Islam. Kita juga dianjurkan untuk mempermudah dan tidak mempersulitkan segala urusan yang antaranya boleh dibuat melalui

TOLERANSI MENJAMIN 'KESTABILAN DAN KEHARMONIAN'

sikap bertoleransi.

Dari segi Islam, erti mempermudah seten-tunyalah memudahkan sesuatu urusan atau rundingan berasaskan kebenaran mengikut 'hukum dan hak' selayaknya. Maka tidak sewajarnya kita mempersulitkan sesuatu urusan dengan dolak-dalik atau tipu muslihat pada jalan yang batil dan mungkar.

PERTIKAIAN

Pertikaian dan persengketaan boleh sahaja berlaku antara individu dengan individu yang lain, sesama keluarga, rakan sejawat, jiran sekampung, jiran serantau dan antarabangsa. Banyak sebab yang menjadikan persengketaan boleh berlaku seperti berpunca dari masalah keluarga dan persekitaran selain dari sikap tamak, dengki, mengganggu hak orang dan banyak lagi.

Di kalangan individu dan masyarakat pertikaian sering berlaku disebabkan tingkah laku atau perbuatan yang boleh menyakiti hati orang lain sama ada secara disenghajakan atau tidak. Gangguan yang dilakukan terhadap hak dan 'privacy' orang lain sudah tentu akan menimbulkan pertelingkahan yang tidak diinginkan.

Di peringkat global pula pertikaian boleh saja berlaku antara sebuah negara dengan negara yang lain disebabkan pertikaian politik, ekonomi, agama, wilayah, mencampuri hal-ehwal dalam negara lain dan seumpamanya.

Pertikaian dari segi politik terlalu umum. Isu politik boleh sahaja tercetus disebabkan kepentingan-kepentingan tertentu atau sengketa dicetuskan untuk mencari keuntungan. Sesuatu perkara yang kecil boleh sahaja 'dipolitikkan' menjadi isu besar dengan 'mengeksplotasi' dan me-

manipulasikannya.

Kepentingan ekonomi juga sering menimbulkan perbalahan masyarakat dunia. Terdapat sebilangan negara bersikap 'rakus' dengan menindas negara-negara lain terutama negara kecil atau mundur untuk meraih keuntungan yang besar. Liberalisasi dan pasaran bebas boleh sahaja mengeneipkan negara-negara kecil berbanding negara maju dalam persaingan global.

Isu agama seperti yang kita dapat lihat ketika ini atau pernah dengar dan baca dalam media massa juga sering menimbulkan pertikaian. Di sesetengah negara penganut agama minoriti ditekan dan ditindas sewenang-wenangnya oleh golongan majoriti atau pemerintah. Sebab itu sentimen keagamaan yang negatif tidak boleh dibiarkan berleluasa di mana sahaja.

Hak wilayah atau persepadaanan juga sering menjadi pertikaian antara negara-negara terlibat. Tuntutan bertindih dan pencerobohan wilayah juga boleh mengheret kepada perbalahan yang serius jika tidak ditangani sebaiknya.

Dalam keadaan tersebut pihak-pihak terlibat harus mengamalkan sikap toleransi dengan berpegang kepada prinsip 'hakikat dan kebenaran'. Pihak yang ikhlas dan berkepada 'dingin' akan menyelesaikannya di meja rundingan secara adil. Jika tidak dapat diselesaikan juga, setengah negara pula membawanya ke Mahkamah Antarabangsa (ICJ) untuk diadili.

Sering juga kita mendengar campur tangan negara asing mengenai hal-ehwal dalaman sesebuah negara lain. Perkara tersebut memang bercanggah dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Setiap

negara mempunyai hak untuk menentukan hala tuju dan nasibnya sendiri.

Selagi dasar sesebuah negara itu berasaskan kepada keadilan, berjaya mengekalkan kestabilan, kemakmuran, kesejahteraan dan kesejahteraan kepada rakyatnya, mengamalkan sikap bekerjasama dan tidak mengancam atau memusuhi negara lain maka pihak lain tidak seharusnya mengacau atau cuba untuk campur tangan dalam urusan dalaman negara tersebut.

KEPENTINGAN

Meskipun falsafah bekerjasama, saling hormat-menghormati, tidak mencero-bah, tidak campur tangan menjadi pegangan masyarakat antarabangsa seperti yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi sesetengah negara masih tidak mematuhiya disebabkan rasa tamak untuk mencapai kepentingan dan keuntungan tertentu.

Seperti yang disebutkan di awal artikel ini, 'kepentingan' inilah yang membuatkan manusia lupa kepada nilai-nilai positif atau melanggar perintah dan ajaran agama. Manusia sanggup berbuat apa sahaja untuk mencapai cita-cita dan kepentingannya.

Berusaha mencapai cita-cita dan kepentingan tidaklah salah asalkan sahaja ia dilakukan dengan jalan yang 'betul dan halal'. Begitu juga mempertahankan kepentingan dan hak memang dituntut bukan sahaja menurut prinsip kemanusiaan malah dianjurkan oleh ajaran Islam sendiri.

NILAI MURNI

Bagi menjamin kestabilan dan keharmonian, masyarakat haruslah mengamalkan sikap toleransi selagi ia tidak bertentangan dengan ajaran agama. Ke arah ini kefa-

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

haman dan penghayatan mengenai ajaran dan nilai-nilai murni agama adalah sangat penting.

Agama Islam, misalnya, menggariskan hukum-hukum dan peraturan tertentu dalam pergaulan dan interaksi dalam kehidupan bagi mewujudkan hubungan yang baik di kalangan masyarakat berbagai bangsa dan agama.

Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 yang tafsirnya:

"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)."

Kesejahteraan dan kestabilan itu juga hanya akan dapat dirasakan dengan wujudnya jaminan keamanan jasmani, keselamatan harta benda, di samping terhindar dari apa juga bentuk ancaman dan gangguan.

Dari Abu Musa Radiallahuanhu, beliau bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Muslim manakah yang lebih baik?" Baginda menjawab: *"Seorang Muslim iaitu orang yang membawa keselamatan Muslim yang lainnya kerana lidah dan perbuatannya."*

Pada masa yang sama, masyarakat di sebelah timur khususnya di Kepulauan Nusantara mempunyai budaya, adat resam dan tatasusila yang halus dan murni. Nilai-nilai tersebut harus dipupuk dan dikekalkan

dalam masyarakat.

Negara-negara anggota ASEAN menjadikan nilai-nilai budaya dan adat resam yang positif sebagai teras dalam usaha mewujudkan kerjasama dan perpaduan di kalangan masyarakat terutama generasi muda di rantau ini.

Di dalamnya terkandung nilai-nilai seperti berbudi luhur, bersopan santun, tolong-menolong, bekerjasama, bersefahaman dan bersatu padu. Nilai-nilai luhur tersebut mampu menjadi tunjang kepada perpaduan dan keharmonian serantau.

Menyebut konsep toleransi ini ada baiknya kita menghayati petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat merasmikan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 baru-baru ini.

Baginda bertitah menekankan mengenai perlunya kita berpegang kepada nilai-nilai yang menjadi warisan di Negara Brunei Darussalam dan seluruh rantau ini yang berasaskan persahabatan, kerjasama dan saling memahami antara satu sama lain dengan mengamalkan sikap toleransi.

Akhir kata 'pupuk keharmonian melalui sikap toleransi'.

RALAT

Tajuk FOKUS minggu lepas hendaklah dibaca: AWAL TAHUN BARU - 'Sambut dengan azam baru, bukan pesta-pestaan'. - Penyunting.



DALAM tahun 60-an dan 70-an, penghantaran para penuntut ke seberang laut bukan hanya untuk pengajian di peringkat ijazah dan diploma, bahkan juga di peringkat sekolah menengah. Dalam tahun 1965, misalnya, untuk pertama kali, pihak kerajaan telah menghantar serombongan murid melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Gabungan Kaki Bukit (aliran

Inggeris) dan Sekolah Menengah Gabungan Teluk Kurau (aliran Melayu) di Republik Singapura. Gambar kiri menunjukkan sebahagian daripada 20 murid yang akan melanjutkan pelajaran kedua buah sekolah berkenaan di Republik Singapura pada tahun 1968. - Sumber: PELITA BRUNEI, Bilangan 4, Rabu, 24 Januari 1968. Bandar Brunei: Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei. (1968: 3).

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bahagian I

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Permohonan mendapatkan maklumat	Serta-merta jika diketahui. Jika memerlukan penyelidikan tidak lebih 7 hari bekerja
2.	Aduan orang ramai a. Pemeriksaan awal b. Menyampaikan kepada jabatan berkenaan/ mengambil tindakan c. Maklum balas kepada pengadu	7 hari bekerja 7 hari bekerja Tidak lebih dari 21 hari bekerja

* Tempoh masa adalah hari bekerja

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya masa itu akan sentiasa berlalu meninggalkan kita dan tidak akan menunggu kita walaupun sesaat pun. Oleh itu masa amat berharga dan tepat bila dikatakan masa itu emas dan seperti pedang. Begitulah juga umur, ianya sesuatu yang tiada ternilai harganya, ia berjalan seiring dengan perjalanan masa. Semakin umur kita meningkat atau bertambah, maka semakin tua kita dan hampirlah pula kita kepada ajal. Oleh itu janganlah disia-siakan masa dan umur yang masih ada yang dikurniakan Allah Subhanahu Taala itu hendaklah kita manfaatkannya dengan berbuat amal ibadat dan amal-amal kebaikan yang mendatangkan pahala tanpa menanggukannya. Kerana kita tidak tahu sampai bilakah kita akan hidup dan bila pula masanya kita akan dimatikan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 34 yang tafsirnya:

"Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh yang telah ditetapkan. Maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka mengemudikan walau sesuat pun dan tidak dapat pula mereka mendahului."

Memang sudah menjadi lumrah alam, setiap yang datang akan pergi, setiap yang hidup akan mati dan setiap yang bermula akan berakhir, begitulah peredaran masa seperti yang berlaku kepada alam persekolahan di mana musim cuti persekolahan akhir tahun 2004 akan berakhir dan akan bermula pula musim persekolahan awal tahun 2005, di mana para ibu bapa, anak-anak dan guru-guru semuanya sibuk dengan urusan masing-masing. Ibu bapa sibuk membawa anak-anak untuk membeli keperluan persekolahan anak-anak mereka dan guru-guru pula sibuk dengan persiapan mereka untuk mengajar terutama urusan pendaftaran penuntut-penuntut baru sekolah mereka. Tidak terkecuali juga kedai-kedai buku penuh sesak menjadi tumpuan ibu bapa bagi mendapatkan buku anak-anak mereka. Pada masa inilah ibu bapa akan berbelanja lebih dari kebiasaannya. Inilah salah satu tanggungjawab yang wajib dipikul ibu bapa dengan harapan ingin melihat anak-anak mereka berjaya menjadi orang yang


pandai dan berilmu, seterusnya menjadi orang yang berguna di kemudian hari.

Tidak dapat dinafikan bahawa tiada seorang ibu bapa pun yang sanggup dan ingin melihat anaknya susah, menderita dan hidup melarat, sebaliknya semua mahukan anak-anak mereka menjadi insan yang baik dan sempurna, baik sejak mula dilahirkan hinggalah mereka menjadi dewasa di dunia ini, bahkan juga di akhirat kelak. Dan apabila dewasa pula, anak-anak mereka akan mempunyai pekerjaan dan berjawatan. Kerana itulah terdapat di kalangan ibu bapa yang sanggup berkorban wang ringgit, masa dan tenaga

DALAM pada itu, ibu bapa juga perlu ingat bahawa untuk menjadikan anak-anak itu insan yang sempurna, maka anak-anak tersebut perlu memiliki ilmu agama, kerana ilmu agama sahajalah yang dapat membimbing mereka agar tahu membezakan mana yang halal dan mana yang haram, mana yang hak dan mana yang batil, mana yang disuruh dan mana yang dilarang, seterusnya tahu untuk bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala.

Untuk menjadi insan sempurna

PERLU MEMILIKI ILMU AGAMA



dari kesesatan dan kebatilan yang akhirnya akan membawa kita ke Syurga. Dengan ajaran Islam, kita tidak mudah terpengaruh dengan apa jua budaya yang merosakkan dan menyesatkan yang bertentangan dengan budaya kita orang-orang Islam yang patut kita tentang dan elakkan dari bertapak di negara kita. Jadikanlah negara kita negara yang aman sejahtera bersesuaian dengan namanya Negara Brunei Darussalam yang bermaksud Negara Brunei aman sejahtera. Kita perlu ingat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud:

"Dari Ibnu Abas Radiallahuanhuma ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya aku telah meninggalkan pada kamu dua perkara yang kamu tiada akan sama sekali sesat selama mana kamu berpegang kepada keduanya: Kitabullah dan Sunnah Nabi-Nya."

Oleh itu, jika ilmu agama dan ajaran Al-Quran tidak diterapkan awal-awal lagi kepada anak-anak pada masa ini dan juga generasi yang akan datang, sudah pasti mereka tidak mempunyai bekalan yang cukup untuk menghadapi calaran dunia yang lebih canggih dan cabar di masa akan datang.

Jika ajaran Al-Quran dan As-Sunnah tidak diamalkan, sudah tentu kehidupan akan bermasalah dan tidak stabil dan akan wujudlah manusia yang

ILMU agama adalah ilmu yang wajib dituntut kerana ilmu agamalah yang memandu kita ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wataala dan memandu kita ke jalan yang benar dan selamat serta menyelamatkan kita dari kesesatan dan kebatilan yang akhirnya akan membawa kita ke Syurga. Dengan ajaran Islam, kita tidak mudah terpengaruh dengan apa jua budaya yang merosakkan dan menyesatkan yang bertentangan dengan budaya kita orang-orang Islam yang patut kita tentang dan elakkan dari bertapak di negara kita. Jadikanlah negara kita negara yang aman sejahtera bersesuaian dengan namanya Negara Brunei Darussalam yang bermaksud Negara Brunei aman sejahtera.

menghalalkan perkara haram dan mengharamkan perkara yang halal dan akan menimbulkan perasaan nafsu-nafsi dan mementingkan diri sendiri. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Maa'idah ayat 87 yang tafsirannya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."

Oleh itu tiada jalan lain yang lebih baik dan utama melainkan dengan berpegang kepada ajaran Al-Quran dan As-Sunnah jika kita mahu selamat di dunia

dan di akhirat, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Kamu tiada akan sama sekali sesat selama mana kamu berpegang kepada Kitabullah dan Sunnah Nabi-Nya."

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang tafsirannya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan-bahan bakarnya manusia dan baki berhalal. Neraka itu dijaga dan dikawal oleh Malaikat-malaikat yang keras kasar layanannya. Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دار ضھر

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 17 ذوالقعدة، 1425 برسمان دغن 29 ديسمبر، 2004 هيغ كهارى ثلاث، 23 ذوالقعدة، 1425 برسمان دغن 4 جينوري، 2005 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
ذوالقعدة									
17	12.24	3.46	6.18	7.33	4.54	5.04	6.26	6.52	ديسمبر 29
18	12.24	3.46	6.18	7.33	4.54	5.04	6.27	6.52	30
19	12.25	3.47	6.19	7.34	4.55	5.05	6.27	6.52	31 جينوري
20	12.25	3.47	6.19	7.34	4.55	5.05	6.28	6.53	1
21	12.26	3.48	6.20	7.35	4.56	5.06	6.28	6.53	2
22	12.26	3.48	6.20	7.35	4.56	5.06	6.29	6.54	3
23	12.27	3.48	6.21	7.36	4.57	5.07	6.29	6.54	4

وقت ۲ سمبھيغ باگي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

PERHLASAN YANG DILARANG DALAM ISLAM

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

(b) BARANG-BARANG KEMAS DARIPADA EMAS SUASA

EMAS suasa ialah pancalogam atau campuran daripada emas dan tembaga.

Barang-barang kemas yang diperbuat daripada emas suasa seperti cincin, gelang, kalung dan sebagainya adalah termasuk di antara barang-barang yang diharamkan bagi kaum laki-laki memakainya, kerana perhiasan emas yang diharamkan itu tidak kira sama ada ianya terdiri daripada emas semata-mata (tidak bercampur dengan benda yang lain) ataupun sebahagiannya daripada emas dan sebahagian lagi daripada benda yang lain (bercampur). Sedangkan zat emas itu terdapat pada emas suasa. Di samping itu, terdapat unsur bermegah-megah dan membanggakan diri dengan memakai emas suasa itu. (Tuhfah 1/118-119, Al-Raniri, Sirat Al-Mustaqim m.s. 25, Fatwa siri 4/86).

Al-'Allamah Asy-Syeikh Nuuruiddin Muhammad Jilani Ar-Raniri di dalam kitabnya Sirat al-Mustaqim menjelaskan: "Dan demikian lagi, haram memakai suasa...." (m.s. 25).

Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz pernah ditanya mengenai hukum orang lak-laki memakai rantai leher, gelang tangan, cincin yang dibuat daripada suasa. Beliau menjelaskan:

"Haram di atas laki-laki memakai barang-barang kemas dari emas seperti cincin dan juga dari suasa, kerana suasa itu suatu logam yang terjadi dari emas dan suasa."

Berkata al-Imam an-Nawawi dalam Minhaj: "Halal digunakan tiap-tiap bejana yang suci, melainkan bejana yang diperbuat dari emas atau perak adalah haram digunakan."

Kata Al-Imam Ibnu Hajar lepas matn Al-Minhaj ini: "Semuanya atau setengahnya dari salah satu dari keduanya (emas dan perak) atau dari keduanya."

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar, sebab diharamkan ialah kerana 'ain (emas ada pada suasa itu), dengan

syarat ada khuyala' iaitu bermegah-megah dan membesarkan diri dengan memakai suasa itu.

Berkata ulama: "Kerana warna yang ada pada suasa itu warna kuning, sekalipun sedikit pada pandangannya, tetapi warna kuning itu tiada sepenuhnya bahkan warna kuning bercampur dan bersulam dengan warna merah dan ada khuyala' pada memakai suasa seperti ada khuyala' pada memakai emas."

Oleh yang demikian memakai cincin dari suasa adalah haram, apatah lagi kalau cincin itu dibuat dengan semata-mata emas. (Fatwa siri 4/86).

(c) BARANG-BARANG KEMAS DARIPADA PERAK

Harus bagi perempuan memakai cincin, gelang, rantai, loket, anting-anting yang diperbuat daripada perak. Akan tetapi, barang-barang kemas seperti itu adalah dilarang bagi kaum laki-laki memakainya kecuali cincin.

Tidak dilarang bagi laki-laki memakai cincin yang diperbuat daripada perak, bahkan hukumnya adalah sunat, kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memakai cincin yang diperbuat daripada perak.

Kadar pemakaian perak yang diharuskan bagi perempuan adalah sebagaimana kadar pemakaian emas yang diharuskan bagi mereka.

Sementara bagi laki-laki, ukuran kadarnya ialah tidak melebihi daripada pandangan adat kebiasaan atau 'urf. Dalam erti kata yang lain, jika pada pandangan adat kebiasaan pemakaiannya itu adalah banyak, maka itulah yang dilarang. Sebaliknya, jika menurut pandangan adat kebiasaan pemakaiannya itu tidak dikatakan sebagai berlebihan, maka ianya diharuskan. (Al-Majumu' 4/331, Mughni Al-Muhtaj 1/392).

2) BEJANA EMAS DAN PERAK

Para ulama fiqh telah sepakat menetapkan

kan bahawa haram hukumnya bagi lelaki dan perempuan memakai atau menggunakan bejana yang diperbuat daripada emas dan perak seperti pinggan, mangkuk, sudu, garpu dan cawan. Termasuk maksud bejana itu juga pencilak mata, tempat pencilak mata, pencungkil gigi dan seumpamanya. Penggunaan yang dilarang itu tidak kira sama ada bagi tujuan sebagai alat untuk makan dan minum, tempat menyimpan ataupun semata-mata hanya untuk perhiasan tanpa digunakan.

Dasar ketetapan hukum haram memakai atau menggunakan barang-barang ini disandarkan kepada berbagai-bagai sumber hadis, antaranya seperti mana yang diriwayatkan daripada Ummu Salamah Radiallahuanha, beliau berkata bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang minum (menggunakan) pada bejana daripada emas atau perak, maka dia hanya akan mengelegakkan di dalam perutnya api daripada Neraka Jahannam." (Hadis riwayat Muslim).


Termasuk juga yang diharamkan itu, memakai bejana yang disadur dengan emas dan perak.

Namun begitu, tidak mengapa kalau perak dijadikan sebagai pematri atau penampal bejana yang pecah atau berlubang, jika tampalan itu kecil kerana keperluan atau hajat.

(3) MEMAKAI SUTERA

Sutera ialah benang yang lembut dan halus yang didapati daripada sejenis ulat iaitu ulat sutera.

Sutera hanya diharuskan bagi kaum perempuan sahaja. Sementara bagi kaum laki-laki, para ulama fiqh bersepakat mengatakan bahawa memakai sutera bagi laki-laki adalah haram. Larangan memakai sutera bagi laki-laki itu meliputi sama ada untuk tujuan pakaian seperti baju, kain sarung, tali leher dan sebagainya ataupun untuk tujuan selain daripada pakaian, iaitu



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 196
Bahagian Kedua

seperti hamparan permaidani, bantal dan lain-lain.

Perkara ini adalah berdasarkan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Huzaifah Radiallahuanhu, beliau berkata yang tafsirnya:

"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam melarang kami daripada minum dengan menggunakan bejana emas dan perak, menggunakannya untuk makan dan (melarang kami) daripada memakai sutera, pakaian yang ditenun daripada sutera dan (melarang kami) daripada duduk di atasnya." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Sutera yang dilarang bagi kaum laki-laki itu ialah sutera yang tidak bercampur dengan bahan yang lain (pure silk) ataupun sutera yang bercampur dengan bahan yang lain tetapi kadar sutera lebih banyak daripada bahan yang lain itu.

Ukuran banyak dan sedikit sutera yang dicampur dengan bahan yang lain itu adalah dilihat kepada berat timbangannya. Oleh itu, jika sutera itu bercampur dengan bahan yang lain dan bahan sutera lebih berat timbangannya berbanding dengan bahan yang lain, maka tidak boleh bagi laki-laki memakainya atau menggunakannya. Jika sutera lebih ringan timbangannya, maka diharuskan bagi laki-laki memakainya atau menggunakannya. Jika kadar timbangan keduanya (sutera dan bahan yang bercampur dengannya) sama berat, maka mengikut pendapat yang shahih, diharuskan bagi laki-laki memakainya atau menggunakannya. (Al-Majmu' 4/320-323).

BERSAMBUNG

منوجو كريضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

SALAH satu penyakit hati yang berbahaya dan merupakan dosa besar adalah munafik. Munafik atau nifaq bermaksud apa yang dizahirkan tidak sama dengan apa yang ada pada batin. Sifat munafik juga digelar hipokrit, mulut manis apabila berkata tetapi hakikatnya ia berbohong, pandai berbahasa sehingga orang boleh percaya kata-katanya, pandai berjanji tetapi mungkir, ia juga pandai membodek atau mengampu seseorang. Dalam budaya Melayu juga telah banyak menggambarkan sifat-sifat munafik atau hipokrit ini. Contohnya talam dua muka, musang berbulu ayam, telunjuk lurus kelinking berkait, pepat di luar runcing di dalam dan lain-lain. Allah sangat murka terhadap perbuatan khianat ini, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Yusuf ayat 52 yang tafsirnya:

"Dan bahawa Allah tidak menjayakan tipu daya orang-orang khianat."

Khianat adalah lawan bagi sifat amanah. Ia juga merupakan sifat atau ciri-ciri orang yang munafik, sebagaimana tersebut dalam hadis Rasulullah dari Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda

KHIANAT SIFAT MUNAFIK

da yang maksudnya:

"Tanda-tanda munafik itu tiga perkara: Apabila seseorang itu bercakap ia sentiasa berbohong, apabila berjanji tidak pernah ditunaikan dan apabila diamanahkan mereka khianat." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Kedudukan orang munafik tempatnya di Neraka yang paling bawah bersama-sama orang kafir, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 145 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terkebawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) Neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka."

Di antara sifat-sifat munafik itu ialah mengkhianati amanah yang wajib dipelihara, meremeh-temehkan amanah yang diberikan atau tidak menunaikan tugas dan

tanggungjawab yang diarahkan padanya dengan sebaik-baiknya, kerja dengan sam-bil lewa dan menggunakan amanah yang diberikan kepadanya untuk kepentingan diri dan keluarga.

Bercakap bohong, membuat penjelasan, kenyataan dan keterangan yang dusta atau seakan-akan dusta sama ada dengan lisan atau tulisan, memutar belit dan memesongkan keterangan yang sebenar, mengubah dan menokok tambah kenyataan, membuat kempen-kempen atau promosi-promosi dusta dan propaganda liar dan segala bentuk penyelewengan kata-kata dan bicara termasuk membesarkan perkara yang kecil dan memperkecilkan yang besar. Firman Allah Subhanahu wataala dalam Surah Az-Zumar ayat 60 yang tafsirnya:

"Dan pada hari kiamat, engkau akan melihat orang-orang yang berdusta terhadap Allah (dan yang menyatakan kesedihan itu) muka mereka hitam legam."

Tidak menepati janji yang diikrarkan dan mencabul perjanjian yang dipersetujui bersama dan ingin menang dalam pertengkar (bertengkar sehingga melampaui batas) walaupun terpaksa menegakkan benang yang basah atau terpaksa membawa saksi palsu bagi menguatkan hujah adalah antara sifat-sifat munafik.

Semua sifat-sifat munafik yang tersebut itu boleh menimbulkan kesan yang amat buruk kepada ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat, malah boleh menimbulkan huru-hara, perpecahan dan menghilangkan rasa kepercayaan antara satu dengan yang lain.

Orang munafik adalah musuh dalam selimut dan mereka ini lebih berbahaya bagi umat Islam. Orang yang memungkir janjinya adalah dianggap orang yang membelakangi kebajikan. Akibatnya, Allah akan mengekalkan perasaan munafik dalam hati mereka. Sementara mereka yang berbuat dosa, nescaya akan diturunkan bala bencana kepadanya yang akan menimpa dirinya sendiri. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 111 yang tafsirnya:

"Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu dosa maka sesungguhnya ia hanya mengerjakannya untuk (menjadi bala bencana yang) menimpa dirinya sendiri."

KITA semua menyedari dan sangat maklum bahawa setiap manusia itu dijadikan oleh Allah dengan potensi diri yang berbeza dari satu manusia kepada satu manusia yang lain. Ini tidak terkecuali pada kaum remaja. Potensi yang sedia ada hendaklah ditapai dan diasah untuk menjadikan mereka manusia yang berguna. Potensi bakat mereka hendaklah digilap dan dibimbing agar mereka akan membesar dewasa dengan penuh bimbingan dan terarah.

Peringkat remaja ini adalah peringkat yang paling kritikal. Ini kerana di peringkat inilah mereka mula menunjukkan kehebatan mereka sama ada dalam pendidikan, pergaulan, pembawaan, wibawa, kepintaran dan juga kecerdikan mereka. Pada tahap inilah yang paling sensitif di mana ia memerlukan perhatian dan pemantauan yang berkesinambungan dari berbagai pihak. Pihak yang utama dalam tugas memantau ini tidak lain dan tidak bukan ialah institusi keluarga itu sendiri. Dan kemudian diikuti oleh institusi pendidikan dan masyarakat secara umumnya.

Berbagai aspek yang perlu diberikan perhatian dan dipantau secara berterusan. Pertama sekali hati budi mereka. Hati dan budi mereka mesti diberikan perhatian dan pemantauan yang serius kerana ia membabitkan nilai-nilai rohaniyah yang mana amat penting dalam kelangsungan penghidupan mereka khususnya apabila ia mula memainkan peranan dalam masyarakat.

Dengan memberikan perhatian kepada hati dan budi, mereka akan menjadi lebih terarah dan terkawal dalam segala tindak-tanduk mereka. Terkawal di sini bukanlah bermaksud mengawal secara intensif tetapi mengawal secara elastik di mana kita akan sekurang-kurangnya mengawal dengan teguran membina terhadap apa yang mereka lakukan salah dari segi amalan tatasusila dan memberikan mereka masukan-masukan yang baik untuk dijadikan contoh dan teladan.

Dengan itu juga mereka akan mengasah emosi mereka supaya akan lebih berkemampuan mengawal diri dan mendewasakan akal mereka agar dapat menimbang dan menilai yang mana baik dan yang mana buruk. Perkara sedemikian akan membawa mereka menjadi lebih bijaksana untuk membuat pilihan dan keputusan sendiri yang kemudiannya akan menjadikannya mereka juga unggul sebagai dewasa yang mandiri.

Apabila hati, budi dan pemikiran sudah kukuh dan berinteraksi dengan cukup kuat maka ianya kemudian akan bercambah menjadikannya seorang remaja yang ikhlas, tulus, telus, timbang rasa, adil dan prihatin terhadap alam sekitarnya. Perkara sedemikian akan menjadi lebih kukuh lagi apabila nilai-nilai agama diserapkan dengan baik dan teratur. Umpamanya dengan menanamkan nilai-nilai takwa, reda, dan iman maka para remaja akan menjadi seorang manusia yang lengkap dengan pertimbangan akal yang waras dan memiliki peradaban yang terpuji.

Juga penting dalam hal ini ialah penghayatan mendalam tentang bimbingan-bimbingan yang telah disebutkan di atas tadi. Dengan menghayati perkara-perkara tersebut, para remaja akan lebih menjurus kepada pengawalan diri dari melakukan sesuatu yang tidak berfaedah dan memudaratkan diri sendiri. Penghayatan rohaniyah misalnya akan mengeratkan kesuburan emosi yang mendorong seseorang remaja untuk mencapai dan berusaha untuk merealisasikan cita-citanya.

Pendekatan secara Islami adalah satu contoh yang terbaik dalam hal ini. Umpamanya saja bimbingan dan suruhan untuk menunaikan sembahyang yang telah digariskan oleh syarak. Setiap kanak-kanak dalam usia tujuh tahun hendaklah diajar sembahyang dan jika enggan melakukan sembahyang pada usia 11 tahun akan dipukul dengan pukulan ringan adalah satu syariat yang murni dan halus makna yang ter-

surat dan tersirat di dalamnya. Ia mengajar kanak-kanak untuk melaksanakan salah satu kewajibannya sebagai hidup sebagai seorang Islam. Jika tidak maka ia akan dipertanggungjawabkan dengan seksa Allah yang lebih pedih dari pukulan yang disebutkan tadi.

Dengan memperkukuh nilai-nilai hati dan budi serta percambahannya tadi maka seseorang remaja akan mula terfikir apabila menerima teguran atau nasihat daripada ibu bapa dan rakan mereka. Ini akan memberikan mereka keinsafan bahawa lenteran dan teguran adalah perlu dalam proses penghidupan mereka menuju alam dewasa nanti.

Dalam penghidupan kita ibu dan bapa adalah sepaang manusia yang paling rapat dengan kita. Merekalah yang sering kita lihat dan temui dan merekalah tempat kita mengadu jika timbul sebarang masalah dan keraguan. Mereka adalah manusia contoh bagi remaja kerana mereka adalah manusia yang mula-mula makan 'sira'. Bagi pendapat penulis, meja makan adalah sebuah pelantar yang sangat baik untuk dijadikan forum perbincangan bagi sesebuah keluarga. Waktu yang terbaik untuk menggunakan pelantar ini adalah ketika makan malam bersama keluarga kerana pada ketika inilah lazimnya anggota keluarga berhimpun dan makan bersama.

Pada waktu makan malam di sebuah meja bolehlah kita bertukar-tukar pendapat dan pemikiran dengan anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Ibu bapa boleh menggunakan pelantar ini sebagai meluahkan hasrat, cadangan, teguran dan juga saranan terhadap anak-anak. Mereka akan tetap mendengar sambil menikmati juadah makan

BELAJAR DARI KESILAPAN

malum. Tempatnya tidak kira, sama ada di rumah atau di luar, di kedai, restoran dan di mana saja. Bayangkanlah kepada mereka, anak-anak kita, tentang kisah-kisah silam yang manis, pahit dan juga perit sebagai contoh teladan bagi mereka. Membuat perbandingan pengalaman hidup adalah juga satu contoh yang baik. Dengan yang demikian mereka akan cepat menginsafi tentang diri mereka. Mereka juga akan dengan cepat menanamkan sifat hormat dan patuh kepada ibu bapa. Mereka akan mula terfikir apakah mereka sudah menggunakan masa dengan bijak atau rancak membuang masa? Amalan ini sudah dicuba oleh penulis dan ternyata ianya terbukti berkesan.

Sifat hormat dan patuh kepada ibu bapa adalah sifat yang amat dituntut dalam institusi keluarga. Jika sifat ini tidak wujud dalam institusi keluarga maka sudah pasti ada sesuatu yang kurang jelas dalam hal-hal yang mentadbir rumah tangga. Ada kelemahan yang perlu kita perkuatkan dalam hal-hal keluarga kita. Apabila anak-anak remaja kita sudah memiliki sifat hormat dan patuh kepada ibu bapa, maka kita akan lebih mudah untuk membentuk sikap dan pendirian mereka. Terlalu banyak bukti yang nyata di mana anak-anak remaja yang hormat dan patuh kepada ibu bapa berjaya dalam kehidupan mereka.



Kelolaan : Haji Dayang HK

Istilah 'ketulahan' atau menerima balasan Tuhan akibat perbuatan kurang ajar kepada ibu bapa, hendaklah kita serapkan dalam diri anak-anak remaja kita. Bukan tujuan kita mengajar mereka untuk jadi penakut tetapi menjadikan mereka lebih peka tentang ketinggian kedudukan induk dalam institusi keluarga.

Memang kita menyedari bahawa emosi remaja mudah terukis dan sangat rapuh. Bagaimanapun kita mestilah mengajar supaya mereka bersangka baik kepada ibu bapa. Ini kerana remaja hendaklah ditabiih untuk mengimbangi antara emosi dan akal fikiran kerana mereka akan mengalami proses penghidupan menjadi ibu bapa apabila mereka berumah tangga kelak. Dengan yang demikian mereka mahu tidak mahu mesti menjadi contoh yang baik dan jadi ikutan kepada anak-anak dan ahli keluarganya nanti.

Bagi para remaja pula, persoalan-persoalan penting yang harus mereka tanam dalam diri mereka ialah tentang tindak-tanduk ibu bapa mereka. Mengapa ibu bapa mereka menegur sikap mereka? Mengapa mereka menegur terhadap kesejahteraan mereka? Mengapa mereka menegur tentang pergaulan bebas mereka? Semua ini akan terjawab jika para remaja benar-benar menghayati dan menginsafi serta hormat pada ibu bapa.

Bagi institusi pendidikan pula, bimbingan dan petunjuk

bagi para remaja adalah sebahagian besarnya berbentuk formal, di mana mereka akan menerima masukan-masukan ilmiah dan juga asuhan budi. Mereka akan menjadi lebih perkas apabila menerima unsur-unsur masukan berkenaan yang mana seterusnya menjadikan mereka berjaya dan unggul. Dengan berilmu pengetahuan mereka akan menjadi berjaya dan bijak-sana. Remaja yang beginilah yang menjadi harapan negara dan akan tetap menjadi aset penting dalam usaha membangun negara.

Demikianlah, sekilas pemikiran dan pandangan untuk kita sama-sama belajar dari kesilapan kita dan orang lain. Tahun baru nanti kita akan tetap bertekad untuk terus mempertingkat kehebatan dan kebijaksanaan remaja kita. Semoga apa yang telah terungkap akan dapat dijadikan calak dan utap dalam usaha kita mewujudkan suasana sosial yang aman, tenteram dan terarah. Mari kita bersama-sama muhasabah diri mengenai sejauh mana sudah kejayaan usaha kita. Kerana dengannya dapatlah kita jadikan sukat-sukat terhadap kekuatan dan kelemahan kita yang perlu kita perkuatkan dan diperkuatkan. Setentunya tahun mendatang akan lebih banyak cabaran terhidang. Namun kita akan cuba menghadang dan seterusnya menjulang wibawa remaja kita. Selamat tahun baru 2005.

BICARA IT

PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN PMONet

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat

PADA minggu lepas kita telah membicarakan mengenai apa itu PMONet, Visi Projek dan satu daripada enam perkhidmatan PMONet iaitu PMO Internet. BICARA IT kali ini merupakan sambungan kepada siri lalu yang akan mengetengahkan lima lagi perkhidmatan PMONet iaitu:

PMO Intranet: PMO Intranet juga dikenali sebagai Government Intranet Portal (GIP) menurut terminologi projek PMONet. Perkhidmatan ini menyediakan satu saluran Intranet kepada JPM. Ia mengetengahkan sumber maklumat yang komprehensif dan membolehkan para pekerja mudah berhubung dan menyelurur transaksi yang diperlukan.

PMO Intranet bertujuan bagi mengumpul maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan menurut keperluan para pekerja, mengurangkan kompleks dan masa penyelesaian transaksi dalaman di samping membolehkan para pekerja mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat.

Para pengguna PMO Intranet boleh mengakses secara meluas mengenai bidang tugas yang berhubung kait dengan maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan melalui portal tersebut. Perisian PMONet mengandungi topik-topik khusus di samping sistem integrasi akses yang meluas.

PMO Intranet meningkatkan perhubungan, produktiviti dan kemudahan 'intra' dan hubungan antara kerajaan melalui keupayaan penyediaan perkhidmatan pesanan interaktif, membolehkan perkongsian pengalaman, penyaluran pengaliran dokumen serta meningkatkan akses dan pengumpulan maklumat yang berkualiti.

E-OFFICE: E-Office juga dikenali sebagai Collaborative E-Office (CEO) dalam terminologi projek PMONet. Ia menyediakan peralatan-peralatan khusus bagi kerjasama dan perhubungan lebih rapat di kalangan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui e-mel, pesanan cepat, sistem pengurusan dokumen dan lain-lain lagi.

PMO E-Office juga membantu menyediakan akses dan pertukaran maklumat di kalangan para pekerja di dalam atau antara jabatan melalui bilik elektronik dan pesanan cepat. Sebagai tambahan, ia bertujuan mengurangkan bebanan para pekerja yang dilakukan mengikut cara lama menggunakan transaksi kertas dengan terlaksananya pengurusan dan aplikasi-aplikasi khusus pejabat seperti e-mesyuarat dan penjadualan.

CRM: Customer Relationship Management (CRM) merupakan pengurusan perkhidmatan permintaan pelanggan di samping meningkatkan perkongsian maklumat pelanggan merentasi batasan organisasi. CRM menyediakan perkhidmatan satu saluran perhubungan yang selesa, cepat dan boleh dipercayai serta akses ketepatan maklumat dan perkhidmatan kerajaan secara berterusan.

Para pelanggan boleh menilai keupayaan maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikehendaki pada perkhidmatan yang sama, tanpa mengira saluran - sama ada melalui telefon, online atau melalui perjumpaan. Sebagai misal, seorang individu masyarakat boleh berhubung dengan jabatan kerajaan melalui web (melalui PMO Internet) bagi mendapatkan maklumat khusus dan terus menghubungi jabatan berkenaan dengan menggunakan telefon untuk mendapatkan butiran lengkap mengenai perkara berkenaan.

Data Center: Pusat Data juga dikenali sebagai Enterprise Data Network Centre (EDC) dalam terminologi projek PMONet. Pusat Data merupakan nadi kepada operasi-operasi PMONet. Ia merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan operasi dan pengurusan 'enterprise' dan pusat data di samping membantu pengurusan 'desk and end user'.

Komponen utama Pusat Data ialah Infrastruktur Rangkaian yang bertindak selaku 'gateway' kepada 'network' awam yang membolehkan langganannya berinteraksi dengan PMO melalui berbagai saluran; Infrastruktur Pusat Data menyediakan komponen-komponen infrastruktur kepada aplikasi-aplikasi PMO yang ada ketika ini dan akan datang dalam persekitaran yang selamat. Pembangunan infrastruktur dan 'hardware' ketika ini juga di bawah kawalan jabatan-jabatan berkenaan.

DATA Exchange: Data Exchange juga dikenali sebagai Enterprise Application Integration (EAI) mengikut terminologi projek PMONet. Data Exchange merupakan perkhidmatan PMONet yang menyediakan teknologi-teknologi bagi membolehkan pergerakan dan pertukaran informasi dalam aplikasi persekitaran PMO.

Ini bagi memastikan pengendalian transaksi yang efektif dan efisien dalam proses 'cross-functional' perniagaan dan prosedur operasi. Melalui pertukaran data, PMO boleh mencapai integrasi meluas dalam pemberian perkhidmatan baru antara jabatan-jabatan dan sistem-sistem yang ada seperti HRMS.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

Si Budiman



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Jiran Yang Jujur Lebih Baik Dari Keluarga Yang Jauh'. Tarikh tutup 5 Januari 2005.

2. 'Sektor Pertanian Perlu Dikembangkan'. Tarikh tutup 12 Januari 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkan dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunel,

Jabatan Pengangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

emel: pelita@brunei.bn

Peranan wanita dalam pembangunan masyarakat

DALAM arus globalisasi yang tidak mengenal sempadan turut menjadikan keadaan semakin kompleks di mana wanita tidak dinafikan juga merupakan separuh daripada sumber tenaga manusia, turut sama diperlukan untuk memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat.

Bagaimanapun untuk sama-sama memainkan peranan dan mengisi ruang-ruang yang boleh diceburi oleh wanita tentunya mempunyai pelbagai cabaran dan saingan dengan kaum lelaki. Dalam konteks ini, wanita perlu lebih tabah, kreatif, tahan lasak dan berdaya saing.

Adalah tidak dinafikan seandainya kaum wanita diberi peluang secukupnya boleh menjadi sumber tenaga manusia yang amat tinggi nilainya kepada pembangun-

an negara dan masyarakat kerana separuh dari tenaga kerja wanita yang berpotensi tidak boleh dibazirkan begitu saja tanpa diberi peluang secukupnya.

Dengan peluang-peluang yang sama, kebolehan dan kemampuan wanita bukanlah bermakna untuk menguasai atau mengalahkan kaum lelaki tetapi bertujuan untuk meningkatkan jurang pengagihan kuasa di antara lelaki dan wanita.

Apa yang penting sekarang, kaum wanita perlu sentiasa berusaha dan melengkapkan diri dengan pengetahuan serta kemahiran dalam meyakinkan diri mereka menjadi golongan yang lebih berketrampilan dan sentiasa diperlukan walaupun dalam apa jua keadaan sekalipun.

Kaum wanita khususnya mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang seperti elektronik, teknologi maklumat, astronomi dan sebagainya perlu melaksanakan dan meneruskan usaha-usaha me-

ingkatkan ilmu di samping membimbing kaum wanita lain dalam mengukuhkan lagi kemampuan di bidang-bidang yang semakin menjadi tuntutan masa kini ke arah menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Sumbangan wanita dalam pembangunan masyarakat masa kini jelas terserlah umpamanya dengan penglibatan aktif ahli-ahli pelbagai persatuan wanita yang ada di negara ini.

Kaum wanita dalam bersatu persatuan sejauh ini telah turut membantu masyarakat yang kurang berkeupayaan melalui sumbangan dan bantuan umpamanya menghulurkan peralatan-peralatan persekolahan ke kawasan kawasan sekolah di pedalaman malahan juga turut sama membiayai perbelanjaan persekolahan khususnya kepada kanak-kanak yang tidak berkemampuan.

Penampilan wanita dalam pembangunan masyarakat lebih terserlah lagi dengan

penetapan 5 Julai di setiap tahun sebagai Hari Wanita ASEAN. Penetapan tarikh berkenaan adalah bersempena penandatanganan deklarasi mengenai kemajuan wanita di rantau ASEAN yang ditandatangani oleh para Menteri Luar ASEAN di Bangkok pada 5 Julai 1988. Dengan penetapan tarikh Hari Wanita ASEAN itu telah jelas membuktikan kewibawaan wanita tidak boleh dinafikan dan ianya turut menjadi perhatian global.

Menjelang tahun 2005, wanita di semua negara Komanwel dikehendaki mencapai ke tahap 30 peratus dalam membuat keputusan dan ini telah pun digariskan di Mesyuarat Ke-5 Menteri-menteri Hal Ehwal Wanita Komanwel di Trinidad pada bulan November 1996.

Dengan keputusan itu wanita hari ini tidak boleh disifatkan sebagai golongan yang hanya menjadi pihak penerima semata-mata tetapi mereka merupakan sebahagian daripada sumber tenaga manusia yang boleh memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara.

Oleh itu para wanita perlu bersikap lebih profesional, berani dan mempunyai berbagai kemahiran diri dalam sama-sama menandingi kaum lelaki ke arah sama-sama memberikan dan

menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Adalah juga jelas bahawa tanggungjawab wanita dan kaum ibu tidak boleh dipandang ringan kerana di samping sebagai pembimbing kepada pembentukan sahsiah anak-anak yang diharapkan dapat membentuk masyarakat yang cemerlang dan dinamik, sebahagian mereka juga turut sama berperanan dalam kerjaya serta persatuan masing-masing.

Dalam era global ini, tidak dinafikan kematapan kaum wanita tidak terhad dalam lingkungan keluarga sahaja malahan berkembang pesat baik dari segi ekonomi, pelajaran, sosial, politik dan juga kemasyarakatan.

Dalam apa jua keadaan segala pencapaian, sumbangan dan ketrampilan kaum wanita tergantung pada diri mereka sendiri dan terpuanglah bagaimana setiap individu wanita itu bijak melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam sama-sama menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Siti Hazrah Haji Marsidi,
No. 10, Simpang 662,
Kampung Selambigar,
Jalan Muara, BC 1515.
No. k/p: 01-046900

Hak wanita sama dengan lelaki

DI NEGARA kita, kaum wanita diberikan hak yang sama dengan lelaki tanpa dituntut oleh wanita. Mereka diberi pendidikan sejak dari tadika hingga ke peringkat yang tinggi tanpa halangan. Bahkan dalam aspek yang lain juga tidak ada timbulnya perbezaan antara lelaki dan wanita. Tetapi tidak kurang juga terdapat mereka yang salah faham dalam isu menuntut hak mereka. Ada di antara mereka 'memegang prinsip' dengan anggapan jika kaum lelaki boleh melakukannya kenapa kaum wanita tidak boleh? Bahkan sebenarnya kaum wanita sama sekali bukan pesaing kaum lelaki, tetapi pelengkap antara satu sama lain. Adalah salah jika kita menganggap yang dituntut oleh lelaki, mesti dituntut pula oleh kaum wanita. Kita harus menerima hakikat bahawa wanita dan lelaki masing-masing mempunyai tugas dan tanggungjawab mereka.

Islam telah menggariskan 'had' dalam aspek menuntut hak di antara kaum lelaki dan wanita dalam aspek kepimpinan.

Ini tidak bermaksud bahawa kaum wanita tidak boleh langsung memimpin tetapi perlu ada orang lain membantunya dalam hal membuat keputusan. Bahkan dalam Al-Quran juga telah mengiktirafkan mengenai kepimpinan wanita iaitu Balqis dalam zaman Nabi Sulaiman. Malah sebagai wanita juga mereka perlu 'menghakis' anggapan dengan mengibaratkan mereka ini kaum yang lemah apabila berhadapan dengan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Kalau wanita sendiri telah menganggap mereka lemah ini hanya bermakna seolah-olah 'menurut saja kata' persepsi kaum lelaki terhadap keupayaan mereka.

Sebenarnya jika diperhatikan pada masa ini usaha

kaum wanita cukup luas meliputi berbagai bidang, terutama yang berhubungan dengan dirinya sendiri, yang diselenggarakan dengan Islam dalam segi akidah, akhlak dan masalah yang tidak menyimpang dari apa yang sudah digariskan atau ditetapkan oleh Islam. Bahkan sebagai wanita Islam di negara ini yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja adalah tidak wajar terpengaruh dengan sikap dan perilaku wanita non-muslim atau yang berkefahaman barat iaitu bebas dari fikiran dan peraturan sebagaimana dituntut oleh agama Islam. Mereka tidak menghiraukan pada perkara halal dan haram, baik dan buruk. Yang menyedihkan lagi terdapat di antara kaum wanita yang meniru mereka secara membabi buta, misalnya memanjatkan serta mewarnakan kuku yang menyerupai binatang buas, berpakaian yang mendedahkan aurat mereka pada yang bukan muhrim, mewarnakan rambut dan sebagainya. Ini semuanya adalah dilarang dalam Islam.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Janganlah kamu menjadi orang tidak mempunyai pendirian dan berkata, 'Aku ikut sahaja seperti orang-orang itu. Jika mereka baik, aku pun baik, jika mereka jahat, aku pun jadi jahat'. Tetapi teguhkan hatimu dengan keputusan bahawa jika orang-orang melakukan kebaikan, maka aku akan mengerjakannya dan jika orang-orang melakukan kejahatan maka aku tidak akan mengerjakannya."

Malah Islam telah menjadikan wanita sebagai unsur yang memegang peranan penting dalam membangun masyarakat yang beradab sehingga Baginda bersabda:

"Dan wanita salihah yang menolongmu atas per-

soalan dunia dan agamamu adalah sebaik-baik (hartu) yang disimpan manusia."

Martabat wanita sebagai manusia adalah sama dengan lelaki tetapi walau bagaimanapun haruslah diingat wanita tetap wanita dan bukan lelaki. Sifat wanita itu sendiri menjadikannya mereka berbeza dengan kaum lelaki iaitu dari segi fizikal dan emosi, tetapi ini tidak bermakna wanita berkedudukan rendah dan merasa terhina dengan kekurangan yang ada.

Bahkan di negara ini kaum wanita dengan persatuan mereka yang tersendiri tidak ketinggalan dalam aspek memberikan pelbagai sumbangan dalam sama-sama membangun masyarakat di negara ini. Malah boleh dikatakan sumbangan yang diberi oleh kaum wanita di negara ini menggalakkan dan membanggakan. Tetapi sebagai insan yang serba kekurangan baik kaum wanita dan kaum lelaki masing-masing mempunyai tanggungjawab serta peranan masing-masing dalam aspek membangun masyarakat di negara ini agar lebih maju dan sentiasa hidup dalam aman dan damai.

Dengan kata lain masing-masing saling memerlukan bagi membangun negara serta masyarakat supaya lebih kuat serta sempurna. Mudah-mudahan negara kita yang tercinta ini akan sentiasa aman dan damai di mana masyarakatnya sentiasa hidup dalam suasana harmoni serta mengamalkan sifat bantu-membantu antara satu dengan yang lain di bawah kepimpinan raja yang dikasihi.

Zatul Himmah Izzat binti
Haji Mohd. Tejuddin,
No. 24, Jalan 31, Simpang
47, RPN Lambak Kanan,
BC 2915.
No. k/p: 00-300127

MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah kami
kemukakan iaitu 'Peranan Wanita Dalam
Pembangunan Masyarakat'. Mereka akan
menerima hadiah sebanyak \$40.00.
Pendapat yang berjaya itu adalah seperti
berikut:

Wanita giat berpersatuan

KITA mungkin menderang dan mengetahui bahawa wanita di zaman jahiliah tidak mempunyai tempat untuk hidup di dunia ini sehinggalah ada yang dibunuh semasa baru lahir. Ini adalah berasaskan pemikiran kaum lelaki pada ketika itu bahawa wanita sering mendatangkan malu dan membawa sial dalam keluarga mereka. Dengan kedatangan agama Islam, suasana sedemikian telah berubah di mana darjat mereka diangkat dan diberi hak-hak yang bersesuaian dengan taraf kewarntaan mereka.

Jika kita lihat perkembangan dunia masa kini, kaum wanita adalah sumber tenaga manusia yang seiring dengan kaum lelaki dalam berbagai bidang dan kerjaya. Ini bermakna wanita mempunyai peranan dalam perkembangan, kemajuan dan kestabilan ekonomi, sosial, politik dan keselamatan sesebuah negara dan ini nyata dilihat di mana ada kaum wanita yang menjadi ketua negara atau pemerintah kepada sesebuah negeri. Dalam konteks kemajuan dan perkembangan negara, pembangunan masyarakat atau sumber tenaga manusia adalah penting untuk diberi perhatian.

Di Negara Brunei Darus-

salam, wanita mempunyai

dan diberi peluang seperti kaum lelaki untuk maju dan berkembang dan ke arah ini mereka perlulah dan terpaksa bersaing dengan kaum lelaki dalam bidang-bidang dan kerjaya yang mereka inginkan. Contohnya ada wanita yang menjadi doktor, peguam, tentera, jurutera, juruterbang, akauntan dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa masyarakat kita memberi hak kepada kaum wanita dalam sama-sama memainkan peranan dalam pembangunan tersebut.

Dalam konteks pembangunan negara di mana kita perlu untuk melahirkan individu-individu yang berpotensi dan berguna kepada negara, wanita mempunyai peranan menjadi seorang pendidik yang baik kepada generasi yang baru, terutama sekali murid-murid di bangku sekolah, bagi melahirkan masyarakat yang berguna dan berbakti kepada bangsa dan negara. Ini adalah kerana generasi dan murid-murid tersebut diibaratkan sebagai pemimpin untuk hari esok. Pendidik wanita yang berjaya dalam melahirkan masyarakat tersebut akan menjadi wanita model yang dapat mempengaruhi dan menyumbang ke arah pembangunan masya-

rakat keseluruhannya.

Perkembangan sosial yang negatif masa kini seperti penyalahgunaan dadah, merokok dan pergaulan bebas merupakan ancaman dalam pembangunan masyarakat kerana ia boleh melahirkan masyarakat yang tidak bermoral dan tidak berguna yang boleh mengancam kesejahteraan negara. Wanita melalui pertubuhan dan persatuan tertentu seperti Pertubuhan Wanita Brunei, Pertiwi, Pandu Puteri dan sebagainya boleh memainkan peranan dalam membendung gejala-gejala tersebut dengan mengadakan berbagai aktiviti yang berkebakikan dalam bentuk seperti kempen, forum, seminar dan ceramah.

Dalam konteks kekeluargaan pula, wanita adalah seorang ibu yang mempunyai peranan sebagai pendidik, penasihat dan pembimbing kepada anak masing-masing bagi pembangunan dan perkembangan mereka. Proses ini sangatlah penting kerana anak-anak tersebut merupakan sebahagian daripada masyarakat keseluruhannya dan seorang ibu mempunyai pengaruh dalam pembangunan dan pembentukan seorang anak seperti kata pepatah Melayu 'tangan lembut menghayun buaian boleh menggagalkan dunia'.

Secara individu pula, wanita perlulah aktif mengikuti perkembangan dan pergerakan wanita yang dianjurkan oleh mana-mana pihak bagi sama-sama menyokong inisiatif dan pelaksanaan anjuran tersebut. Dalam kata lain seorang wanita jika tidak menjadi ahli kepada sebarang persatuan, patutlah menyokong secara ikut serta dalam mana-mana aktiviti wanita yang dianjurkan itu. Penyertaan wanita dalam mana-mana acara yang dianjurkan membolehkan berinteraksi antara satu sama lain dan akan dapat menghasilkan suasana perbualan dan perbincangan yang positif menjurus kepada pembangunan masyarakat, khususnya bagi kaum wanita.

Pada kesimpulannya wanita mempunyai peranan dalam pembangunan dan pembentukan masyarakat dan juga merupakan sumber tenaga manusia yang penting dalam pembangunan dan kesejahteraan negara.

Mahmud bin Haji
Ibrahim,
No. 11A, Jalan Serusop,
Kampung Serusop,
Berakas, BB 2313.
No. k/p: 00-042584

REMAJA

MENUTUP TIRAI 2004

TERLALU cepat waktu berlalu meninggalkan kita, tidak terasa tahun 2004 akan meninggalkan kita seperti mana juga tahun-tahun yang sudah. Segala yang kita lalui akan meninggalkan ristan dan hanya menjadi sejarah dalam kehidupan kita. Namun demikian tirai 2004 sebelum dilabuhkan perlu juga kita meneliti mengenai perkara yang boleh kita bawa untuk melayari bahtera 2005. Bukan sedikit petikan dan pengalaman yang telah kita lalui di sepanjang tahun yang akan kita tinggalkan ini. Kita tidak akan mampu untuk menahan tahun ini berlalu dan meninggalkan kita sejauhnyanya meskipun sebahagian dari kita akan merasa berat untuk membiarkannya pergi.

Di hadapan kita selepas ini, kita akan meneruskan kehidupan dan menghadapi cabaran demi cabaran, sebaik sahaja kita meneruskan langkah mengemulangi gelombang perjalanannya. Kemajuan dan kepesatan dunia masa kini, adakalanya terlalu ke hadapan dari kita. Lantas kita haruslah sentiasa peka untuk mengimbangi perubahan yang berlaku ini. Sebagai masyarakat yang hidup dalam arus dan perkembangan masa kini, persiapan diri perlu kita lengkapi dari sehari ke sehari. Kelengkapan ini jika kita sediakan dengan sebaiknya akan membantu kita berdepan dengan suasana perubahan dengan lebih yakin. Kita tidak

perlu khuatir dan merasakan kepanasan perubahan ini akan banyak mempengaruhi corak kehidupan dan cara kita.

Namun demikian berdepan dengan suasana yang akan terus bergolak dengan berbagai perubahan ini memerlukan 'tools' atau mekanisme yang dapat dijadikan utap untuk menangkis. Berbagai bidang terpaksa kita hadapi dengan lebih tegas dan berkeupayaan. Kehidupan beragama, ekonomi, pendidikan, budaya, sosial dan bermacam-macam lagi akan menjadi isu-isu yang terbenang di hadapan kita.

Mungkin banyak yang akan merasa cemas bahawa perubahan ini boleh mempengaruhi kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Secara logiknya itulah peranan perubahan yang akan merubah dan meresap dalam ruang lingkup kehidupan kita. Lebih jauh dari itu kita juga akan menjadi pencorak kepada perubahan yang bergolak. Justeru setiap kita perlu meningkatkan ilmu dalam diri masing-masing. Sekarang bukan lagi merupakan masa untuk kita merasa puas dengan pencapaian yang diperolehi. Kalau orang di sekeliling kita sibuk mengejar dan mencapai kejayaan dan keceMERLANGAN, kita juga sepatutnya sedemikian rupa. Cuma kita perlu bergerak dan menyusur perubahan dan pergolakan semasa dengan berbekalkan ilmu.

Ilmu kepada kita adalah sangat penting. Ia memandu dan memperbetul jika kita berlaku silap dan salah. Adalah wajar

dalam menentukan perubahan di sekeliling kita ini sebagai penggerak kemajuan, kita menanainya dengan ilmu dan pengetahuan yang bersendikan ajaran agama. Kerana dengan bekalan sedemikian ini kita bukan sahaja akan dapat mempertahankan nilai-nilai kehidupan yang murni, malahan kita akan mampu bersaing dengan lebih kukuh dan mantap. Kita tidak akan merasa teraba-raba dalam menentukan haluan kerana kita tahu bahawa dunia yang kita lalui adalah ladang untuk kita bercucuk tanam untuk dituai hasilnya di hari kemudian. Kendaritupun berbagai perubahan dan pergolakan berlaku dengan berbekalkan ilmu dan pengetahuan yang luas dan mendalam, kita tidak akan tersesat.

Pergolakan dan perubahan yang semakin padat berlaku dalam kehidupan kita ini, jika tidak mampu kita tangani dengan sebaiknya, bukan setakat ia mempengaruhi cara berfikir kita, namun lebih jauh dari itu ia juga mampu merubah kehidupan diri kita. Jadi ke mana arah dan hala tuju yang kita inginkan. Bagi kita ia amat jelas, bahawa kemajuan dan pergolakan ini merupakan pelantar yang akan menghubungkan kita ke akhirat nanti.

Menjadi kewajipan kita semua dalam menjadikan setiap perubahan sebagai asas dalam memperkuat diri. Biar bagaimanapun perubahan dan coraknya kita akan tetap teguh dan tidak mudah berubah ke arah gejala yang merosak. Kita sedar perubahan dan pergolakan yang sudah kita

OLEH H. A. MANAP

lalui sebahagiannya menjadi perosak dalam kehidupan sosio masyarakat. Isu-isu dan gejala sosial semakin menjadi-jadi. Iklim sedemikian ini seolah-olah mahu meletakkan kita di satu garisan yang mengadili suasana. Ada kalanya kita dihipit dengan berbagai persoalan dan gejala yang terlalu rumit untuk kita menyelesaikannya. Cubalah bayangkan jika kita semakin jauh melangkah dengan perubahan dan pergolakan kehidupan masa kini, mungkin akan banyak lagi akan kita tempuhi dan rasa bersama.

Inilah erti kehidupan yang mahu tidak mahu kita terpaksa berdepan dengannya. Dalam hubungan ini perlu kita belajar untuk muhasabah diri, sebelum kita melangkah ke tahun baru yang hanya tinggal beberapa waktu sahaja lagi. Masa yang sudah kita lalui perlu kita semak. Peranan dan sumbangan kita perlu kita nilai dan kaji semula. Ilmu yang ada pada kita perlu disukat sejauh mana ia mampu membantu kita dalam mengharungi bahtera kehidupan ini dengan lebih baik dan sempurna. Masyarakat kita bagaimana halnya? Semua ini memerlukan kita berperanan. Jika kita tahu apa yang patut kita lakukan maka mudahlah kita nanti menyambung tugas dan peranan di tahun baru yang akan kita lalui. Semoga kita akan terus berjaya dengan petunjuk dan reda Allah.



SETIAUSAHA MUIB, Awang Haji Abdul Wahab menyampaikan bantuan kewangan kepada Awang Mohidin bin Haji Besar. - Gambar oleh Hamadi HM.

MUIB bantu keluarga mangsa bencana alam

BERAKAS, 16 Disember. - Sebagai usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan lain-lain, Unit Kutipan dan Agihan Zakat, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hari ini menghulurkan bantuan kewangan kepada keluarga mangsa bencana alam.

Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Safar hari ini menyampaikan bantuan kewangan serta merta berjumlah \$1,400.00 kepada keluarga mangsa bencana

Oleh
Haji Ahmad HS

alam iaitu Awang Mohidin bin Haji Besar yang berlangsung di Jabatan MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Awang Mohidin beserta ahli keluarga seramai tujuh orang ditimpa musibah apabila rumahnya roboh pada 25 November tahun ini di Kampong Bukit Salat. Bantuan serta merta bertujuan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 15 Disember 2004

Jame' 'Asr Hassaniil Bolikiah, Kampong Kiulap.

ALAI PINTAR



Apakah nama masjid ini?

Azwan bin Maskam,
Sekolah Nusa Laila Puteri.
Umur : 12 tahun

Fatin Nur Nahwa binti Haji Matzin,
Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong.
Umur : 8 tahun

Abdul Haqqul Mubin bin Haji Abu Bakar,
Sekolah Rendah Tanah Jambu.
Umur : 10 tahun

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 651

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 651,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 651

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 15 Disember 2004

Sastera dan Budaya

سستردان بودايي

IBADAT HAJI DALAM MASYARAKAT MELAYU BRUNEI : ANTARA AGAMA DAN ADAT

PENDAHULUAN

OLEH HAJI MUHD. NURUL AZRIN

DARI tajuk di atas menunjukkan bahawa ibadat haji dalam masyarakat Melayu Brunei itu memang semestinya mengikut agama tetapi ia juga berkait rapat dengan adat yang sudah menjadi warisan kita sebagai orang Brunei sejak turun-temurun. Di sini saya akan meninjau mengenai cara perlaksanaan ibadat haji di Brunei iaitu mengenai fahaman orang-orang Brunei kitani tentang haji dan kepercayaan mereka mengenainya yang berkait rapat antara adat dan agama.

IBADAT HAJI

Haji menurut syarak bererti mengunjungi Baitullah (Kaabah) di Mekah dalam bulan haji kerana mengerjakan tawaf, sai dan wukuf di Arafah mengikut syarat-syaratnya yang tertentu. Menurut Prof. J.M. Hasbi As-Siddiqi bahawa Haji ialah mengqasadkan (niat) ke Baitullah yang telah dijadikan Tuhan, Kaabah bagi semua orang Islam, untuk melaksanakan beberapa amalan dan ibadat yang telah ditetapkan syarak di waktu yang telah ditentukan iaitu dari 1 Syawal hingga hari yang kesepuluh dari bulan Zulhijjah. Pada pandangan orang Melayu Brunei, haji itu ialah pergi ke Mekah dalam bulan Zulhijjah dan wukuf di Arafah. Manakala menurut Prof. Dr. Mahmud Syaltut dalam bukunya *Aqidah Wa Syariah*, haji adalah bentuk penyembahan manusia sejak zaman purba. Ia bererti penziarahan ke tempat-tempat tertentu sebagai suatu penyembahan dan penyucian pada Tuhan sembahannya. Begitulah amalan-amalan berbagai bangsa purba seperti orang-orang Mesir kuno, Yunani kuno dan sebagainya. Keadaan ini berterusan sehingga Allah mengutus Nabi Ibrahim dan memerintahkannya membina Kaabah di Mekah untuk tujuan penyatuan sistem haji umat manusia di mana padanya dilakukan tawaf dan berzikir kepada Allah.

Pada hemat saya, dari takrif di atas dapatlah saya simpulkan bahawa haji adalah mengerjakan dengan niat semata-mata kerana Allah untuk mengunjung Baitullah atau Kaabah dan mengerjakan segala amalan-amalan sebanyak mungkin dan mengerjakan Rukun-haji serta melaksanakan dengan sempurna untuk mendekatkan diri kita kepada Allah dan mengharap keredaan-Nya.

Setiap tahun apabila

tibanya bulan Zulhijjah maka akan berduyun-duyun umat Islam dari seluruh pelusuk dunia ini mengunjung Tanah Suci Mekah bagi menunaikan haji iaitu Rukun Islam yang kelima. Mereka ke sana dengan berbagai kenderaan dan bekalan mengikut kemampuan masing-masing, sama ada jauh mahupun dekat dan sama ada yang datang dari timur ataupun barat. Mereka ini adalah dalam destinasi menuju ke arah yang satu iaitu untuk mendapatkan keredaan Ilahi. Dengan berbekalkan niat dan keazaman serta bekal-an yang cukup insya-Allah seseorang itu akan dapat menunaikan haji dengan sempurna kerana sememangnya haji itu hendaklah dilaksanakan dengan sempurna seperti firman Allah yang tafsirnya :

"Dan laksanakanlah Haji dan Umrah dengan sempurna."

Ibadat haji diwajibkan ke atas setiap individu yang beragama Islam dan cukup syarat. Ia hanya diwajibkan sekali seumur hidup. Seorang Muslim yang sudah ada padanya syarat-syarat yang membolehkannya menunaikan haji seperti cukup perbelanjaan dan yang paling penting ialah ia berkemampuan untuk menunaikannya maka hendaklah menyegerakan ke Tanah Suci bagi menunaikan fardu haji tanpa dilengahkan lagi kerana panggilan haji itu sudah ada pada dirinya. Menangguk untuk mengerjakan haji bagi mereka yang berkemampuan adalah sangat merbahaya kerana ditakuti tidak berkemampuan pula di masa akan datang seperti mungkin menghadapi penyakit atau mungkin bertambah uzur lagi atau mungkin juga ada-ada saja hajat yang lain yang mesti dipenuhi dulu dan sebagainya. Semua ini adalah kerana di luar jangkaan manusia untuk mengetahui segala halangan yang mungkin timbul dalam tempoh menunggu masa yang diinginkan untuk menunaikan haji. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Barangsiapa yang bermaksud untuk menunaikan haji, hendaklah disegerakan, sebab sesungguhnya terkadang-kadang yang sakit bertambah tenat terkadang-kadang pula kenderaan hilang dan terkadang-kadang pula hajat lain yang datang." (Riwayat Ahmad, Baihaqi dan Ibnu Majah).

Hadis di atas telah membuktikan bahawa manusia itu hanya merancang dan Tuhan jua yang menentukan. Itulah kadang-kadang yang diharapkan tidak terkabul dan yang cuba dihindar pula yang datang. Jadinya adalah menjadi wajib bagi mereka yang sudah berkemampuan untuk menunaikan haji, hendaklah disegerakan. Ini adalah kerana ditakuti tidak sempat untuk menunaikan haji semasa hayatnya sedangkan ia mempunyai kemampuan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Barangsiapa yang sudah memiliki bekal (perbelanjaan) dan kenderaan yang boleh menyampaikannya ke Baitullah, sedangkan ia tidak menunaikan haji, maka tidak ada lain lagi baginya, sekiranya ia dikehendaki ia mati sebagai Yahudi atau Nasrani." (At-Tirmizi daripada Ali).

Dalam hadis ini jelas sekali gambaran dan kenyataan dari Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai kefarduan atau kewajipan menunaikan haji yang sangat dituntut bagi yang berkemampuan dan cukup syarat-syaratnya.

Kadangkala terdapat juga sesetengah orang kita yang ada sekarang ini suka melengah-lengahkan untuk menunaikan fardu haji, sedang ia adalah salah seorang daripada mereka yang berkemampuan untuk menunaikan haji. Kadangkala ada juga orang yang cukup perbelanjaan tetapi perbelanjaan itu lebih ditumpukan kepada perkara-perkara lain yang boleh dikatakan kurang penting dan bukan keperluan asas. Dan ini adalah bertentangan dengan kehendak Islam.

Sebaliknya pula yang beranggapan ialah ada orang-orang tidak mampu atau kurang berkemampuan dari segi perbelanjaan atau dengan kata lain tidak memenuhi syarat-syarat secukupnya untuk menunaikan haji, tetapi ada di antara mereka ini sanggup untuk menjual harta benda, tanah dan sebagainya untuk menunaikan haji. Ini menunjukkan betapa haji itu adalah salah satu keutamaan untuk mendapatkan keredaan Allah. Lebih lagi ia adalah sesuatu yang dituntut dalam agama Islam untuk mendapat kesempurnaan dalam hidup seorang Islam. Bukan saja semata-mata untuk mendapat kesempurnaan sebagai seorang

Islam tetapi juga untuk mendapatkan kelebihan-kelebihan yang diberikan kepada mereka yang mengerjakan haji, seperti balasan pahala yang berlipat ganda, mendapat keampunan Allah seperti ia baru dilahirkan, doa dimakbulkan, dekat dengan Allah dan sebagainya. Malah ada yang berhasrat untuk mati di Mekah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Wahai manusia, Tuhan telah mewajibkan atas kamu haji, maka kerjakanlah, barangsiapa yang melakukan haji dengan tiada menuturkan kata-kata keji, cemar dan tidak berlaku curang, maka keluarlah ia dari dosanya seperti ia dilahirkan."

Ada juga yang sanggup untuk menunaikan haji dengan menjualkan semua harta bendanya sehingga memberi kesusahan dan kemiskinan kepada dirinya apabila kembali dari menunaikan haji atau kesusahan kepada anak isteri sendiri. Tindakan ini bukanlah cara yang baik walaupun kita sangat berhasrat untuk menunaikan haji. Dalam konteks ini menunjukkan bahawa ia belum lagi berkemampuan untuk menunaikan haji dan kewajipan haji kepadanya adalah belum dituntut.

Lazimnya sebelum menunaikan haji, orang-orang kita di Brunei akan berhadapan dengan beberapa persiapan. Salah satu syarat dan rukun ibadat haji yang paling penting ialah disebut sebagai 'berkuasa' iaitu berkuasa dari segi lahir dan batin serta perbelanjaan yang mencukupi. Diteruskan juga dengan niat di dalam hati yang ikhlas untuk menunaikan Haji. Terdapat segelintir orang-orang kita yang mengangap atau berfahaman bahawa menunaikan haji itu adalah untuk mendapatkan gelaran Haji. Fahaman ini adalah jauh keluar dari lunas-lunas Islam dan bersifat keduaniaan. Sedangkan menunaikan haji bukan bertujuan duniawi, dan bukan untuk tujuan pemiagaan kerana berbelanja untuk mendapatkan gelaran Haji. Tetapi ia adalah tuntutan ke atas kita sepertimana kita menunaikan ibadat-ibadat wajib yang lain. Cuba kita contohi Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah sempurna mengerjakan haji tetapi tidak pula kita menggelarkannya 'Haji Muhammad'. Ini kerana ibadat haji itu bukanlah sesuatu yang ditunjukkan dengan niat yang ikhlas dan haji yang mabrur itu adalah urusan Allah

Subhanahu Wataala.

Saya terbaca pendapat seorang sarjana yang bukan beragama Islam, Gullick yang mengatakan bahawa haji itu dilakukan untuk dua tujuan mengikut kelas seorang haji itu; bagi penduduk kampung ia adalah sebagai peluang untuk memperolehi taraf kedudukan dengan mendapat gelaran 'Haji' diletakkan dengan panggilan 'Tuan' sebelum namanya; untuk golongan yang kaya ibadat haji menimbulkan peluang keluar dari masyarakat yang memalukan dirinya. Dan yang lebih ekstrim ialah pendapat Swettenham yang mengatakan bahawa ibadat haji itu ialah untuk menebus dosa-dosa di dunia seperti merosakkan kehormatan dan maruah akan seimbang semula setelah menunaikan haji.

Pendapat di atas tadi terpesong dan lebih bersifat keduniaan dan materialistik. Mungkin juga dengan menunaikan haji, seseorang itu boleh menaikkan taraf kedudukannya dalam masyarakat yang dapat membezakannya dengan masyarakat lain. Bagi saya, sehinggalah ada sesetengah orang-orang Islam di Brunei juga berpendapat sedemikian iaitu orang yang sudah bergelar 'Haji' itu akan menggelarkan dirinya 'hamba' dan bukan lagi 'saya' atau 'aku' dan sebagainya. Tetapi pendapat saya, panggilan seperti ini hanyalah sebagai unsur kesopanan dalam masyarakat Brunei dan unsur menghormati orang yang bergelar Haji saja kerana dalam Islam itu tiada perbezaan antara kita melainkan ketakwaannya kepada Allah kerana jika kita menganggap haji itu sebagai cara untuk menaikkan taraf, mungkin orang yang menunaikan haji sebanyak sepuluh kali akan menyebut perkataan Haji pada namanya sebanyak sepuluh kali juga. Inilah yang dimaksudkan dengan keduaniaan dan tidak ada dalam Islam. Sedangkan Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sudah menunaikan haji tetapi tidak ada gelaran Haji pada diri Baginda.

ADAT

Setelah meneliti mengenai dengan haji, bagaimana pula yang dimaksudkan dengan adat? Terdapat bermacam-macam pendapat mengenai takrif adat. Perkataan adat diambil daripada bahasa Arab 'adah'. Menurut istilahnya bermaksud 'kebiasaan'. Pendapat Dr. Hj. Hashim dengan ringkas mengatakan bahawa adat itu adalah suatu peraturan atau undang-undang yang tidak bertulis tetapi hanya

ORANG-ORANG Brunei menghormati dan berpegang kepada adat selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang agama yang mereka anuti, agama Islam. Ada pepatah mengatakan 'biar mati anak, jangan mati adat'. Pandangan saya, di sini menunjukkan betapa agungnya adat itu sehingga menyatakan yang adat itu lebih penting daripada anak. Ini juga bermaksud bahawa hukuman itu mesti dijalankan mengikut adat yang telah diwarisi turun-temurun jika sekiranya seseorang itu didapati bersalah walaupun ia adalah anak sendiri.

dihafal dan ia diamalkan oleh sekelompok masyarakat tertentu. Beliau juga menyatakan bahawa yang bertanggungjawab dalam memelihara adat itu ialah Ketua Adat seperti Ketua Kampung, Penghulu, yang diamankan secara rasmi sebagai pemegang Ketua Adat. Oleh kerana ia tidak bertulis, jadinya orang Brunei kita tidak melihat ia sebagai sesuatu yang konsisten atau rujukan utama dalam kehidupan. Manakala P.M. Yusof dalam bukunya *Intisari Kebudayaan Brunei* berpendapat bahawa adat adalah suatu bentuk peraturan yang disukai, disetujui, diamalkan, dihormati dan dipercayai yang merupakan kebaikan bagi suatu masyarakat akan kekal diikuti dan dihormati dan terjadilah suatu peraturan yang diikuti ramai.

Orang-orang barat banyak menakrifkan mengenai dengan adat. Antaranya ialah Dr. R. van Dijk yang berpendapat bahawa adat itu ialah semua kesesuaian dan kebiasaan manusia di semua lapangan hidup, dan semua peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku. A. J. N. Richards berpendapat 'adat can mean law, social or personal and social behaviour'. Manakala seorang sarjana Indonesia, Surojo berpendapat bahawa adat merupakan pencerminan daripada keperibadian sesuatu bangsa, merupakan salah satu penjelmaan, daripada jiwa yang bersangkutan dari abad ke abad. Pendapat Kusumadi tentang adat pula ialah mungkin sesuatu tingkah laku yang pada mulanya diikuti hanya kerana kebiasaan belaka, tetapi lama kelamaan menimbulkan perasaan pada masyarakat yang mengikut tingkah laku tersebut dan kemudiannya menjadi adat.

Dari kenyataan di atas saya berpendapat bahawa adat merupakan undang-

undang yang dibuat oleh manusia atau sesebuah masyarakat sama ada kecil mahupun besar, sama ada asli ataupun yang diambil dari mana-mana tempat dan dipraktikkan oleh sekelompok masyarakat. Ia juga merupakan undang-undang yang tidak tetap bahkan bersifat dinamik dan boleh diubah suai mengikut perkembangan semasa, persetujuan dan kehendak ramai selagi ia memberi kebaikan kepada masyarakat itu. Adat juga banyak dipengaruhi oleh kepercayaan, fahaman, corak kehidupan dan agama. Orang-orang Brunei menghormati dan berpegang kepada adat selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang agama yang mereka anuti, agama Islam. Ada pepatah mengatakan 'biar mati anak, jangan mati adat'. Pandangan saya, di sini menunjukkan betapa agungnya adat itu sehingga menyatakan yang adat itu lebih penting daripada anak. Ini juga bermaksud bahawa hukuman itu mesti dijalankan mengikut adat yang telah diwarisi turun-temurun jika sekiranya seseorang itu didapati bersalah walaupun ia adalah anak sendiri. Hukuman itu mestilah sejajar dengan hukuman yang telah terkandung dalam adat. Ada juga pepatah mengatakan bahawa adat itu 'usang-usang diperbaharui, lapuk-lapuk dikajangi'. Saya berpendapat bahawa adat itu bersifat dinamik dan berkembang, bukannya bersifat statik atau beku. Adat itu sebenarnya akan mengalami proses perubahan dan adat yang dinamik itu adalah masyarakat yang dinamik. Tetapi adat itu akan tetap berlarutan selagi ia masih diamalkan oleh orang ramai dalam sesebuah masyarakat dan akan berubah mengikut keadaan.

Dari muka 8

AGAMA

Saya telah menerangkan serba sedikit apa yang dimaksudkan dengan haji dan adat. Seterusnya ialah mengenai dengan takrif agama. Apa yang dimaksudkan dengan agama? Terdapat banyak pendapat mengenai dengan takrif agama. Agama dalam tulisan atau bahasa Inggerisnya ditulis *religion*. Pandangan orang-orang barat atau sarjana-sarjana antropologi dan sosiologi memanggilnya *religi*. Manakala pendapat Dr. Hj. Hashim bin Haji Abdul Hamid pula agama ialah *religi prenis* yang merujuk kepada agama Islam atau agama samawi itu sendiri. Saya berpendapat agama itu berbagai-bagai seperti agama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan sebagainya tetapi setiap individu hanya boleh mengani satu saja daripada agama-agama tersebut. Tidak mungkin seseorang itu boleh mengani dua, tiga atau lebih agama dalam satu masa kerana setiap agama itu berlainan dari segi kepercayaan, pegangan, konsep, kehidupan dan sebagainya tetapi seseorang itu bebas mengani jenis agama yang dikehendakinya. Lebih-lebih lagi setiap agama itu mempunyai tuhan yang masing-masing. Ini kerana jika seseorang itu tidak mempunyai tuhan untuk disembah, jadinya ia tidak mempunyai agama seperti orang-orang komunis yang tidak percaya adanya Tuhan. Setiap penganut agama itu juga mempunyai cara-cara mereka sendiri untuk mengagungkan agama mereka termasuklah mengadakan upacara-upacara yang tertentu dan perayaan-perayaan yang mesti disambut bagi mengukuhkan kepercayaan mereka masing-masing.

Banyak pendapat lagi mengenai dengan agama yang terdapat dalam pengkajian antropologi, sosiologi dan sebagainya. Tetapi hanya dua takrif saja yang lazim dilihat. Pertama ialah definisi yang diberikan oleh seorang ahli antropologi, E.B. Taylor yang menafriskan agama sebagai kepercayaan kepada kuasa luar biasa. Pendapat ini menjadi lebih teguh apabila kajian telah dibuat oleh pengajian sains sosial tentang fenomena agama yang berdasarkan tingkah laku manusia. Seperti fenomena-fenomena yang dikaji oleh sains sosial, ia mestilah boleh diamati atau didalami, boleh diuji bagi membuktikan kesahihannya dan tahan diuji. Pengkajian ini sebenarnya adalah lebih menuju kepada pemikiran manusia terhadap alam ghaib dan kepercayaan-kepercayaan yang bersangkut-paut dengan animisme atau kepercayaan kepada makhluk halus di kalangan manusia yang belum memeluk agama-agama seperti Buddha, Islam, Hindu dan sebagainya.

Takrif yang kedua mengenai dengan agama ialah pendapat seorang antropologi, Clifford Geertz membuat andaian

bahawa sesuatu sistem agama seolah-olah diper-cayai sebagai benar iaitu sebagai realiti dalam hidup. Beliau menafriskan bahawa agama itu ialah sesuatu sistem perbandingan yang bertindak untuk mewujudkan suasana dan dorongan-dorongan yang kuat, menyerap secara keseluruhan dan hidup lama di kalangan manusia dengan melahirkan konsepsi yang umum tentang kewujudan dan menggunakan konsep-konsep ini dengan rupa kebenaran sehingga suasana dan dorongan itu merupakan sesuatu yang benar. Seperti menurut ahli falsafah Yunani pernah berkata, "jika kuda-kuda disuruh untuk melukiskan gambar tuhan mereka, nescaya mereka akan melukis gambar seekor kuda juga." Juga seperti dalam Kitab Injil ada tersirat bahawa "tuhan menjadikan manusia dalam imej Tuhan sendiri." Tegasnya mereka menganggap bahawa fenomena agama itu sebagai ciptaan dan rekaan manusia sendiri.

Pendapat di atas adalah sangat bertentangan dengan kepercayaan Islam kerana kita lebih percaya bahawa agama Islam itu diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wataala melalui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya. Jadinya seluruh umat Islam lebih berpandukan kepada syariat Allah Subhanahu Wataala. Walaupun demikian, terdapat juga upacara-upacara yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ini dikatakan disebabkan oleh kebiasaan atau adat resam yang mereka warisi sejak sekian lama dan menjadi salah satu daripada fahaman mereka. Seperti menepung tawar atau menyembah pokok dan sebagainya yang dianggap kepercayaan sahaja.

Dari ajaran-ajaran Islam, pakar-pakar adat telah menyedari bahawa hukum alam yang mereka alami itu sebenarnya ialah hukum Allah Subhanahu Wataala yang mengatur dan mencipta alam semesta dengan segala isinya. Begitu dengan kenyataan bahawa Tuhan tidak akan menjadikan jin, syaitan, manusia dan makhluk lain selain daripada semata-mata untuk menyembah-Nya. Di sini telah membuktikan segala ciptaan Allah Subhanahu Wataala mempunyai tujuan yang sangat mendalam dan hanya dapat difikirkan bagi mereka yang mampu berfikir.

Manusia dijadikan dengan akal yang tidak ada pada makhluk lain. Dengan ini mereka mengakui akan keagungan dan kesempurnaan ajaran agama Islam untuk dijadikan pedoman hidup yang boleh membawa perkembangan adat satu-

satu kelompok masyarakat ke arah yang lebih baik, sesuai dan tidak bercanggah dengan hukum Allah. Ini dapat dilihat dalam pepatah yang berbunyi:

*Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan Kitabullah,
Kuat adat, tak gaduh hukum,
Kuat hukum, tak gaduh adat,
Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat.*

Di sini menunjukkan setiap adat yang dipraktikkan itu bersendikan hukum yang telah tercipta sejak dulu lagi iaitu hukum akal. Manakala hukum akal itu mestilah berpandukan kepada hukum syarak iaitu hukum naqal yang mana telah ditentukan oleh Allah. Ini kerana adat yang tidak berpandukan kepada hukum Allah itu adalah adat yang bercanggah dengan Kitabullah dan mungkin ia hanya mengikut hawa nafsu semata-mata dan mungkin boleh membawa kepada syirik. Adat dan hukum syarak itu tidak boleh dipisahkan kerana ia bukan saja saling memerlukan dan saling memperkuat antara satu dengan yang lain tetapi juga dapat berdampingan menurut keadaan.

*Pada adat : Menghentikan yang buruk,
menimbulkan yang baik.*

*Pada Syarak : Menyuruh berbuat baik,
menegah berbuat jahat.*

Demikian halnya dengan adat orang Brunei tentang haji yang mesti berpandukan kepada hukum syarak dan mesti dilihat kepada tiga perkara iaitu tauhid, syariah dan akhlak. Tauhid ialah kepercayaan kepada Allah yang satu dan beriman kepada-Nya. Syariah ialah hukum, undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah dan tidak boleh diubah-ubah seperti hukum wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Manakala akhlak ialah nilai tingkah laku, kelakuan dan keperibadian yang mengikut peri laku yang disuruh oleh syarak dan tidak keluar daripada unsur-unsur kurang sopan apatah lagi yang tidak sopan yang boleh menjurus kepada yang haram.

Sebelum bakal-bakal haji Brunei memulakan perjalanannya untuk mengerjakan ibadah, lazimnya mereka akan mengadakan Majlis Doa Selamat yang diadakan beberapa minggu

sebelum belayar menunaikan haji. Ini bertujuan untuk memohon keselamatan kepada Allah untuk bakal-bakal haji yang akan berangkat belayar ke Tanah Suci. Majlis ini juga dapat merapatkan lagi hubungan silaturahmi dan boleh mendekatkan yang jauh. Apabila saja seseorang itu ingin ke Tanah Suci, ini bukan saja perjalanan jasad ke tanah suci tetapi adalah perjalanan hati dan rohani kita menemui Allah yang dianggap seolah-olah perjalanan menemui maut. Ini adalah kerana pengalaman yang pernah ditempuhi oleh bakal-bakal haji dahulu yang banyak menemui berbagai kesusahan dan kesukaran sebelum sempurna menunaikan haji. Walaupun keadaan sekarang jauh sudah berubah dan agak maju tetapi andaian atau perspektif menunaikan haji itu tetap dilihat pada keadaan di masa yang lampau. Pertemuan sanak saudara sebelum berangkat menunaikan haji itu seolah-olah pertemuan yang terakhir yang penuh dengan kedukaan dan kesedihan.

PERLAKSANAAN IBADAT HAJI DALAM MASYARAKAT MELAYU BRUNEI: ANTARA ADAT DAN AGAMA

Dalam tahun 50-an ke awal tahun 70-an, bakal-bakal haji Brunei Darussalam akan belayar menunaikan fardu haji dengan menggunakan kapal laut. Kira-kira sebulan sebelum berangkat meninggalkan tanah air, biasanya bakal haji ini akan belajar terlebih dahulu secara lisan dari mereka yang sudah pernah pergi menunaikan haji memandangkan pada masa itu tidak ada kursus-kursus haji dari ustaz-ustaz dan media masa seperti surat khabar, televisyen dan sebagainya. Memandangkan perjalanan ke Tanah Suci mengambil masa yang panjang iaitu kira-kira enam bulan, kebanyakan bakal haji akan membawa bekalan masing-masing yang disimpan di dalam peti besar yang dikur (diikat) dengan tali yang kukuh.

Terdapat bermacam-macam adat, petua dan juga bacaan yang diberikan oleh orang yang berpengalaman tadi seperti petua sebelum turun tangga, di mana kepala tangga itu akan dipegang dengan ta-

ngan kanan sambil berkata "tunggulah aku balik dengan selamat." Apabila turun tangga, selalunya anak tangga yang bilangannya ganjil seperti tangga pertama, ketiga dan kelima dan seterusnya akan dipijak sementara itu sesudah balik ke tanah air pula akan dipijak anak tangga yang bilangannya genap seperti anak tangga keenam, keempat dan kedua sambil memegang kepala tangga dengan tangan kiri pula lalu berkata "nah sampailah aku balik ke mari dengan selamat."

Dari petua di atas menunjukkan adanya ajaran-ajaran orang tua-tua kita yang kurang saya ketahui tujuannya yang sebenar. Tetapi kalau dilihat secara kaca mata kasar dari segi pengucapan kata-kata yang ditujukan kepada kepala tangga itu, ia merupakan satu harapan yang tinggi dari bakal haji agar satu hari nanti akan ditemukan semula atau bertemu lagi dengan tangga itu dan balik ke tanah air dengan keadaan selamat. Pada hemat saya, pengucapan ini adalah lebih baik ditujukan kepada ahli keluarga bakal haji yang sentiasa menantikan kepulangan bakal haji tersebut. Manakala perbuatan memijak anak-anak tangga sama ada anak tangga yang ganjil semasa hendak belayar dan memijak anak tangga yang genap pada ketika sampai ke tanah air itu tidak pula diketahui tujuannya dan perkara ini perlu dibuat kajian secara terperinci lagi.

Selain itu ada juga bacaan-bacaan lain yang diajarkan oleh orang tua-tua kita dahulu yang berpengalaman seperti:

*Bismi Illahi Rahmani Rahim,
Pertama yakinkan Allah,
Kedua Percayakan Rasulullah,
Ketiga Untung,
Keempat Tuah,
Kelima Alif berdiri tiada rabah,
Allah yang mengadakan,
Muhammad yang melebarkan,
Aku yang menyampaikan,
Berkat Lailaha Illallah,
berkat Muhammad Rasulullah.*

Di sini dengan jelas menunjukkan adanya pemujaan semangat atau penggunaan bacaan mantera yang sangat dipercayai di kalangan orang-orang Brunei kita sejak turun-temurun lagi. Ini adalah salah satu kebiasaan bakal-

bakal haji yang hendak menunaikan haji. Bagi pendapat saya membaca mantera ini tidaklah salah asalkan niat hati tetap kepada Allah kerana ia adalah salah satu daripada usaha jua tetapi adalah lebih baik kita memuji kebesaran Allah Taala dan berdoa dengan yakin dan bersungguh-sungguh serta mengharapkan pertolongan dan petunjuk-Nya agar apa yang kita hajati itu akan tecapai.

Sebelum bakal-bakal haji belayar meninggalkan tanah air, mereka juga akan keluar dari rumahnya dan akan menumpang sekejap di masjid-masjid sementara menunggu kapal laut atau kapal terbang bertolak. Tetapi amalan ini tidak lagi dibuat pada masa sekarang malah bakal-bakal haji akan terus saja bertolak ke lapangan terbang.

Sebelum bertolak ke lapangan terbang, terdapat banyak adat-adat orang Brunei kita dan cara-cara yang tertentu dilakukan sebelum bakal-bakal haji bertolak ke lapangan terbang iaitu seperti adat bertarik, di mana kaum kerabat akan menarik kepingan kain atau kertas yang bertulis kalimah syahadat dalam bahasa Arab, "Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Muhammad itu pesuruh Allah." Kepingan kertas ini akan ditetas sedikit di tengahnya bagi memudahkan ahli-ahli keluarga untuk mengoyaknya secara bergilir-gilir kepada setiap bakal-bakal haji.

Pada saat ini suasana sekeliling bertambah sedih dan duka di antara bakal-bakal haji dengan ahli keluarga apatah lagi pada saat-saat ahli keluarga menarik kepingan kertas itu tadi. Potongan kalimah "Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah" akan diambil oleh ahli keluarga manakala kalimah "Muhammad itu pesuruh Allah" akan dibawa oleh bakal haji.

Mereka berfahaman bahawa kalimah syahadat itu mempunyai sifat yang satu dan kalau berpisah sekalipun ia tetap bertemu juga. Jadinya adat bertarik ini meyakinkan orang Brunei kita bahawa bakal haji yang terpisah dengan ahli keluarga itu pasti akan bertemu kembali. Bagi saya, adat ini tidak bercanggah dengan Islam jika dilihat dari segi tauhid, syariah dan akhlak. Tetapi janganlah pula kita berpendapat kalimah itu yang akan menemukan antara bakal haji dengan ahli keluarga semula kelak tetapi Allah jua yang menentukan segalanya kerana hidup dan mati itu adalah urusan Tuhan. Kemudian doa selamat akan dibacakan. Sebelum keluar rumah, setiap bakal haji akan menampal sekeping kertas di atas pintu yang mengandungi ayat Al-Quran yang dibaca oleh bakal-bakal haji. Ayat ini terjemahannya bermaksud:

"*Sesungguhnya yang mewajibkan atasmu (melaksanakan) hukum-hukum Al-Quran, benar-benar akan mengembalikan kamu ke tempat kembalimu.*"

Kalimah ini akan dibaca sebanyak tiga kali dan yang bermaksud 'tempat kembali' adalah seperti janji Allah kepada Nabi Muhammad yang akan mengembalikannya ke tempat tanah airnya nanti. Kalimat ini membuatkan orang-orang Brunei menjadikannya adat kebiasaan dan seolah-olah mewajibkan membaca ayat tersebut sebelum melangkah keluar rumah. Mereka berpendapat bahawa dengan membaca ayat ini maka jemaah haji mesti juga dikembalikan ke tanah airnya seperti yang tertulis dalam sejarah Nabi. Tetapi kita ketahui bahawa kehidupan, rezeki dan maut itu di tangan Tuhan dan mestilah kita percaya kepada qadqad dan qadar Allah Taala dan segala ketentuan-Nya kerana kita tidak mengetahui bila dan di mana kita menemui ajal.

Sebelum melangkah keluar ada baiknya bakal-bakal haji membaca Surah Al-Faatiha, Al-Ikhlash, An-Nas, Al-Falaq dan Ayat Al-Kursi, kemudian sewaktu melangkah keluar dari rumah bacalah:

"*Bismillahi tawakkaltu 'alallahi walahaula wala quwwata illabillahi.*"

"*Dengan nama Allah saya melangkah, saya berserah diri kepada Allah. Tiada daya dan kekuatan saya melainkan dengan pertolongan Allah.*"

Selepas saja bakal haji melangkah keluar pintu, azan akan dikumandangkan sambil kaum perempuan akan melambaikan sapu tangan dengan laungan "balik!, balik!, balik!..." Kemudian apabila naik ke kenderaan bakal haji akan membaca:

"*Subhanalladzi sakh-kharalana hadza wama kunna lahu muqrinin wa inna ila rabbina lamun-qalibun.*"

"*Maha Suci Engkau ya Allah, yang telah mempermudah kenderaan ini untuk kami. Sebenarnya kami sendiri tiada mempunyai kesanggupan untuk mengendalikannya. Dan kami semua akan kembali kepada Tuhan kami.*"

Kemudian semasa kapal terbang atau kapal laut akan berangkat, lazimnya bakal haji akan membaca:

"*Bismillahi majriha wa mursaha inna rabbi lagha-furur rahim.*"

"*Dengan nama Allah pada waktu terbang dan pada waktu mendarat, sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*"

Lihat muka 11

Fenomena air kemerah-merahan di perairan Brunei terus dipantau

BERAKAS, 22 Disember. - Jabatan Perikanan akan terus memantau perkembangan mengenai fenomena air kemerah-merahan yang masih melanda perairan Negara Brunei Darussalam sejak ia dilaporkan terjadi pada 14 Disember lalu.

Pemangku Pengarah Perikanan, Haji Alias bin Haji Shari berkata, beberapa agensi kerajaan yang lain juga memberi bantuan dalam sama-sama memantau keadaan itu dari memberi kesan negatif kepada penduduk dan negara.

Ketika ini, kawasan-kawasan yang terjejas termasuklah kawasan perairan Pelompong, Panchang Merah, Panchang Hijau, laut Pilong-pilongan, Pantai Berakas, Jerudong, Binturan, Penanjong dan Tutong dan merebak ke Anduki dan Lumut kira-kira 7 kilometer dari kawasan pantai.

"Kejadian seumpama ini telah berlaku di negara ini pada tahun-tahun lalu dan jabatan akan terus

Oleh Samle HJ

berusaha memberikan laporan perkembangan dari masa ke semasa kepada orang ramai, di samping memberi nasihat bagi mengelakkan dari terjadinya perkara-perkara yang tidak diinginkan," jelasnya di Majlis Taklimat Mengenai Air Kemerah-merahan kepada penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan peniaga-peniaga ikan bertempat di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Sebelum ini, Negara Brunei Darussalam telah mengalami kejadian air kemerah-merahan pada tahun 1976, 1988 dan 2000.

Sementara itu, Pemangku Timbalan Pengarah Perikanan, Haji Abdul Halidi pula menjelaskan, Jabatan Perikanan telah mengambil langkah dengan melakukan penganalisaan contoh air dan ikan, di samping mengadakan perhubungan dengan negara-negara jiran

mengenai kejadian berkenaan.

Katanya, dua jenis plankton (organisme halus) yang terkandung dalam air kemerah-merahan yang telah dikenal pasti ialah Pyrodinium bahamense dan chochloidium polykrikoides.

"Oleh sebab organisme berkenaan mengandungi racun dan sebagai sumber

makanan ikan, ia boleh membahayakan kepada kita melalui memakan ikan-ikan yang telah dicemari oleh racun air kemerah-merahan," jelasnya.

Beliau turut memahami kejadian berkenaan telah menjejaskan peniaga ikan dari mendapat hasil, namun beliau melahirkan harapan agar orang ramai akan dapat menerima per-

sepsi yang positif dari kejadian berkenaan.

Dalam masa yang sama, Jabatan Perikanan telah menjelaskan ikan-ikan besar seperti tenggiri, bakulan, ikan merah serta udang, sotong dan ketam dikatakan selamat dimakan.

Namun sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai juga terus diingatkan agar

membuang perut, insang dan organ dalam ikan-ikan kecil sebelum dimasak.

Sementara itu, tanda-tanda orang yang terkena keracunan air kemerah-merahan seperti rasa mencucuk-cucuk di sekeliling bibir, muka dan bahagian badan, rasa loya, muntah dan cirit-cirit; pergerakan tangan dan kaki yang tidak

seimbang; denyutan nadi yang tinggi; terlalu susah untuk bernafas dan lemah perjalanan jantung.

Orang ramai adalah dinasihatkan jika mengalami kesan-kesan keracunan setelah memakan ikan-ikan atau kerang-kerangan supaya mendapatkan rawatan di hospital atau klinik yang berdekatan dengan segera.



PEMANGKU Pengarah Perikanan, Haji Alias bin Haji Shari dan pegawai-pegawai Jabatan Perikanan ketika memberi taklimat mengenai air kemerah-merahan kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta peniaga-peniaga ikan tempatan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PERADUAN MENULIS SKRIP DRAMA PEMBANGUNAN MASYARAKAT, RADIO



PENGENALAN

Rangkaian Nasional, Radio Brunei sebagai sebuah media penyiaran yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera di negara ini akan mengadakan Peraduan Menulis Skrip Drama Pembangunan Masyarakat, Radio.

TUJUAN PERADUAN

* Untuk melibatkan penulis tanah air dalam bidang penulisan yang mencakupi bidang budaya, agama, pendidikan dan bermacam-macam lagi yang berhubung kait dengan pembangunan fizikal dan spiritual.

* Untuk melahirkan lebih ramai penulis skrip drama radio.

* Untuk menambah khazanah kesusasteraan di Perkhidmatan Rangkaian Nasional.

SYARAT DAN PERATURAN

1. Peraduan dibuka kepada para penulis yang berumur 18 tahun hingga 35 tahun.

2. Peraduan dibuka kepada para penulis yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam dengan tidak mengira kewarganegaraan mereka sehingga majlis penyampaian hadiah dilaksanakan.

3. Setiap peserta dibenarkan menulis sebuah karya sahaja dalam bahasa Melayu dengan menggunakan ejaan rumi yang digunakan di negara ini. Sebuah karya hendaklah mengandungi 13 episod berdurasi 15 minit setiap satu dan hendaklah disertakan dengan sinopsis.

4. Tajuk karya adalah bebas dan kreatif tetapi mestilah berunsur pembangunan sosial dan kerohanian.

5. Karya hendaklah asli, tidak pernah tersiar dan bukan terjemahan dari drama lain serta bukan saduran daripada mana-mana cerita.

6. Karya hendaklah ditaip dalam kertas berukuran A4 dengan

kemas dan bersih pada sebelah muka surat sahaja (tidak timbal balik).

7. Tajuk drama hendaklah ditulis di sebelah atas muka surat.

8. Nama dan alamat penulis tidak boleh ditulis dalam karya tersebut tetapi hendaklah ditulis dalam sebuah kertas berasingan yang disediakan oleh pihak penganjur.

9. Peserta yang mengikuti peraduan ini hendaklah mengisi borang yang telah disediakan oleh pihak penganjur.

10. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan karya semasa dalam pengiriman.

11. Sesuatu perkara yang mungkin timbul di luar daripada syarat dan peraturan peraduan ini, pihak penganjur adalah berhak untuk mengambil sesuatu keputusan.

12. Semua hasil penyertaan adalah menjadi milik penganjur yang juga berhak mengubah dan memperbaiki karya tersebut untuk disiarkan di Rangkaian Nasional.

13. Pihak penganjur berhak membukukan setiap karya yang dihantar.

14. Keputusan hakim adalah muktamad.

15. Tarikh tutup menghantar karya ialah pada hari Khamis, 20 Safar 1426 bersamaan 31 Mac 2005.

16. Skrip yang bersesuaian untuk disiarkan akan dipilih selain dari lima hadiah yang disediakan.

HADIAH

Hadiah akan diberikan kepada tiga pemenang terbaik dan dua hadiah penghargaan.

Pertama - B\$850.00, hadiah iringan dan sijil penyertaan;

Kedua - B\$750.00, hadiah iringan dan sijil penyertaan;

Ketiga - B\$650.00, hadiah iringan dan sijil penyertaan;

Penghargaan: 2 hadiah penghargaan dan sijil penyertaan.

BORANG PERADUAN MENULIS SKRIP DRAMA PEMBANGUNAN MASYARAKAT, RADIO RANGKAIAN NASIONAL 92.3/93.8 FM

Kepada,
Setiausaha,
Peraduan Menulis Skrip Drama,
Pembangunan Masyarakat, Radio,
Tingkat 5, Rangkaian Nasional,
(Majalah dan Ehwal Semasa),
Radio Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan, BS8610.

Bersama ini disertakan karya saya untuk mengikuti peraduan ini

Tajuk:
Nama Penulis:
Nama Pena:
Lelaki/Perempuan:
No. Kad Pintar:
Warna:
Alamat Tetap dan Poskod:
No. Telefon:

Bersamaan ini disertakan:
[] foto ukuran pasport
[] biodata

Saya dengan ini mengaku telah membaca dan mematuhi semua syarat dan peraturan peraduan dan dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang dakwaan terhadap hak cipta drama yang disertakan bersama ini. Saya mematuhi keputusan panel hakim sebagai keputusan muktamad.

Tarikh:

Tandatangan

Ibadat Haji dalam masyarakat Melayu Brunei : Antara agama dan adat

Dari muka 9

Setelah bakal haji selesai berangkat menunaikan haji, ahli keluarga di rumah akan sibuk membuat persiapan untuk mengadakan Majlis Sembahyang Hajat dan yang dijemput ialah ahli-ahli keluarga dan jiran-jiran. Lazimnya majlis ini akan diadakan pada hari Khamis (malam Jumaat) selepas Sembahyang Fardu Maghrib. Tujuannya adalah untuk memohon kepada Tuhan bagi keselamatan dan kesihatan bakal-bakal haji sepanjang mereka menunaikan haji. Majlis Sembahyang Hajat ini akan disudahi dengan jamuan makan dan majlis ini berlarutan setiap minggu sehingga bakal haji itu balik semula ke tanah air.

Selain itu, keluarga bakal haji juga akan mengeluarkan sedekah sama ada berupa wang atau makanan. Terdapat juga fahaman mengenai adat bersedekah makanan atau minuman yang berair dipercayai akan sampai pada bakal-bakal haji dan boleh menghilangkan dahaga bakal haji di Tanah Suci. Minuman yang sering disedekahkan pada masa dulu ialah minuman tebu atau gelagah. Ada juga yang bersedekah payung dan selipar yang dianggap juga sampai kepada bakal haji yang memberi maksud agar mengurangkan kepanasan kepada bakal-bakal haji semasa wuquf di Arafah. Pendapat saya, fahaman ini adalah salah. Jika kita ingin bersedekah payung, selipar atau makanan yang berair itu tidaklah menjadi salah tetapi fahaman itu yang sudah jauh menyimpang. Sepatutnya kita bermohon kepada Allah dan melihat akan hikmah-hikmah yang akan diperolehi oleh orang yang bersedekah.

Di samping itu terdapat juga adat yang diamalkan oleh ahli keluarga bakal haji di rumah yang menjaga bilik tidur bakal haji agar tidak diganggu. Pada masa dulu, di sekeliling kawasan bilik bakal haji itu akan dipagar dengan kayu manakala di bawah rumah (jika Kampong Ayer) juga akan dipagar tetapi dengan menggunakan buluh atau nibong di kawasan tersebut. Pendapat orang tua-tua, ini bertujuan supaya kanak-kanak tidak bagalau yang mandi di air kerana dikhuatiri orang haji itu mendapat gangguan. Pada masa dulu juga lazimnya gambar jemaah haji dihantar dari Tanah Suci ke tanah air dan gambar itu akan 'ditangas' di dalam bilik jemaah haji tersebut. Mereka berfahaman bahawa perlakuan ini akan dapat menghubungkan semangat dengan jasad yang boleh memberi ketenangan dan ketenteraman kepada jemaah haji di Tanah Suci. Di sini menunjukkan adanya sedikit fahaman yang tidak baik dari segi

agama. Sekarang perbuatan ini tidak lagi diamalkan tetapi kawasan bilik tidur itu masih menjadi tempat larangan. Di sini sudah menunjukkan adanya penerapan agama kepada masyarakat Brunei masa kini.

Semasa jemaah haji menunaikan haji di Tanah Suci, adat yang lazim juga dibuat ialah menghormati tempat tidur jemaah haji di mana kadang-kadang bantal tidur baru yang digunakan oleh bakal haji akan diisi dengan wang syiling. Beberapa orang akan dipanggil untuk melakukan upacara mengisikan wang syiling ke dalam bantal tersebut. Lebih-lebih lagi wang syiling itu mestilah diisikan oleh orang-orang tertentu sahaja iaitu mereka yang bernama 'Si Untung', 'Si Tuah', 'Si Selamat' dan sebagainya. Ini bertujuan agar dapat memberi keuntungan, tuah dan keselamatan kepada bakal-bakal haji itu. Saya berpendapat perbuatan ini adalah sesuatu yang tidak berasas kerana keselamatan itu sepatutnya dipohon kepada Allah dan bukan dengan perbuatan sedemikian. Walau bagaimanapun itulah antara adat yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Brunei pada suatu ketika dahulu.

Ada juga di antara orang Brunei yang berada di tanah air akan bersedekah, disebut dengan panggilan Sedekah Malim. Keluarga bakal haji akan membawa barang yang hendak disedekahkan ini ke masjid yang berdekatan tanpa dikesahui oleh sesiapa. Mereka berfahaman barangsiapa yang mendapat barang yang disedekahkan ini, maka ia akan mendapat keuntungan dan yang lebih menakutkan lagi orang yang mendapat barang sedekah ini memahaminya yang barang yang disedekahkan itu adalah Sedekah Malim. Tujuannya adalah juga untuk memberi kemudahan kepada bakal haji itu dalam menunaikan segala pekerjaan haji. Pada hemat saya, bersedekah itu tidak dilarang tetapi janganlah sampai niat kita untuk bersedekah itu bertukar menjadi penentu atau seolah-olah kita menentukan nasib orang lain. Kita semestinya meminta pertolongan kepada Allah dan niat kita bersedekah itu semata-mata kerana Allah serta mintalah pertolongan kemudahan kepada-Nya.

Terdapat juga orang-orang Melayu Brunei yang bersedekah dengan cara yang berlainan. Lazimnya akan bersedekah dengan cara menyimpan barang-barang yang akan disedekahkan itu di atas tudung dulang yang diterbalikkan. Tudung dulang itu akan disimpan makan-ringan seperti keropok yang bertujuan supaya jemaah haji itu akan sentiasa ringan. Begitu juga sedekah yang berupa makanan atau minuman yang sejuk-sejuk seperti aiskrim, air sejuk dan sebagainya yang bertu-

AMALAN sedekah itu memang digalakkan dan disunatkan dalam Islam tetapi janganlah kita sesuka hati membuat andaian sendiri yang kita bersedekah itu dan ini kerana sesuatu perkara, malah kita bersedekah kerana Allah dan kita memohon kepada-Nya agar sesuatu yang kita hajati itu akan termakbul.

juan supaya jemaah haji itu tidak akan merasa dahaga atau kehausan. Ada juga di antara orang-orang kita yang bersedekah telur kepada kanak-kanak yang tidur. Telur itu akan disimpan di tepi bantal kanak-kanak itu tadi sehingga ada di antara kanak-kanak tidur tadi terkejut melihat telur yang berada di tepi bantal tidur mereka. Ini juga sering dilakukan pada masa dulu, kerana keluarga bakal haji berpendapat bahawa dengan berbuat demikian jemaah-jemaah haji di Tanah Suci akan mendapat kemudahan untuk mengutip batu-batu yang digunakan untuk melontar di Mina nanti.

Bagi saya, amalan sedekah itu memang digalakkan dan disunatkan dalam Islam tetapi janganlah kita sesuka hati membuat andaian sendiri bahawa kita bersedekah itu dan ini kerana sesuatu perkara, malah kita bersedekah kerana Allah dan kita memohon kepada-Nya agar sesuatu yang kita hajati itu akan termakbul.

Apabila tibanya waktu makan pula, keluarga di rumah pada kebiasaannya akan memasak jenis makanan harian yang sering dimakan oleh bakal haji atau masakan kegemaran bakal haji. Fahaman mereka ialah supaya orang haji itu akan terhidu bau makanan yang dimasak, lebih-lebih lagi ia adalah masakan kegemaran bakal haji. Mereka juga berpendapat supaya bakal haji yang berada di Tanah Suci itu terasa untuk memakan makanan kegemarannya dan akan mencarinya serta boleh menambah selera makan bakal-bakal haji tersebut. Pendapat ini juga tidak berasas kalau difikirkan dengan akal tetapi inilah pendapat sebilangan orang-orang Melayu Brunei kita dahulu dan mungkin juga sekarang.

Tentang Hajar Al-Aswad pula memang ramai yang telah mengetahui mengenainya. Menurut hadis Hajar Al-Aswad adalah batu yang datang dari Syurga dan berwarna sangat putih, lebih putih daripada susu tetapi yang menghitamkannya ialah dosa-dosa anak Adam dan boleh menyembuhkan sebarang penyakit dengan izin Allah Taala jua. Maka banyaklah di antara orang-orang Brunei kita yang ingin menyentuh atau mencium batu Hajar Al-Aswad bagi mendapatkan kelebihannya. Sehingga ada yang berpendapat bahawa barangsiapa yang tidak mencium Hajar Al-Aswad, maka tidaklah

sempurna ibadat haji seseorang bakal haji itu.

Pandangan ini adalah salah sama sekali. Sedangkan kita ketahui mencium Hajar Al-Aswad itu hanyalah sunat dan bukannya rukun dalam menunaikan haji. Lebih-lebih lagi ada yang sanggup berebut-rebut, tolak-menolak berlaku dan ada juga yang mula menyerbu Hajar Al-Aswad beramai-ramai selepas selesai mengerjakan sembahyang. Kadangkala perbuatan ini akan mengakibatkan kecederaan kepada golongan tua, kanak-kanak dan kaum perempuan. Perbuatan sedemikian sudah menimbulkan dosa dan perlu diambil iktibar.

Mencium Hajar Al-Aswad itu cukup sekadar dengan cara kupukan istilam sahaja. Ini menunjukkan Allah itu Maha Bijaksana dan Ia tidak pernah menyusahkan hamba-Nya tetapi hamba itu yang menyusahkan dirinya sendiri. Ada juga yang berpendapat bahawa Hajar Al-Aswad itu adalah seperti simbol kelahiran perempuan sehingga ada pada sesetengah orang-orang kita semasa mencium itu menyebut "Aku mencium rahim ibuku" kerana mereka melihat pada struktur atau bentuk luaran Hajar Al-Aswad itu sendiri. Fahaman ini sudah bercanggah dengan ajaran Islam dan boleh membawa kepada dosa kerana kita sudah ketahui ada kelebihan Hajar Al-Aswad, asal usulnya, keagungan dan kesuciannya.

Semasa mengerjakan tawaf pula, orang Brunei mahupun orang lain akan sama-sama mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali. Ramai juga di antara orang-orang kita yang pernah menolong jemaah-jemaah haji yang lain dengan perasaan yang gembara. Di sebalik itu juga ada terselit sebilangan jemaah haji kita yang membawa fahaman-fahaman yang karut dan tidak ada dalam perkara-perkara menunaikan tawaf. Ianya sudah menjadi adat kebiasaan orang-orang Melayu Brunei yang membawa barang-barang bersama mereka untuk ikut tawaf kerana berfahaman untuk mendapatkan berkat. Barang-barang yang dibawa itu adalah seperti wang ringgit, emas, perak dan barang-barang kemas yang lain. Sehingga timbul istilah 'wang berkat' atau 'gelang berkat' yang diperolehi dari hasil tawaf itu tadi. Ada juga yang berpendapat wang atau barang kemas yang di-

tawafkan itu boleh memurahkan rezeki dalam kehidupan.

Walhal perbuatan itu tadi boleh menyebabkan kehilangan wang atau barang kemas yang membawa kepada kerugian tetapi timbul pula pendapat bahawa wang atau barang kemas yang hilang itu adalah wang atau barang kemas yang tidak mempunyai berkat.

Saya rasa perbuatan ini patut dihapuskan di kalangan masyarakat kita kerana ianya boleh membawa kepada syirik dan bidaah kerana rezeki yang baik itu adalah rezeki yang diperolehi dari usaha dan titik peluh sendiri serta hendaklah kita memohon kepada Allah kerana Dialah Tuhan Yang Maha Kaya, pemberi rezeki kepada hamba-Nya.

Dalam kita menunaikan ibadat haji itu, ibadat wuquf adalah ibadat yang paling penting sekali dan yang paling utama. Wuquf itu bermaksud berhenti di Padang Arafah yang disyaratkan supaya dikerjakan dalam masa mulai dari tergelincir matahari, 9 Zulhijjah hingga fajar pada 10 Zulhijjah. Hari wuquf itu juga adalah hari yang paling agung apatah lagi jika hari Wuquf itu jatuh pada hari Jumaat maka haji itu digelar Haji Akhbar atau Haji Agung atau Haji Besar yang sama dengan tujuh kali menunaikan haji. Ibadat Wuquf di Arafah itu sangat penting kerana tanpa wuquf, tiadalah sah haji baginya. Dalam hadis pun ada menyatakan bahawa haji itu adalah Arafah, tiada Arafah tiada haji.

Ketika orang-orang Brunei kita menunaikan wuquf itu, ada juga timbul fahaman-fahaman yang keluar daripada ajaran-ajaran Islam. Kita ketahui hari Wuquf itu adalah hari yang mempunyai banyak kelebihan dan penuh dengan keberkatan, jadinya terdapat segelintir orang-orang Brunei kita yang membawa kerak nasi bersamanya yang dibungkus dengan bahan yang lain. Ia dipercayai untuk mendapatkan berkat dan kemudiannya bertujuan untuk dimasukkan ke dalam tiang rumah yang hendak dibangunkan. Ada juga adat sesetengah orang Brunei yang memeluk tiang jin yang terletak di Mekah di mana mereka berpendapat barangsiapa yang memeluk tiang itu dan semasa memeluk itu jari tangan kanannya sampai menyentuh dengan jari tangan kirinya, maka ia dipercayai akan sampai

lagi ke sana kelak atau dalam erti kata lain ia akan datang lagi ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadat haji dan begitu juga sebaliknya.

Bagi saya, adat ini adalah salah dan bertentangan dengan kepercayaan kita sebagai penganut agama Islam. Hanya Tuhan saja yang tahu akan ganjaran yang bakal kita terima kelak dari apa yang kita lakukan. Sepatutnya kita memohon dan meminta belas kasihan Allah untuk mengampunkan segala dosa-dosa yang pernah kita lakukan dan janganlah kita menambah dosa pula dengan melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam.

Dalam mencari keberkatan dengan membawa kerak nasi itu tadi, sudah menunjukkan bahawa seseorang itu sangat mengharap kepada kerak nasi tersebut yang sudah bertukar menjadi benda 'mana' untuk keberkatan rumahnya nanti. Bagi saya, ini adalah salah kerana rumah yang berkat itu adalah rumah yang disinari dengan cahaya Al-Quran di mana penghuninya sentiasa membaca Al-Quran dan berzikir kepada Allah. Manakala mengenai dengan adat memeluk tiang jin itu pula, juga terpesong fahamannya kerana mungkin kita boleh membuat anggapan atau janji yang kita akan menunaikan haji lagi tetapi Tuhan jua yang menentukan kerana kita tidak mengetahui sama ada kita berkesempatan untuk menunaikan haji sekali lagi atau tidak. Lebih-lebih lagi kita tidak ketahui apa yang akan berlaku kelak.

Sebelum menyambut kedatangan jemaah haji untuk pulang ke tanah air, ahli keluarga di tanah air sangat sibuk dengan persiapan yang sepatutnya disambut dengan meriah dan kegembiraan. Adakalanya seminggu sebelum jemaah haji balik ke tanah air, selalunya mengikut adat kebiasaan ahli keluarga akan bersedekah makanan kepada jemaah haji tersebut agar segera pulang atau cepat pulang ke tanah air kerana memandangkan perjalanan pada masa dulu dari Tanah Suci dengan menggunakan kenderaan kapal laut mengambil masa kira-kira tiga bulan. Mereka juga percaya dengan bersedekah makanan tersebut dapat mempercepatkan lagi masa perjalanan jemaah haji dari Tanah Suci ke tanah air.

Pendapat saya adat bersedekah ini adalah baik di sisi agama dan sangat digalakkan tetapi janganlah kita beranggapan ba-

hawa bersedekah makanan tersebut boleh mempercepat waktu, menyela-matkan jemaah haji dan sebagainya. Adalah juga digalakkan kita bersedekah makanan selain daripada makanan *Apam Balik* dan *Calak Lambai* itu dan bermohon sepenuhnya kepada Allah kerana lebih baik kita tumpukan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah serta mengharapkan pertolongan-Nya.

Kita tidak mengetahui apa yang akan berlaku selama perjalanan jemaah haji pulang menuju ke tanah air itu. Ada juga jemaah haji yang sempat menunaikan haji tetapi tidak sempat untuk menemui keluarga dan sanak saudara di tanah air kerana perkara-perkara yang tidak diingini berlaku ketika dalam perjalanan pulang. Sebaiknya kita berusaha terlebih dahulu, kemudian berdoa kepada Allah untuk memohon perlindungan bagi jemaah-jemaah haji, percaya akan ketentuan qadq dan qadar Allah Taala dan seterusnya bertawakal kepada Allah dengan hati yang reda.

Setiap tahun selalunya jemaah-jemaah haji Brunei Darussalam akan memakai pakaian seperti orang Arab iaitu dengan memakai gamis, igal, jubah, sahal dan sebagainya mengikut selera masing-masing. Tetapi adalah menjadi adat kebiasaan bagi jemaah akan selalu memakai 'topi haji' atau 'kupiah haji' yang berpendapat bahawa ianya mesti dipakai bagi menandakan haji seseorang dan adakalanya menjadi larangan terhadap jemaah haji jika tidak memakai 'topi haji'. Ini menjadi perbuatan yang hangat terhadap orang-orang Brunei dalam pemakaian 'topi haji'.

Sebenarnya pemakaian topi haji itu bukanlah satu kemestian atau kewajiban bagi jemaah-jemaah haji untuk memakainya bagi menandakan haji seseorang. Ini kerana hukum memakai kupiah atau topi haji itu adalah sunat sahaja dan yang pernah saya bincangkan di awal artikel ini, Rasulullah sendiri tidak menggelarkan dirinya 'Haji' Muhammad' walaupun telah menunaikan ibadat haji. Jadinya adalah salah jika kita menghukum memakai topi haji itu adalah wajib ke atas orang yang balik selepas menunaikan haji atau orang yang sudah menunaikan haji.

Apabila jemaah haji selamat sampai ke tanah air, keadaan riuh-rendah akan berlaku bagi menyambut kedatangan jemaah haji sehingga dipeluk dengan eratnya oleh ahli keluarga dan kaum kerabat. Bagi saya, perbuatan ini tidaklah dilarang dan ini sudah menjadi adat kebiasaan orang-orang Brunei tetapi janganlah sampai berlaku peluk-meluk dengan yang bukan mahram kerana ini sudah menjadi

CERPEN

OLEH AKEEM HGM

KALAU HENDAK SERIBU DAYA

KEHADIRANNYA tidak disedari. Anak matanya melirik cuba untuk mengikuti langkah lelaki bergaya itu. Dia agak tersentak sebentar tadi dan bagaikan tidak percaya setelah mendapati lelaki itu adalah Akeem. Dia cuba bersembunyi daripada pandangan lelaki berpakaian segak itu. Setelah bayang lelaki itu hilang daripada pandangannya, dia mengeluh ringan. Ligat akalunya mencari punca, hatinya semakin tertanya-tanya, apa dia buat kat sini?

Dia masih kaku berdiri di luar bangunan Fakulti Pendidikan itu. Kalau aku masuk, takut nanti terserempak pula dengan dia. Tapi buat apa aku datang sini kalau aku tak masuk. Teringatkan perjanjianannya untuk bertemu dengan pensyarah Kamis Hj Tuah, segera dia melirik jam tangannya, alahai dah nak jam 10.00. Dia mengorak langkah laju.

Setibanya masuk ke bangunan itu, dilihatnya pintu lif sedang terbuka, dia mempercepatkan langkahnya bagi merebut kesempatan itu. Namun dia terpaku apabila berada di depan pintu lif, bulat matanya melihat Akeem berada di dalam. Berderau darahnya apabila bertentangan mata dengan jejak yang pernah disayangnya diam-diam. Tersentak nafasnya apabila berdepan dengan lelaki yang juga amat dibencinya. Namun apabila pintu lif itu tertutup, dengan perlahan perjalanan darahnya dan saluran pernafasannya kembali normal dan stabil. Dia menghirup udara tingi lalu melepaskannya membuatkan keluhannya agak kedengaran.

Pada sebelah petang dia bersama seorang rakannya, Zurina berjalan beriringan menuju ke kedai koperasi.

"Rina, kau tahu tak? Pagi tadi aku terserempak dengan Akeem," dia cuba mengambil perhatian sahabat rapatnya itu, mengharap temannya juga akan terkejut kerana sudah hampir tiga tahun mereka tidak berjumpa.

"Baguslah, dah lama tak jumpa, terubat juga rindu tu," katanya selamba.

"Siapa kata aku rindu? Benci adalah." Dengan menunjukkan wajah geram dia cuba mengubah

pemikiran perempuan di sebelahnya itu.

"Kalau benci taklah lidah awak tu sudi nak sebut nama dia," masih dengan apa yang difikirkannya. Dia tak buat salah, apasal awak sibuk nak benci.

Dia masih diam mencari bahan untuk diperkatakannya, namun dia ketandusan idea. Kadang-kadang aku sendiri tak tahu kenapa aku rasa geram, sedangkan aku sedar dia tak ada buat salah, bisik hatinya.

"Tetapi aku hairan, apa dia buat kat sini, takkan dia dapat masuk universiti juga?"

"Kalau awak boleh masuk, kenapa dia tidak?" ujinya.

"Bukan macam tu, tapi dia tu dahlah bengap, otak pun lembek."

"Syarat nak belajar di universiti kena ada kelulusan yang bagus, sama ada dia bengap atau lembek, kalau kelulusan dia bagus, nak buat macam mana."

Orang bodoh pun boleh dapat kelulusan yang bagus? Tanya hatinya tidak percaya. Tak logik langsung.

"Kalau tak puas hati pergilah tanya dia, awak fikir siang malam pun takkan dapat jawapannya. Kalau dia belajar di universiti pun baguslah, sekurang-kurangnya ada juga orang bodoh dah sedar, bertambah juga bakal cendekiawan negara."

"Awak nak minum? Takkan tak kering tekak tu asyik cakap hal dia saja dari tadi," tawarnya setemah sampai ke kedai ko-



.....
SETELAH habis kuliah, sesekali ada juga Akeem cuba melirik ke arah Salina, pada wajah itu tertulis pelbagai peristiwa serta kenangan pahit dan manis. Tak sangka kita boleh berjumpa di sini. Tak sangka kedudukan kita sekarang kira setaraf. Kalau dulu engkau akan sering berbangga dengan keputusan cemerlang dan aku terpaksa akur menjadi bahan tertawa kamu. Adakalanya kamu beranggapan aku tidak mampu untuk pergi jauh.

perasi.

"Ice lemon tea," sahut Salina.

Jam sudah menunjukkan pukul 2.52 petang. Akeem dan Ibnu melangkah masuk ke bilik kuliah pertama mereka di permulaan semester itu. Setelah beberapa minit mereka duduk, mereka tertoleh-oleh melihat gelagat mahasiswi-mahasiswi yang hampir lapan kali ganda melebihi mahasiswa.

Jelas sangat tanda kecil Hari Kiamat. Tiba-tiba pandangan Ibnu lebih tertumpu kepada seorang mahasiswi berwajah ayu yang agak sopan pakaiannya. Biarpun wajahnya selamba tetapi nampak seakan wajah yang sering tersenyum, ceria. Mungkin itulah daya tarikannya yang paling kuat, sampai pandangan Ibnu pun bagai tak boleh lari.

menangkap setiap wajah satu persatu. Semakin lama semakin ramai yang masuk, rasa tenggelam juga bilangan mahasiswa di dalam bilik tersebut.

Kuliah pertama, hari pertama, semester pertama juga tahun pertama itu membuatkan mereka agak rambang mata melihat kelibat mahasiswi-mahasiswi yang hampir lapan kali ganda melebihi mahasiswa. Jelas sangat tanda kecil Hari Kiamat.

Tiba-tiba pandangan Ibnu lebih tertumpu kepada seorang mahasiswi berwajah ayu yang agak sopan pakaiannya. Biarpun wajahnya selamba tetapi nampak seakan wajah yang sering tersenyum, ceria. Mungkin itulah daya tarikannya yang paling kuat, sampai pandangan Ibnu pun bagai tak boleh lari.

"Janganlah direnung sangat nanti dia tahu. Tenanglah. Takkan lari gunung dikejar," bisik

Akeem sambil menggamit bahu temannya.

"Gunung memang tak lari, tapi masalahnya dia bukan gunung," bidasnya.

"Ala kalau awak nak dia, aku boleh tolong, aku kenal dia tu. Salina nama dia," Akeem tersengih mempamerkan senyuman bangga.

"Tapi kalau nak ngurat pun, biarlah bertempat. Profesionallah sikit," dia menyindir kawannya agar tersedar bahawa mereka sedang berada di dalam bilik kuliah, tempat belajar.

Setelah habis kuliah, sesekali ada juga Akeem cuba melirik ke arah Salina, pada wajah itu tertulis pelbagai peristiwa serta kenangan pahit dan manis. Tak sangka kita boleh berjumpa di sini. Tak sangka kedudukan kita sekarang kira setaraf. Kalau dulu engkau akan sering berbangga dengan keputusan cemerlang dan aku terpaksa akur menjadi

bahan tertawa kamu. Adakalanya kamu beranggapan aku tidak mampu untuk pergi jauh.

Namun begitu, ada waktunya akulah yang menjadi harapan kamu. Dalam kegiatan-kegiatan yang melibatkan sekolah, kalau bukan aku, agaknya siapakah yang akan membawa sekolah kita mencapai beberapa kejayaan seperti apa yang kuga-paikan? Memang nasib tidak akan selalu menyebelahi kita, tetapi kadangkala aku juga berasa hairan, apabila aku gagal mendapat tempat dalam satu-satu kegiatan, kenapa ada kata-kata nista akan kedengaran, apakah orang yang berani mencuba, biarpun gagal itu lebih hina daripada orang yang takut mencuba, takut menghadapi kegagalan? Kehidupan tidak akan memberi sebarang makna kalau sekiranya kita tidak mempunyai kekuatan untuk mencuba sesuatu. Kerana dari situlah kita akan tahu jati diri kita sendiri.

"Keem, tadi kau kata boleh tolongkan? Surat ni tolong beri kat dia." Ibnu menyimpan kepercayaan penuh kepada sahabatnya.

"Nanti sebelum jam 5.00 aku tunggu kau kat tempat letak kereta," harapannya berbunga-bunga. Akeem ditinggalkannya berseorangan.

Nasibnya agak baik kerana Salina lambat sedikit untuk keluar. Tak suka keadaan yang ramai berkerumun agaknya. Akeem cuba memastikan Salina tidak hilang dari pandangannya. Apabila mereka keluar, Akeem cuba mendekati Salina yang bersama dengan seorang rakannya.

"Hai, assalamualaikum," disertainya dengan senyuman halus. Cuba menghidupkan suasana.

"Walaikumussalam," jawab kedua-duanya, lembut dan perlahan.

"Oh Zurina rupanya."

"Kenapa, awak harap saya tak ada di sini?"

Akeem hanya senyum. Tak berubah langsung, kalau tak serius, itu bukan Zurina. "Tak, lagi bagus awak ada, sekurang-kurangnya kita dah kenal, senang berbicara."

Salina tiba-tiba berubah rasa, agak gementar sedikit namun diberianinya diri. Dia sendiri tidak tahu mengapa bila berhadapan dengan

Akeem, keadaan dirinya seakan tidak stabil. Dia menarik nafas dalam. Dia masih tidak dapat menerima kehadiran Akeem dalam bilik kuliah tadi, kerana dengan kehadiran itulah yang menjawab teka-tekinya di pagi sebelum itu. Apa yang sedang berlaku? Melihatkan wajah jejak itu sudah membuatkan darahnya semakin panas.

"Lama tak jumpa, tak sangkakan?" Akeem meneruskan bicara.

"Ya, memang tak sangka awak boleh belajar sampai peringkat uni."

Katanya agak menyindir. Memang sungguh di luar jangkaan. Tiga tahun lalu, berbuyah mulut dia membantu Akeem untuk memahami segala isi pelajaran. Hatinya takkan dapat menerima hakikat jika jejak yang disayangnya dalam diam itu akan menemui kegagalan dalam peperiksaan akhir tahun itu. Usahanya tak pernah terhenti kerana baginya, masa depan Akeem adalah masa depan dirinya. Namun tindakan Akeem yang sambil lewa itu membuatkan darah merahnya semakin panas beryala.

"Aku tahulah kamu tu pandai. Aku belanja makan, nak?"

"Tak nak, kalau minum bolehlah."

"Ah ialah tu."

Mereka beredar ke kantin. Akeem melepaskan nafas lega, nasib baik mereka beri respon positif.

Setiba mereka di kantin, mereka hanya meminta minuman tin sebagai hidangan. Akeem mempamerkan senyuman agar kelihatannya ceria, sedang fikirannya bergelut, macam mana aku nak mula? Takkan terus bagi surat ni kat dia. Dia sebenarnya agak resah sedikit. Kamu ni pun kenapa asyik diam, sekurangnya kamu tanyalah apa-apa. Huh. "Kamu dari fakulti mana?"

"Sama fakulti," jawab Salina.

Akeem terdiam sebentar. Jawapan itu seolah-olah mereka sudah tahu dia dari fakulti mana. "Pendidikan?"

Mereka hanya mengangguk. Tak sangka orang yang dulunya bodoh kini bakal menjadi guru. Hati Salina masih seperti hendak menafikan kenyataan

Lihat muka 13

Dari muka 12

jadi guru? Guru adalah pendidik, orang bodoh layak ke? Janganlah layak, boleh pun tidak agaknya. Hatinya masih jelas tidak berpuas hati.

"Tak sangka kamu makin cantik," semakin lebar senyumannya. Dihadapan tak ada nak cakap.

Semakin berderau darah Salina apabila dipuji. Dia cuba berlagak biasa, walaupun di hatinya ada rasa, namun rasa itu dibaluti oleh keegoan dan kebanggaan dirinya. Dia sendiri tidak tahu di mana kekuatan Akeem hingga boleh membuatkan dirinya tertarik sedangkan dari segi luaran dia agak membenci lelaki yang tak tahu nak faham isi hatinya itu.

Tiba-tiba telefon bimbit Akeem berbunyi. Dia melihat skrin telefonnya untuk mengetahui siapa yang menelefon. Dilihatnya nama Ibnu tertera di situ. Ya Allah, tak tahu nak bersabar. Dia menolak panggilan itu.

"Hai, tak mahu jawab telefon?"

"Er... kita dah lama tak jumpakan, apa salahnya saya luangkan masa ni khas untuk kamu."

Bangga Salina mendengarnya. Tetapi sebentar kemudian telefon Akeem berbunyi sekali lagi. Dia

melihat skrin telefonnya dan nama Ibnu sekali lagi. Sabarlah. Terus dia menolok lalu mematahkannya.

"Takkan sampai mati-kan telefon?"

"Tadi saya dah katakan, masa ni saya luangkan khas untuk kamu."

Ah, dunianya terasa lapang mendengar kata-kata Akeem itu. Salina seperti dapat merasakan Akeem sudah mula memberi perhatian istimewa kepadanya. Adakah Akeem mula tertarik kepada dirinya? Hatinya berbunga-bunga. Mindanya mula berangan, mereka berjalan beriringan, dia dan Akeem menjadi pasangan.

"Awak ambil private ke?" Zurina membuka topik baru lantas meleburkan khayalan Salina. Akeem yang gagal dalam pemeriksaan kelayakan semasa menengah lima dulu terpaksa menghentikan pembelajarannya kerana masalah kewangan tidak mengizinkan dirinya untuk menduduki peperiksaan akhir penghujung tahun itu. Tetapi macam mana sekarang dia boleh belajar di uni? Hairan.

"Ya, pada tahun hadapan." Terdengar saja perbualan tentang pelajaran, Salina mula menunjukkan kegeraman hatinya yang sudah lama disimpan.

"Dah gagal baru nak

sedar."

"Kerana kegagalan itu adalah satu mukadimah. Kalau kegagalan itu adalah kesudahan, dah ramai yang tersungkur."

"Tak sangka orang bodoh pun pandai mengolah-olah kata."

"Tak semua orang bodoh itu bodoh dalam semua segi, setiap orang ada keistimewaan, cuma kebodohan itu lebih terserlah apabila orang itu sendiri yang membiarkan dirinya terus menjadi bodoh."

"Oh sekarang dah pandailah ya?"

Akeem hanya tersenyum. Tenang.

"Kenapa senyum?"

Ya Allah, senyum pun tak boleh? "Senyumlah, kan senyuman itu ubat segala ubat, tanpa senyuman matilah keceriaan dunia ni."

Ya Rabbi, sejak bila pulak dia ni pandai berkata-kata.

"Baru berjaya sikit dah nak memandai."

"Sekurang-kurangnya saya tak menyusahkan orang lain."

"Tak menyusahkan apa? Mak bapak tanggung semua itu kau kata tak menyusahkan?"

"Itu mungkin awak, tapi kita tak sama."

"Apanya?"

"Aku berada di sini ke-

rana aku orang susah, kalau nak rezeki kena buat kerja sampai siap, bukan budak yang hidup dengan rezeki di hujung suap," luahnya dengan bahasa kiasan.

"Awak jangan nak berlagak, dulu bebal tak reti-reti nak belajar, macamlah kelemahan tu orang tak tahu. Ada hati nak berlagak bijak," makin geram hatinya.

"Memang kita ada kelemahan, malah lemah di sisi Allah. Tetapi di sisi manusia, kita tidak lemah kecuali apabila terbukti kita ni lemah," cuba menyedarkan bahawa yang lemah itu takkan selamanya lemah, apabila dia tersedar, kelemahannya mungkin dapat diatasi.

"Pandai pulak nak putar-belitkan cerita. Usaha tak ke mana, ada hajat nak baiki diri. Dah lemah tu kata saja lemah."

"Kalau hendak seribu daya, apa pun boleh jadi nyata. Memang selama ini saya sedang berusaha memperbaiki diri dan itulah yang saya genggam. Genggam bara api jangan sampai jadi arang, biar sampai jadi emas ke atau berlian."

"Suka hati je nak ubah pepatah Melayu," makin panas hatinya. Tak sangka dia semakin bijak.

"Yalah kalau setakat menjadi arang nak buat apa? Kalau aku bawa kat

sini pun orang akan pandang semacam. Kalau genggam mengenggam ni, biarlah sampai menjadi barang yang berguna, emas ke, berlian ke, berharga juga. Perbaiki diri biar sampai jadi orang yang berguna."

"Ala tak usahlah nak bertekak. Memang ramai orang yang menyangka mereka sudah hampir ke puncak, namun sedarlah bila kamu mencerminkan diri dengan jujur, kamu akan mendapati tempat kamu tak setinggi mana."

"Otak tu tumpul beria-pula nak jadi orang berguna."

"Belakang parang kalau diasah tajam juga akhirnya. Inikan otak, di mana lagi kekuatan kita kalau bukan pada akal di otak kita ni?" Kenapalah macam tak puas hati je, tapi apa-apa pun janganlah nanti kata diri awak tu pintar sangat, kerana hanya orang yang bodoh saja yang mengatakan dirinya pintar.

"Apasal korang ni bertekak pulak? Lama tak jumpa tap tap bergaduh," tak faham aku. Zurina dah tak tahan mendengar kata-kata yang berbalas-balas itu.

"Dia yang mula," Salina menjeling kemudian memalingkan wajahnya ke arah lain.

Aku pulak yang disalahkan. Dasar luar je can-



tik. Gerutu hati Akeem. Dia melihat jam tangannya, sepuluh minit hendak ke pukul 5.00. Dah lewat ni, surat pula belum diberi. "Er... sebenarnya saya nak beri sesuatu. Ala janganlah muncung macam tu, kan manis kalau awak senyum," pujuknya agar Salina mengambil perhatian.

Dia nak beri apa pulak ni. Getus hatinya ingin tahu. Dia membetulkan duduknya.

Akeem mengeluarkan sekeping surat tak bernama. Kelu lidahnya untuk menyampaikan hajat sahabatnya itu.

"Untuk siapa?" tanya Zurina sambil mengerling ke arah Salina.

"Salina."

Hatinya yang geram kembali mekar, darah yang panas kembali berderau. Apasal pulak untuk aku. Dia menerima surat itu dari tangan Akeem dengan senyuman yang agak ter-sipu-sipu malu. Suasana nyata berubah wajah. Suasana yang tegang tadi kini berubah menjadi riang dengan sekelip mata. Tidak lama kemudian, Akeem meninggalkan mereka kerana sudah terlewat.

Keriang hati Salina nyata hanya sementara. Biar pun jiwanya berbunga-bunga membaca isi surat itu namun apabila dia terbaca perkataan di akhir kata, dia tergamam, denyutan jantungnya bagaikan terhenti. Ibnu?

Dari muka 11

haram atau larangan. Ini kadang-kadang berlaku disebabkan oleh perasaan sangat gembira yang tidak dapat dikawal lagi dan mungkin disebabkan ada pendapat bahawa memeluk jemaah haji itu adalah juga untuk mendapatkan berkat sehingga tidak lagi menghiraukan hukum bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.

Bagi memeriahkan lagi suasana menyambut kepulangan orang haji, setiap rumah orang haji akan dihias dengan perhiasan dan daun-daun seperti buluh, bendera-bendera dan yang menjadi adat ialah mendirikan pintu gerbang kerana amalan ini dikatakan tidak lengkap bagi menyambut orang haji tanpa pintu gerbang. Adat mendirikan pintu gerbang ini sudah menjadi kebiasaan orang-orang Brunei menyambut kepulangan orang haji sehingga ia menjadi kemestian. Bagi pandangan saya, adat mendirikan gerbang ini bukanlah suatu kemestian bahkan ia adalah lambang kegembiraan sahaja terhadap kepulangan jemaah haji. Adat ini tidaklah menyalahi dari segi agama tetapi janganlah terselit rasa bangga diri,

Ibadat Haji dalam masyarakat Melayu Brunei : Antara agama dan adat

menunjuk-nunjuk atau adanya sikap berlawanan-lawanan dengan jiran atau siapa saja yang juga menyambut kepulangan jemaah haji. Ini adalah kerana dengan adanya sifat-sifat yang keji tersebut boleh membawa kepada sesuatu yang haram dan saya rasa adalah lebih baik jangan mendirikan pintu gerbang jika terselit sifat-sifat yang keji sedemikian.

Apabila datang ke rumah, sebelum jemaah haji melangkah hendak masuk ke pintu, jemaah haji akan

memijak kain 'puadai' iaitu kain putih yang panjang diletakkan sepanjang laluan orang haji. Ada yang beranggapan bahawa setiap langkah bakal haji iaitu tapak kakinya yang bersentuhan dengan kain 'puadai' itu adalah berkat. Memanglah keberkatan itu ada pada jemaah haji tersebut sehinggalah terjadi perebutan sesama sendiri sama ada lelaki, perempuan mahupun kanak-kanak yang berebut untuk mengoyak kain 'puadai'. Adat ini sudah ada sejak

dahulu lagi tetapi ia telah berkurangan pada masa sekarang.

Pendapat saya tentang adat ini sebenarnya tidaklah menjadi salah tetapi akan menjadi kesalahannya dari segi agama jika menimbulkan pergaduhan, tolak-menolak dan menimbulkan rasa kebencian bagi mereka yang tidak memperoleh kain 'puadai' itu tadi dan sebagainya. Lebih-lebih lagi seperti yang pernah berlaku semasa orang ramai menarik kain 'puadai' itu

ianya boleh menyebabkan jemaah haji terjatuh atau hampir terjatuh. Ini boleh mengundang dosa kepada penariknya dan sekali gus kepada adat ini dan saya rasa adalah lebih baik tidak mengadakan amalan ini.

KESIMPULAN

Memanglah kita ketahui bahawa jemaah haji yang baru balik dari Tanah Suci itu mempunyai berkat hasil daripada mereka menziarahi tempat-tempat suci seperti Masjid Nabawi, Masjid Al-Haram, Baitullah, mencium Hajar Al-Aswad, wuquf di Araah dan sebagainya. Tetapi adalah lebih baik jika kita minta supaya orang haji tersebut mendoakan keampunan ke hadirat Allah kepada mereka yang hadir sebelum ia memasuki rumahnya, seperti yang diriwayatkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

"Apabila engkau menemui seorang haji (yang baru pulang dari menunaikan fardu haji) maka berilah salam kepadanya dan berjabat tangannya (bersalaman)

dengannya serta mintalah dia mendoakan untukmu keampunan sebelum dia memasuki rumahnya. Sesungguhnya keampunan itu adalah untuknya."

Ibadat haji merupakan Rukun Islam yang kelima. Dalam menunaikan ibadat haji yang penuh dengan dugaan, rintangan dan memerlukan pengorbanan ini, janganlah dicampuradukkan dengan perkara-perkara yang mungkar dan kepercayaan-kepercayaan yang terpesong dari ajaran-ajaran agama Islam. Perbuatan seperti membawa wang ketika tawaf, barang kemas, membawa kerak nasi, memeluk tiang jin dan sebagainya itu hanyalah akan mengundang kemurkaan Allah dan mengakibatkan balasan api Neraka, seperti dalam Kitab Al-Arba'ana An-Nawawiya ada menyebutkan yang bermaksud :

"Barangsiapa yang membuat dan mengadakan benda yang tiada di dalam Islam dengan sesuka hatinya dikatakan benda itu ada dalam Islam, adalah ditolak dan jadi

sia-sia bahkan sebaliknya mendatangkan dosa dan masuk Neraka."

BIBLIOGRAFI

Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaysia, 1975.

Aliy As'ad, Drs., *Fat-Hul Mu'in*, Jakarta: Menara Kudus, 1979.

Hasbi Ash-Shiddieqy, Prof. T.M., *Al-Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, 1972.

Latif b. Haji Ibrahim, *Haji, Haji: Persepsi Orang Melayu Brunei*, Brunei, 1989.

Mohd. Taib Osman, *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

Osman b. Jantan, *Haji, Pedoman Haji: Umrah dan Ziarah*, Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD., 1982.

Taib Azamuddin Mohd. Taib, *Al-Ustadz Haji, Hikmat-Hikmat Ibadat Puasa dan Haji*, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1986.

ADAT ini tidaklah menyalahi dari segi agama tetapi janganlah terselit rasa bangga diri, menunjuk-nunjuk atau adanya sikap berlawanan-lawanan dengan jiran atau siapa saja yang juga menyambut kepulangan jemaah haji. Ini adalah kerana dengan adanya sifat-sifat yang keji tersebut boleh membawa kepada sesuatu yang haram dan saya rasa adalah lebih baik jangan mendirikan pintu gerbang jika terselit sifat-sifat yang keji sedemikian.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

MEMBALIK PAIS

Sudah, habiskan saja di sini 'konspirasi jahat' kamu terhadap kami terhadap ugama kami.

Apa belum puaskah menabur fitnah? fitnah itu pada sisi Allah adalah lebih dahsyat daripada membunuh.

Sekarang, ia kamu lakukan dua-dua sekali hati apakah kamu ini? sedang singa, harimau dan serigala pun tiada lebih dari membaham semata-mata.

Apakah mereka lebih berhati perut daripada kamu? inilah agaknya orang-orang yang dibicarakan oleh Al-Quran : ada hati tiada mahu memahami ... ada mata tiada mahu melihat ... ada telinga tiada mahu mendengar ... (itulah puak-puak yang sesat) dan bahkan lebih sesat daripada haiwan.

Mereka, beraja di mata mereka, bersultan di hati dan dengan tangan besi mengatasi Firaun mengatasi Hitler mengatasi Mosolini mereka mengganas sakan ; mengganas di daratan mengganas di lautan mengganas di udara - daripada udara lalu dengan tidak malu-malu menuding pula ke arah kita : mereka membalik pais mereka membalik pais.

Siapakah yang belum kenal siapa? jawabnya : sudah kenal. Cukup kenal : Siapa yang membina tamadun dan siapa pula yang meruntuhkannya siapa yang menumpahkan darah dan siapa pula yang memeliharanya.

Lihat bilamana musibah berlaku ke atas mereka - umpamanya : bangunan-bangunan runtuh atau kenderaan-kenderaan meletup maka mulalah - lidah-lidah celupar mereka menohmah liar - kepada orang-orang Islam.

Apakah ini perbuatan bermoral? dengarkan, ya dengarkan! biarpun kamu tidak suka mendengarnya ini adalah hak kami bersuara : Bahawa Islam bukanlah pedang terhunus dan bukan juga peluru berapi ia adalah langit ya, ugama langit!

Ia bukan, ya bukan juga ideologi bukan ideologi! adapun ideologi itu, ada kalanya mengajar orang menindas atau paling celaka ... mengajar orang membunuh.

Siapakah yang ditindas atau dibunuh? mereka tidak pernah bertanya tetapi kita tetap bertanya kenapa? kerana kita ada undang-undang hatta pun dalam perang.

Peperangan : bukanlah tiket

untuk membunuh ... secara sewenang-wenang dan bukan juga tiket untuk menyeksa ... secara yang dilaknat.

Walau perang berkecamuk pertempuran hanyalah dengan musuh yang sama-sama bersenjata bukan sebarang tembak bukan sebarang asak : rumah-rumah awam digempur pasar-pasar digempur rumah-rumah sakit digempur sekolah-sekolah digempur rumah-rumah ibadat digempur - yang di dalamnya - semua rakyat biasa : ada kanak-kanak ada perempuan dan ada warga tua.

Ini semua wahai penghuni bumi! adalah HARAM dan berosa dalam ugama kami.

Jadi, siapa sebenarnya penganas? tetapi ... usah terkejut, saudara! resam mereka dasar mereka membalik pais membalik pais.

Adi Rumi
The Ritz Carlton Hotel
Santiago, Chile
20 November 2004

JANGAN ADA

Di manapun bumi dipijak di sana ada kelebihan ya, inilah hebatnya ciptaan Tuhan.

Begitulah dengan Laos negara tanpa laut juga hebat.

Tetapi, umat! usahlah ia dinilai semata-mata dari perut bahawa harga insan itu bukan saja nasi ... pengisi tembolok tetapi juga mahulah disuluh sampai ke lubuk-lubuk di mana - letaknya jiwa.

Bagaimanakah menyuluh jiwa? dari raut wajah dan garis-garis di bibir : jika wajah itu lusuh maka alamat jiwa juga lusuh jika bibir tiada menguntum senyum maka alamat hati sedang berdarah.

Nah, sekarang : dari lapangan terbang ke Villa Dongpasak dan kemudian lagi ke Hotel Settha Palace aku terus saja menyaksikan wajah-wajah yang bagus yang berhias ... dengan senyuman maka dari sini ... siapakah boleh kata mereka tiada bahagia?

Hanya sanya jangan sekali-kali ada pengacau! kerana jika ada ... akan gelabahlah bangsa.

Adi Rumi
Vientiane, Laos
29 November 2004

MENTALQIN YANG HIDUP

Bila jasad terpisah dari roh

di pemakaman manusia meninggal ditalqinkan diingatkan akan kewajipannya akan tanggungjawabnya di dunia.

Tapi sayang rika itu saat telah berlalu masa telah melewati waktu talqin sekadar acara penyudah dari yang hidup.

Duhai insani kiranya hayat dikandung badan tiga amalan bekalannya terlaksanalah sudah sudahlah sedekah jariah dihulur sudahlah ilmu bermanfaat disalur sudahlah punya anak salih sebenar serangkaian ibadat peringat azab di alam barzakh.

Insafilah diri talqinlah diri di kala sedegup nafas masih bersisa sebelum ajal menjelang tiba sebelum kita dijemput pulang mengadap Yang Maha Kuasa.

Idris

JANGAN PISAHKAN

Aku dan kau sudah lama terikat ibarat cincin dengan permata corak dan laku kita sama-sama dibaca riak muka sekilas pun kita fahami ketenangan kurasa mendekatimu syahdu malam tak terasa sunyi.

Sepanjang kehidupan kita terlalu indah seindah pelangi kadang sewaktunya kita diuji namun kesabaran adalah benteng serta doa dan tawakal yang tak putus-putus.

Kau dan aku tetap yakin walau badai melanda kita tetap berdiri umpama huruf alif yang memberi kekuatan kepada nama Allah Azzawajalla.

Tuhan ... jangan kau pisahkan kasih sayang ini ... kerana ini adalah anugerah terindah yang membelai kalbu membasuh kedukaan sendu walau dalam hiba dan sayu.

Jangan pisahkan satukan kami dalam ikatan suci jangan kau biarkan kami kiranya ada musuh dalam selimut yang ingin menggugat mahligai cinta kecuali dengan kuasa takdir-Mu, Tuhan ...

A. H. Tuah

PESARA

Hari demi hari berlalu siang berganti malam bulan bertukar tahun usia kini ditelan masa kini khidmatku sudah hampir di penghujungnya usia akan menjangkau lima puluh lima sisa-sisa hidup dengan kerajaan akan berakhir pahit manis telah dirasa aku akan digelar pesara untuk buat selama-lamanya.

Aku bertanya pada diriku apakah sumbanganku kepada kerajaan memenuhi cita rasa atau aku mengabaikan tanggung-

jawabku sebagai pekerja aku tidak dapat menilai semua ini kuserahkanlah kepada majikanku yang lebih arif untuk menjawab persoalan ini.

Apakah liku-liku hidup yang akan dilalui selepas bersara? mampukah aku menghadapi cabaran ini yang tidak mempunyai pendapatan lagi bagaimana dengan isteri dan anak-anak yang masih bergantung hidup padaku sedangkan anak-anak masih berdayung menimba ilmu berhempas pulas untuk menuju ke mercu jaya bagi bekalan di hari esok.

Apakah sudah wujud persatuan pesara! untuk menyambung sisa-sisa hidup ini atau hanya duduk di kedai kopi dengan rakan sebaya berbual-bual kosong untuk memenuhi masa atau beriadah di tempat-tempat yang tertentu aku tidak pasti apa yang akan kuhadapi dalam meniti hidup sebagai warga pesara aku berserahlah kepada Allah segala-galanya dan aku hanya mampu berdoa semoga hidup ini penuh dengan keberkatan dunia dan akhirat amin ya rabbal alamin.

Zaiza

JALAN RAYA

Jalan raya ... lautan terpenting banyak kegunaan untuk kita semua.

Besar kecil ... berat ringan ... itulah jenis kenderaan pilihan pengguna.

Jalan raya ... bukan medan perlumbaan juga bukan medan kegagahan.

Keselamatan nyawa tiada ternilai harganya ingatlah orang tersayang hidup bahagia selamanya ...

SI KECIL

Si kecil cili padi walau engkau kecil namun tetap menambat hati.

Hadirmu ke dunia membawa sejuta erti sejuta makna engkau penyeri engkau penghibur engkau ratu hatiku.

Si kecilku senyummu tawamu membahagiakan menyenangkan hati yang kesepian.

Riniah

LAUT

Laut yang terbentang luas menghiasi keindahan alam gelora ombak di tepian bunyian membawa kedamaian.

Di sini di mana ada makhluk alam yang hidup berudarkan air bebas pergi ke sana sini.

Di sini di mana ada rezeki di mana ada nelayan yang datang dan pergi untuk mencari sara hidup.

WIRA NEGARA

Tak kira siang dan malam meninggalkan keluarga demi mempertahankan maruah bangsa dan agama demi menjaga keselamatan negara tercinta.

Tak pernah kenal erti penat dan lelah sedia memberi pengorbanan sedia berbakti demi bangsa demi negara dan demi agama.

Tumpasnya dirimu di tangan musuh tumpahnya darahmu di tanah kelahiranmu adalah suatu perjuangan.

Ketabahanmu keberanianmu dan perjuanganmu menjadikamu wira negara ...

S. Awang

SAAT

Saat yang berlalu takkan kembali tak dapat dikejar tak dapat diulangi.

Engkau amat berharga amat tinggi nilainya kepada manusia.

Namun mereka lupa dan alpa setiap saat tak kira detik dan waktu saat yang berlalu pasti takkan kembali.

Keranamu ada yang lalai dan leka dalam mengejar duniawi semata-mata.

Kita tidak tahu apakah kita akan menemuinya atau sebaliknya.

Maka pergunakanlah ia sebaik-baiknya kerana kita tidak memiliki apa-apa kecuali satu saat sahaja iaitu 'kematian'.

ZAMAN NOSTALGIA

Bayu malam berdesir lembut dalam kepekan malam yang sunyi nan sepi.

Di kaki bukit sisa-sisa kabus mula beredar sedikit demi sedikit pucuk kelapa terlentuk-lentuk dikucup bayu pagi.

Namun embun masih bersemayam di hujung daun bagai mengimbau zaman nostalgia.

Intan Baiduri



سوسون رنچاغن تیلیسیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

RABU 29 DIS	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM		SPORT		BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	11.35	INSIDE THE GRAND PRIX	5.45	SPORT	8.00	BERITA NASIONAL		
		KEBANGSAAN	10.05	FILIPINO DRAMA -	12.00	SIARAN TAMAT	6.18	BERITA	8.50	DRAMA -		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.24	AZAN MAGHRIB	9.30	'Menuju Keredaan'		
	6.12	RAMPAI PAGI -		(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	SINAR	10.00	RISTAAN 2004		
		Siaran Langsung	10.50	SWITCHING KITCHENS	4.15	RANCANGAN HARI INI		TELEMED	10.30	NEWS AT 10		
	9.00	BERITA	11.15	LIPUTAN SEMASA -	4.20	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	HELIK SHELL B-LEAGUE		
	9.15	RAMPAI PAGI -		Ulangan	5.10	GILLETE WORLD OF	7.33	AZAN ISYAK	11.30	2004		
							7.39	ECA SR. 2	12.20	COSBY SHOW		
										MUTANT X SR. 2		
										DOA DAN SIARAN TAMAT		

KHAMIS 30 DIS	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM		SPORT		BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.00	SIARAN TAMAT	5.35	DOKUMENTARI -	8.00	BERITA NASIONAL		
		KEBANGSAAN	10.05	FILIPINO DRAMA -			5.45	'Africa's High Club'	8.50	AN NUUR -		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.18	BERITA		Siaran Langsung		
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.00	(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10		
		Siaran Langsung		MASAKAN TRADISI	4.15	SUSUNAN RANCANGAN		FIQHUL MIRATS	10.30	DRAMA - 'Yang Tersohor'		
	9.00	BERITA		(DAPUR WARISAN) -	4.20	KIDS HOUR : SUPER	7.00	WARTA ISLAM	11.00	WAYANG PILIHAN -		
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.30	Ulangan		LITTLE FANTA	7.33	AZAN ISYAK		'The Versace Murder'		
		Sambungan		LIPUTAN SEMASA -	5.10	HEROES/TELETUBBIES	7.37	SURAH-SURAH PILIHAN	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT		
				Ulangan		ON THE BALL						

JUMAT 31 DIS	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM		SPORT		BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.02	ANIMATION -		JUMAAT- Siaran Langsung	5.35	HINDI - Sambungan	8.00	BERITA NASIONAL		
		KEBANGSAAN	10.50	'Little Mermaid'				JACKIE CHAN	9.00	KHUTBAH JUMAAT		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15	SADDLE CLUB	1.30	VISI SUCI	5.45	ADVENTURES	9.30	DOKUMENTARI MOU		
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.30	APA INI? APA ITU!	2.00	TETAMU SUKAN -	6.19	BERITA		(RTB/RTM) -		
		Siaran Langsung	11.45	BERITA		Siaran Langsung	6.25	AZAN MAGHRIB		'Mendongak Arus'		
	9.00	BERITA		TRAVELLING THE	2.30	LAGENDA - Ulangan	6.35	JALAN MENUJU ALLAH	10.00	NEWS AT 10		
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.15	GLOBE	3.00	TAYANGAN GAMBAR		LIFE	10.40	SUMBANGSIH 2005 -		
		Sambungan		RETURN OF THE		HINDI - 'Pukar'	7.00			Siaran Langsung		
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.30	EPIDEMIC DISEASES -	3.47	AZAN ASAR	7.34	LIPUTAN SEMASA	12.40	ALLO ALLO SR. 3		
				Siri Baru	3.53	TAYANGAN GAMBAR		AZAN ISYAK	1.05	DOA DAN SIARAN TAMAT		
				SEMBAHYANG FARDU								

SABTU 1 JAN 2005	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM		SPORT		BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		'Jungle Girl And The Lost		SABTU - 'Up Up And	5.45	Spiderman/Supermodel	8.00	BERITA NASIONAL		
		KEBANGSAAN	11.30	Island of Dinosaurs'		Away'	6.19	BERITA	8.50	SIARAN LANSUNG		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.45	BERITA	2.25	RISTAAN 2004 -	6.25	AZAN MAGHRIB		PERTANDINGAN AKHIR		
	6.12	RAMPAI PAGI -		TAYANGAN GAMBAR		Ulangan	6.35	PEDOMAN AKIDAH		BINTANG RADIO 2004		
		Siaran Langsung		MELAYU -	2.50	DOKUMENTARI MOU		STRANGE BUT TRUE	10.00	NEWS AT 10		
	9.00	BERITA	12.25	'Seri Dewi Malam'		(RTM/RTB) - 'Seni Batik'	7.00	DRAMA SITCOM MOU	10.30	TAYANGAN GAMBAR -		
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.30	AZAN ZUHUR	3.15	ANDROMEDA YR. 3 -		(RTB/RTM) -	12.30	'The Saint'		
		Sambungan		TAYANGAN GAMBAR	3.47	'Mad To Be Saved'		'Salah Faham'		TAURUS WORLD STUNT		
	10.00	RANCANGAN HARI INI		MELAYU - Sambungan	4.10	AZAN ASAR	7.30	PAN ASIA	1.30	AWARDS 2004		
	10.05	ANIMATION SPECIAL -	12.55	PANGGUNG PETANG	5.00	SAHARA - Siri Baru	7.34	AZAN ISYAK	1.55	ALLO ALLO		
						KIDS HOUR -				DOA DAN SIARAN TAMAT		

AHAD 2 JAN	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM		SPORT		BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00	'Cinderella'		LEAGUE 2004/2005 -	5.45	'Sleeping Beauty'	7.34	Ulangan		
		KEBANGSAAN	11.15	PIMPING	1.45	PREVIEW	5.55	BERITA	8.00	AZAN ISYAK		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		SUNDAY MATINEE -		ENGLISH PREMIER	6.19	TOYOTA WORLD OF	8.50	BERITA NASIONAL		
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.30	'Stuart Little'		LEAGUE 2004/2005 -	6.25	WILDLIFE	9.30	IMBASAN DUNIA 2004		
		Siaran Langsung	11.45	BERITA		HIGHLIGHT	6.35	AZAN MAGHRIB		TIRAI KELUARGA -		
	9.00	BERITA		SUNDAY MATINEE -	2.40	JUARA - Siaran Langsung	6.45	PENGAJARAN DARI	10.00	'Lagi-Lagi Senario'		
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.25	Sambungan	3.10	MOU - BRUNEI/THAILAND		AL-QURAN	10.30	NEWS AT 10		
		Sambungan		AZAN ZUHUR		- 'Pesta Pa Pieni' - Ulangan	6.35	NERVES OF STEEL		TIRAI KELUARGA -		
	10.00	RANCANGAN HARI INI			3.47	AZAN ASAR			11.00	Sambungan		
	10.05	ANIMATION SPECIAL -	1.15	ENGLISH PREMIER	5.15	ANIMATION -	7.00	BRUNEI SIUK SR. 4 -	12.20	GUARDIAN		
									12.50	ALLO ALLO SR.1		
										DOA DAN SIARAN TAMAT		

ISNIN 3 JAN	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM		SPORT		BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	8.50	DRAMA - 'Woksyop'		
		KEBANGSAAN	10.05	FILIPINO DRAMA -			5.55	BIMBINGAN KELUARGA	9.30	SEMINAR PROMOSI		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.20	AZAN MAGHRIB		KESIHATAN		
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.00	(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	ANIMAL PLANET	10.00	NEWS AT 10		
		SIARAN LANGSUNG		MARI MEMASAK KE	4.15	RANCANGAN HARI INI		THROUGHBRED	10.30	SUKAN GLOBAL		
	9.00	BERITA		KAMPUNG KAMPUNG -	4.20	ANIMATION -	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	DOKUMENTARI -		
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.30	Ulangan		'Brace Face/Bug's	7.35	AZAN ISYAK		'Surviving The Racing		
		Sambungan	12.00	INSIDE HEALTH	5.15	AIRFORCE - 'The Billion	7.41	MASAK TARUS - Ulangan	11.50	Planet'		
				SIARAN TAMAT		Dollar Question'	8.00	BERITA NASIONAL		DOA DAN SIARAN TAMAT		

SELASA 4 JAN	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM		SPORT		BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.30	DOKUMENTARI - Ulangan		
		KEBANGSAAN	10.02	FILIPINO DRAMA -			6.10	AL ISLAM	7.35	AZAN ISYAK		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.20	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL		
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.00	(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	TAHUKAH AWDA SR. 2	8.50	DOKUMENTARI		
		Langsung		SAJIAN OREINTAL -	4.15	RANCANGAN HARI INI			9.30	KHAZANAH - Ulangan		
	9.00	BERITA	11.30	Ulangan	4.20	KIDS HOUR - 'The Great	7.00	DRAMA - 'Sayembara'	10.00	NEWS AT 10		
	9.15	RAMPAI PAGI -		LIPUTAN SEMASA -		Book Of Nature'		Ulangan	10.30	IMBASAN DUNIA 2004		
				Ulangan	5.00	SEA HUNTERS			11.10	DARK SKIES		
									12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT		

Kementerian Kesihatan komited kewujudan Perubatan Akademik

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Disember. - Kementerian Kesihatan komited sepenuhnya dengan kewujudan Perubatan Akademik di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berkata demikian di Majlis Pelancaran buku 'Archives of Maxillofacial and Facial Plastic Surgery' sempena ulang tahun ke-20 Hospital RIPAS yang berlangsung di ruang legar hospital berkenaan di sini.

Yang Berhormat terdahulu menyatakan bahawa pada tahun 1999 Kementerian

Oleh
Haji Ahmad HS

Kesihatan memulakan Jurnal Perubatan Antarabangsa dengan penerbitan awalnya yang mengandungi 584 muka surat.

Di majlis itu Yang Berhormat turut melahirkan kegembiraan mengenai usaha yang berterusan oleh jabatan dalam Kementerian Kesihatan dengan memperkenalkan latihan lepasan ijazah dan pendidikan di Hospital RIPAS kepada doktor-doktor tempatan dan juga pelajar-pelajar perubatan pelawat dari Universiti Brisbane.

Kita pada masa ini, jelas-

nya, telah memasuki fasa yang menarik iaitu penyatuan penjagaan yang berorientasikan perkhidmatan di hospital yang akan disatukan dengan perubatan akademik.

Menurut Yang Berhormat lagi pada 28 November tahun ini, kita telah menyaksikan bengkel luar pantai Hospital RIPAS yang julung-julung kali bagi Maxillofacial dan Facial Plastic Surgery di Singapura yang mana telah dilancarkan oleh Menteri Kanan Dalam Negeri Singapura, Dr. Balaji.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat menyeru semua pakar dan ahli-ahli klinikal untuk mempergunakan segala peralatan klinikal yang dimiliki oleh Hospital RIPAS serta melaporkan pengalaman-pengalaman yang diperoleh.

Selepas itu, Yang Berhormat menyempurnakan perasmian buku berjudul 'Archives of Maxillofacial and Facial Plastic Surgery' dan membuat lawatan ke Jabatan Maxillofacial and Facial Plastic Surgery.

Buku tersebut mengandungi himpunan artikel-artikel tulisan jangka panjang

terhadap pelbagai pembedahan yang telah dilaksanakan dalam Jabatan Maxillofacial dan Facial Plastic Surgery sejak ianya dimulakan oleh Dr. Ravindranathan pada bulan Mac 1993.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar membuat lawatan ke Jabatan Maxillofacial and Facial Plastic Surgery sejour menyempurnakan perasmian buku berjudul 'Archives of Maxillofacial and Facial Plastic Surgery'. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kebajikan saudara-saudara baru tidak diabaikan

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 16 Disember.

- Hal-ehwal kebajikan saudara-saudara baru di negara ini tidaklah diabaikan. Satu di antara keistimewaan yang diberikan kepada saudara-saudara

baru ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sokongan Jawatankuasa Menimbang Permohonan Kurnia Tambang Haji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah memperkenalkan setiap saudara baru diberikan bantuan bayaran pakej haji AS-SALAM Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Bayaran pakej tersebut yang semuanya berjumlah \$8,400.00 bagi tiap-tiap seorang iaitu \$3,500.00 merupakan kurnia tambang daripada baginda sementara tambang bagi mencukupi pakej haji iaitu sebanyak \$4,900.00 tiap-tiap seorang adalah bantuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang

dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Muallaf.

Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar berkata demikian di Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Bantuan Kewangan bagi perbelanjaan semasa menunaikan fardu haji kepada saudara-saudara baru bagi musim haji tahun 1425 /2004 yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Menurutnya satu lagi keistimewaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui jawatankuasa yang dilantik telah memperkenankan supaya tiap-tiap saudara baru diberikan bantuan wang saku untuk keperluan perbelanjaan di Tanah Suci iaitu berjumlah \$1,000.00 setiap seorang hasil bantuan daripada Kumpulan Wang Zakat MUIB.

"Jumlah keseluruhan bantuan MUIB daripada Kumpulan Wang Zakat kepada saudara-saudara baru yang akan menunaikan fardu haji pada tahun ini adalah sebanyak \$53,100.00 (\$44,100.00 untuk mencukupi bayaran pakej haji dan \$9,000.00 untuk wang saku)," jelas beliau.

Beliau seterusnya berkata dengan adanya kurnia tambang yang dikurniakan oleh baginda jelas menggambarkan keprihatinan baginda terhadap penghayatan Islam di kalangan saudara-saudara baru, seterusnya mengangkat status mereka kepada penghayatan Islam yang sempurna dan mantap dari segi akidah dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wataala.

Di majlis itu beliau turut menyeru kepada saudara-saudara baru agar

dapat memanfaatkan peluang semasa berada di Tanah Suci dengan sentiasa mengerjakan sembahyang yang wajib dan sunat serta beriktiraf di masjid dan memperbanyakkan amalan membaca Al-Quran, berzikir, berdoa dan tawaf kerana di sana mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan.

Majlis kemudian diikuti dengan penyampaian bantuan oleh tetamu kehormat, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zasia binti Haji Sirin kepada 9 orang saudara-saudara baru yang akan menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun ini.

Menurut siaran akhbar MUIB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan tambang haji kepada saudara-saudara baru yang terpilih.

Pengurniaan tersebut bertujuan ke arah penghayatan ajaran Islam yang lebih mantap dan sempurna dari segi ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala dan pelaksanaan syariat Islam khasnya Rukun Islam yang kelima.

Siaran akhbar itu menambah pada musim haji tahun ini, MUIB telah menimbangkan seramai 9 orang daripada 16 permohonan bagi mendapatkan tambang haji kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Mereka yang menerima pengurniaan tambang tersebut ialah Awang Mohammad Salleh bin Abdullah/Elau, Dayang Noor Saidah binti Abdullah, Awang Mohd. Zain bin Abdullah, Dayang Jamilah binti Abdullah, Dayang Nur Syafiqah binti Haji Muhd. Apeng, Awang Muhammad Ali bin Abdullah, Dayang Hajjah binti Abdullah, Dayang Aminah binti Abdullah dan Dayang Helenah binti Abdullah.

Empat jenis ubat tradisional mengandungi bahan dikawal

BERAKAS, 21 Disember. - Empat jenis ubat-ubatan tradisional yang didatangkan dari Indonesia dan China didapati mengandungi bahan-bahan yang dikawal di bawah Akta Racun dan diharamkan.

Ubat-ubatan tradisional yang diharamkan itu ialah Tawon Api yang telah didapati mengandungi Dexamethasone dan Diclofenac; Chili Brand Porous Capsicum yang mengandungi Dexamethasone; StrongPas yang telah didapati mengandungi Yohimbine dan Pas-Tipas dan Kuda 2X Lebih Dahsyat didapati mengandungi Hydroquinone.

Kenyataan pengharman ke atas ubat-ubatan tradisional berkenaan telah dikeluarkan melalui siaran akhbar oleh Kementerian Kesihatan kepada pihak PELITA BRUNEI yang diadakan di Kementerian berkenaan hari ini.

Menurut siaran akhbar berkenaan, 'Dexamethasone' adalah sejenis corticosteroid yang digunakan untuk merawat masalah alergi dan radang. Penggunaan berpanjangan 'Dexamethasone' boleh menyebabkan tekanan darah tinggi, osteoporosis, pendarahan perut dan sindrom cushing.

'Diclofenac' menurut siaran akhbar itu digunakan untuk merawat sakit di bahagian sendi dan arthritis dan jika memakannya secara berpanjangan boleh menyebabkan pendarahan perut dan masalah pada perut.

'Hydroquinone' pula jelas siaran itu lagi digunakan untuk memutihkan kulit bagi pesakit-pesakit yang mengalami masalah

kulit dan penggunaannya secara berpanjangan boleh menyebabkan sawan, masalah darah dan serangan jantung.

Menggunakan 'Yohimbine' pula, menurut siaran akhbar berkenaan boleh menyebabkan tekanan darah tinggi dan gangguan mental.

Semua bahan-bahan yang dinyatakan adalah dikawal di bawah Akta Racun dan adalah menjadi satu kesalahan untuk mengimport, menjual atau menawarkan untuk menjual produk-produk yang mengandungi racun tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam hubungan itu, Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai bahawa adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun untuk menjual apa jua produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah akta berkenaan dan hukuman bagi kesalahan tersebut, apabila didapati bersalah ialah denda sebanyak \$8,000.00 atau enam bulan penjara.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak membeli atau memakan ubat-ubatan berkenaan. Mereka yang memiliki mana-mana produk berkenaan adalah dinasihatkan supaya memusnahkan atau menyerahkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Blok 2G, Tingkat 7, Pusat Kesihatan Kondominium Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan," jelas siaran akhbar itu lagi.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zasia binti Haji Sirin menyampaikan bantuan kepada seorang saudara baru yang akan menunaikan fardu haji tahun ini. - Gambar oleh Hamadi HM.



UBAT-UBATAN tradisional dari Indonesia dan China didapati mengandungi bahan-bahan yang dikawal di bawah Akta Racun dan diharamkan. - Gambar oleh Halim HS.



**JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran : DBP/TK04/1

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan bagi Membekal dan Menghantar Sebuah Van Pengangkutan.

Syarat-Syarat-Tawaran:

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan:
TAWARAN BAGI 'MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SEBUAH VAN PENGANGKUTAN'.

Bilangan Tawaran: DBP/TK04/1

Tarikh tutup : 11 Januari 2005

Bilangan Tawaran : DBP/TK04/2

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan bagi Membekal dan Menghantar Alat-alat Kelengkapan Perpustakaan.

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong ditulis dengan:-

TAWARAN BAGI 'MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALAT-ALAT KELENGKAPAN PERPUSTAKAAN'.

Bilangan Tawaran : DBP/TK04/2

Tarikh tutup : 11 Januari 2005

Bilangan Tawaran: DBP/TK04/3

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan bagi Membekal dan Menghantar Sebuah Van Pengangkutan.

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong ditulis dengan:-

TAWARAN BAGI 'MEMBEKAL SISTEM TELEFON PABX UNTUK BANGUNAN DBP BERAKAS'. Bilangan Tawaran DBP/TK04/3.

Tarikh tutup : 11 Januari 2005

kepada

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Simpang 337-17, Bandar Seri Begawan, BA 1210,
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran di atas mestilah disisikan dengan lengkap menggunakan Borang Tawaran yang disediakan dan hendaklah sampai Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Selasa, 11 Januari 2005.

3. Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (8.30 hingga 11.30 pagi dan 2.00 hingga 3.00 petang).

5. Yuran Tawaran (Tender Fee) adalah sebanyak B\$ 25.00 (tidak dikembalikan).

6. Keterangan lanjut bagi Bilangan Tawaran DBP/TK04/1 boleh diperolehi dari Ketua Bahagian Pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka atau melalui talian 2382511 sambungan 129. No. faks : 2381817. Bilangan Tawaran DBP/TK04/2 boleh diperolehi melalui Ketua Bahagian Perpustakaan. No. talian 2235501 sambungan 100. No. Faks 2224763 sementara Bilangan Tawaran DBP/TK04/3 boleh diperolehi dari Ketua Bahagian Teknologi Maklumat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. No. Telefon : 2235501 sambungan 200. No. Faks : 2224763.

7. Tawaran hendaklah disertakan dengan Sijil Pendaftaran yang diakui sah, pengakuan syarikat dan keterangan projek yang sudah dan pernah dilaksanakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua bentuk tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

3. Tawaran yang mempunyai rujukan Tawaran Kecil dan hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Isnin, 17 Januari 2005.

4. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja...

- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

- 7) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sahlaku

TAWARAN KECIL

BIL.TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN
KK/42/2004 (SE)	TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL, TEST AND COMMISSION 5 UNITS DENTAL CHAIR FOR PUSAT PERGIGIAN NEGARA	\$200.00



KEMENTERIAN KEWANGAN

Bilangan Tawaran : KKW/X/1/2004

Tajuk Tawaran : 'ADDITIONAL WORKS ON COUNTER SERVICES AT LEVEL - 2 TREASURY DEPARTMENT, TOWER BLOCK' KEMENTERIAN KEWANGAN, COMMONWEALTH DRIVE, BANDAR SERI BEGAWAN, BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Yuran Tawaran : \$ 25.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen : \$ 25.00 (Tidak dikembalikan).

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) yang bertanda 'ADDITIONAL WORKS ON COUNTER SERVICES AT LEVEL 2 - TREASURY DEPARTMENT, TOWER BLOCK' KEMENTERIAN KEWANGAN, COMMONWEALTH DRIVE, BANDAR SERI BEGAWAN BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tanpa menunjukkan identiti penawar, di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin, 24 Januari 2005.

3. Keterangan lanjut dan Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2 petang hingga 4 petang. Tarikh terakhir mengambili Dokumen Tawaran pada 5 Januari 2005 jam 12.00 tengahari.

4. Wakil syarikat yang hadir mengambil Dokumen Tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Kementerian Kewangan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

5. Bayaran Yuran Tawaran sebanyak \$25.00 dan Yuran Dokumen sebanyak \$ 25.00 hendaklah dibayar di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam sebelum Dokumen Tawaran diserahkan. Bayaran tawaran dan dokumen tidak akan dikembalikan kepada semua penender yang ikut serta dalam tawaran ini.

6. Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN LEMBAGA BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

PASAR MALAM HUJUNG MINGGU

JABATAN Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan akan mengadakan PASAR MALAM HUJUNG MINGGU pada setiap HARI SABTU bermula jam 6.00 petang hingga 12.00 tengahmalam bertempat di Kawasan Lapang Letak Kereta Bekas Dermaga Kestam Lama. Jualan Hujung Minggu ini akan bermula pada minggu kedua tahun 2005 iaitu pada hari Sabtu, 8 Januari 2005.

Sebanyak 113 petak disediakan mengikut kategori-kategori seperti berikut:-

- > 63 petak bagi jualan makanan/minuman secara takeaway
- > 26 petak bagi runcit dan pakaian
- > 7 petak bagi jualan kraftangan
- > 15 petak bagi jualan sayur-sayuran dan buah-buahan
- > 2 petak bagi permainan bouncer.

Orang ramai yang berkeinginan untuk berjaja adalah dipelawa untuk mengambil borang berjaja tersebut bertempat di alamat di bawah ini:-

Tempat : Di Tingkat 6, Bahagian Perlesenan,
Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan,
Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan
Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan.

Tarikh Tutup Penghantaran Borang tidak lewat:-

Pada : 30 Disember 2004 (Hari Khamis)

Jam : 4.00 petang

Tempat : Tingkat 6, Bahagian Perlesenan,
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan,
Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan
Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan.

Bagi sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi Awang Ali Hussin (Pegawai Melesen) di talian no : 2244151 sambungan 127/175 atau 2227048



**JAWATAN-JAWATAN KOSONG
DI JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

**1. PENGAJAR KANAN (BILANGAN KOD: 138 -13- 285)
BAHAGIAN III
TANGGAGAJI C.3 EB 4-5 (\$ 1,990.00 - \$ 2,970.00)
DI JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN.**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:-

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang Pendidikan atau bidang yang berkaitan dengan hal ehwal psikologi atau kemasyarakatan atau bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
 - Telah berkhidmat sebagai Penolong Pengajar kanan di Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam tanggagaji C.1 selama tidak kurang lima (5) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
 - Mempunyai Sijil Pengurusan yang diiktiraf oleh Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selama tidak kurang 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan atau pengajar orang buta atau cacat adalah merupakan satu kelebihan.
- Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari ketua jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN :

- Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang diarahkan.
- Syarat-syarat adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Penetapan kelas-kelas bagi murid-murid baru dengan persetujuan Penolong Pengarah II.
- Menyimpan rekod kemajuan dan lain-lain rekod yang berhubung dengan kemajuan murid, laporan bulanan, laporan tahunan dan berita kebalikan.
- Menyediakan laporan bulanan bagi semua kelas untuk dihadapkan kepada pengetua (Pengajar Khas)
- Menyediakan laporan bagi murid-murid yang hendak dikembalikan ke sekolah asalnya bagi penyambungan persekolahan mereka.
- Menentukan keperluan dan pelaksanaan akademik, program-program peperiksaan dalam dan awam:
 - Mengadakan mesyuarat dengan guru kelas/pengajar bagi membincangkan masalah akademik atau program-program.
 - Mencadangkan langkah-langkah untuk mempertingkatkan prestasi murid-murid dalam aktiviti-aktiviti pusat.
 - Menjadi ahli kepada Lembaga Peperiksaan Pusat.
 - Mengumpulkan buku latihan atau kertas kerja murid untuk disemak.
 - Mengumpulkan soalan-soalan ujian/peperiksaan dari guru-guru kelas sebelum ujian/peperiksaan diadakan.
- Menentukan kedatangan harian dan menyemak jadual kedatangan:
 - Mempastikan jadual kedatangan harian mengajar dihantar ke bilik Pengajar Kanan.
 - Mempastikan guru/pengajar telah menghantar surat kepada ibu bapa/penjaga murid jika murid tidak hadir.
 - Mengetahui sebab-sebab murid tidak hadir ke kelas yang berkenaan.
 - Menyemak jadual kedatangan kelas-kelas.
- Arahan-arahan semasa:
 - Menghubungi guru kelas untuk menyampaikan maklumat.
 - Mengadakan perhimpunan kelas jika difikirkan perlu.
- Projek-projek kelas:
 - Mengadakan projek-projek setiap peperiksaan/ujian tahunan.
 - Mengadakan lawatan pada tiap-tiap penggal.
 - Mengadakan kegiatan kelas (contoh jamuan penyampaian hadiah dan lain-lain).
 - Mengadakan sukan kecil (tahunan).
 - Tugas-tugas am:**
 - Mengadakan mesyuarat dalam semua mata pelajaran.
 - Mengadakan mesyuarat dengan guru-guru mata pelajaran dan mengadakan mesyuarat pada awal tiap-tiap penggal persekolahan pada minggu pertama, untuk membincangkan perkara-perkara berikut:
 - Sukatan pelajaran jika ada pembaharuan
 - Menyusun jadual rancangan pelajaran dan menyensuaikan dengan kemajuan kelas.
 - Memberi maklumat-maklumat mengenai mata pelajaran kepada guru-guru.
 - Ujian bulanan dan peperiksaan penggal.
 - Senarai buku-buku rujukan yang perlu ditambah
 - Penyelarasan topik-topik yang diajar oleh guru bagi sesuatu tempoh.
 - Menyimpan sukatan pelajaran untuk rujukan guru.
 - Mencadangkan jenis-jenis buku rujukan.
 - Menyemak buku rancangan murid-murid dan tiap-tiap penggal.
 - Tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- pengajar Kanan yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.

- Pengajar Kanan yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

KURSUS/LATIHAN

Pengajar Kanan adalah dikehendaki mengikuti:-

- Kursus-kursus berikut:-
 - Peraturan-peraturan Am 1961 dan Peraturan-peraturan Perkhidmatan
 - Peraturan-peraturan Kewangan.
 - Setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa
- 2. PENYELIA RUMAH-RUMAH (BILANGAN KOD : 138- 52- 019)
BAHAGIAN : IV
TANGGAGAJI : D.3 EB 4 (\$900.00 \$ 1,465.00)
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN.

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (ONC) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang yang berkaitan dengan hal ehwal penyelaan atau dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
 - Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang berkaitan dengan pengawasaan rumah atau bangunan atau yang bersesuaian dalam tanggagaji D.1 selama tidak kurang 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
 - Pernah berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei/Polis Diraja Brunei atau sebagai Wadai adalah merupakan satu kelebihan.
 - Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN

- Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang diarahkan.
- Syarat-syarat adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- mengawasi kesejahteraan penghuni, menyediakan laporan prestasi dan membuat graf kemasukan penghuni rumah tahanan atau Pusat Perlindungan.
- Bertanggungjawab terhadap semua yang di bawah jagaannya dan memastikan bahawa penjagaan penghuni diberi perhatian sepenuhnya demi keselamatan mereka.

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- Penyelia Rumah-rumah yang baru berkhidmat adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama tiga (3) tahun.
- Penyelia Rumah-rumah yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

KURSUS/LATIHAN

Penyelia Rumah-rumah adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

3. PEKERJA PEMBANGUNAN MASYARAKAT TINGKAT II (BILANGAN KOD: 138- 19- 378)

**BAHAGIAN : IV
TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB 4 \$ 530.00 - \$ 1,465.00)
DI JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN.**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Lulus dengan kepujian/kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
 - Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan atau yang ber-sesuaian dalam tanggagaji E.1 selama tidak kurang lima (5) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
 - Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
 - Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN

- Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

- Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Mengadakan penyiasatan, lawatan ke rumah-rumah (home visit) dan seterusnya membuat laporan berhubung dengan kes-kes yang dikehendaki oleh Jabatan pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan seperti permohonan bantuan bulanan, permohonan pekerjaan dari orang-orang susah, penyambungan perkhidmatan, anak angkat, kes-kes bencana alam, selain perkhidmatan lanjutan dan beberapa kes lain yang ditujukan ke Jabatan ini.
- Menerima arahan dari pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- Pekerja Pembangunan Masyarakat Tingkat II yang baru berkhidmat adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama tiga (3) tahun.
- Pekerja Pembangunan masyarakat Tingkat II yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

KURSUS/LATIHAN

Pekerja Pembangunan Masyarakat Tingkat II adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Pemohonan hendaklah dihantar kepada : Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bahagian Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup permohonan ialah pada hari Rabu, 19 Januari 2005.



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI
PEGAWAI PENTADBIR PELATIH**

PEMOHON-PEMOHON adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong yang terdiri dari orang Melayu rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beragama Islam mengikut Mazhab Syafie Ahli Sunnah Wal Jemaah untuk memenuhi jawatan sebagai PEGAWAI PENTADBIR PELATIH.

**PEGAWAI PENTADBIR PELATIH
BILANGAN KOD : 127 20 - 577
B.2 \$ 2,270.00 - \$ 3,760.00 SEBULAN**

KELAYAKAN :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang yang bersesuaian dan/ atau kelulusan akademik/professional yang sebanding dengannya yang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Calon yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan kelulusan ijazah yang lebih tinggi dalam bidang yang bersesuaian atau mempunyai kelulusan tambahan Diploma dalam bidang pengurusan dan pentadbiran awam adalah mendapat keutamaan.
 - Mempunyai pengetahuan tentang agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei; perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam serta Undang-undang dan Peraturan-peraturan dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- SYARAT-SYARAT AM :**
- Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Berbangsa Melayu dan beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - Umur di antara 21 tahun hingga 27 tahun.
 - Calon-calon akan menjalani ujian-ujian dan temuduga khas.
 - Mempunyai rekod persekolahan yang baik.
 - Calon-calon yang berjaya akan dikenakan syarat supaya lulus di dalam Peperiksaan Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam dalam tempoh percubaannya selama tiga (3) tahun.
 - Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia berkhidmat di mana-mana sahaja sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.
 - Lain-lain syarat perkhidmatan adalah menurut Skim Perkhidmatan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam.

CARA-CARA MEMOHON

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar di dalam dua salinan borang (borang SPA 1) yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 1, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama Berakas dan borang-borang berkenaan hendaklah dilengkapkan dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil yang berkaitan.

Semua permohonan hendaklah ditujukan/dihantar kepada Ketua pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Tingkat 4, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup penghantaran borang ialah: Hari Isnin, 28 Februari 2005.
Bilangan Pendaftaran : 10/2004
Tujuan: JPA/01/011/3



JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN BAGI KERJA-KERJA MENGUBAHSAUI CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BURUH:-

(A) JABATAN BURUH CAWANGAN KUALA BELAIT,
(B) JABATAN BURUH, CAWANGAN TEMBURONG
BILANGAN TAWARAN: PJB/02/2004 (REV. KB & TMB)

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi Kerja-kerja Mengubahsui Cawangan-Cawangan Jabatan Buruh, Cawangan Belait, Tingkat 2, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Belait, Jalan Padang, Kuala Belait KA 1131 dan Cawangan Temburong.
2. Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas I dan II kategori 1 dan 2. Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran ialah hari Khamis, 30 Disember 2004.
3. Sebelum Dokumen-dokumen Tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki menunjukkan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan.
4. Setiap Pemborong yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar Yuran-Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh didapati di Ibu Pejabat, Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 5, Jabatan Buruh, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam. Yuran bagi setiap Dokumen Tawaran ialah \$ 25.00 (Ringgit: Dua Puluh Lima Sahaja). Waktu menerima pembayaran adalah seperti berikut:-
Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 11.30 pagi
1.45 petang - 3.30 petang.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) yang menyatakan tajuk projek "TAWARAN BAGI KERJA-KERJA MENGUBAHSAUI CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BURUH, CAWANGAN BELAIT DAN TEMBURONG, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, bilangan Tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong, dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada hari Selasa, 4 Januari 2005 jam 1.45 petang dan dialamatkan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, BS 8610.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
8. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration- Business Names Act (Bab 16 & 17) mestilah disertakan.

TAWARAN MEMBEKAL KENDERAAN JENIS PACUAN 4 RODA (PETROL / DIESEL) - 4 WHEEL DRIVE
BILANGAN TAWARAN : PJB/03/2004

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal sebuah kenderaan jenis 4WD (Petrol/Diesel) bagi jabatan Buruh, Negara Brunei Darussalam.
2. Pembekal hendaklah menyatakan sebut harga termasuk cukai bagi kenderaan tersebut termasuk 'description and specification' kenderaan yang dibekalkan.
3. Setiap Pembekal yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar Wang Cagaran sejumlah \$ 200.00 (Ringgit : Dua Ratus Sahaja) di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Jabatan ini. Waktu menerima pembayaran adalah seperti berikut:-
Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 11.30 pagi
1.45 petang - 3.30 petang.
Wang cagaran ini akan dikembalikan kepada pembekal jika tidak berjaya pada bila-bila masa pejabat dibuka di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 5 di Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) yang bertulis "TAWARAN MEMBEKAL KENDERAAN JENIS 4WD (PETROL/DIESEL)", bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal, dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada hari Selasa, 4 Januari 2005 jam 1.45 petang dan dialamatkan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, BS 8610.
5. Pembekal yang mendaftar tawaran dikehendaki menghantar dokumen dalam dua (2) salinan berserta katalog yang berkaitan dengan tawaran.
6. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificates of Registration- Business Names Act) Bab 16 & 17 mestilah disertakan.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
9. Borang permohonan mengenai perkara ini boleh diperolehi di Ibu Pejabat Buruh, Tingkat 5, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

NO PROJEK: JTB/XD/MSN004/2004

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2, K3 dan K4.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi PROVISION OF TELEPHONE SERVICES FOR SEKOLAH MENENGAH KAMPONG MASIN.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandatangan:-
JTB/XD/MSN004/2004 - PROVISION OF TELEPHONE SERVICES FOR SEKOLAH MENENGAH KAMPONG MASIN. Tanpa menunjukkan nama pemborong kepada:-



MAJLIS UGAMA ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

MAJLIS Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam mengemukakan bahawa pihaknya ada menyimpan barang seperti berikut:-

- * Wang Tunai dan sebarang Anting-anting Kanak-kanak dijumpai di Kolam Renang Anggerik Desa akhir bulan November 2003.
- * Gelang Emas dijumpai di kawasan rumah Awang Haji Abdullah bin Haji Yahya, No. 604, Kampung Penabai, Kuala Tutong semasa Majlis Perkahwinan anaknya pada 30 Jun 2002.
- Sesiapa yang kehilangan Wang Tunai, sebarang Anting-anting dan Gelang Emas tersebut bolehlah menghubungi dengan Penolong Setiausaha Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat dibuka.

AWANG HAJI WAHAB BIN HAJI SAPAR
SETIAUSAHA MAJLIS UGAMA ISLAM



JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN RUANG KANTIN
DI BANGUNAN PASAR LORONG TIGA SELATAN SERIA

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Penyewaan adalah untuk tiga (3) tahun mulai dari tarikh surat perjanjian ditandatangani.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang bermastautin di Daerah Belait ini.
3. Pengalaman-pengalaman dalam mengurus kantin/restoran jika ada hendaklah disertakan.
4. Ketrangan mengenai ruang yang ditawarkan dan contoh surat perjanjian penyewaan restoran/kantin berserta dengan borang permohonan bolehlah didapati di Kaunter Bahagian Perlesenan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dengan kadar bayaran \$ 2.00 sekeping.
5. Yuran Tawaran (tender fee) sebanyak \$ 50.00 dan tidak dikembalikan. Waktu penerimaan Yuran Tawaran adalah seperti berikut:-
Hari Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari
1.30 petang hingga 3.00 petang
Hari Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
6. Penyewa/Pengurus adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.
7. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration -Business Names Act) Bab 16 dan 17 hendaklah disertakan.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis di luarnya "TAWARAN RUANG KANTIN DI BANGUNAN PASAR LORONG TIGA SELATAN SERIA" tanpa membubuh nama penawar diluar sampul surat tidak lewat pada hari Isnin, 3 Januari 2005 jam 3.00 petang.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan di Kaunter Bahagian Perlesenan, Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, BANGUNAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tidak lewat daripada hari Isnin, 10 Januari 2005 jam 2.00 petang.

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pemborong & Tender, Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Korporat (KD), Tingkat 2, Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak B\$ 100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Surat Jaminan Bank.
5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan & Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil pengarah pada hari Khamis, 30 Disember 2004 jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan & Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.
9. Sekiranya pemborong gagal menyiapkan Projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1% daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan.
10. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah dijalankan dalam jangka masa dua (2) bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan sebutarga mestilah sah laku selama sembilan (9) bulan dari tarikh tutup tawaran.



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

TAWARAN BAGI:
MENTERJEMAH DAN MENGHASILKAN BUKU "INVESTMENT GUIDE OF BRUNEI DARUSSALAM DALAM BAHASA JEPUN, DAN MENGHASILKAN SEMULA BUKU "INVESTMENT GUIDE OF BRUNEI DARUSSALAM DALAM BAHASA INGGERIS"
BILANGAN TAWARAN: KPSU/BPPK/AICHI/30/53 PT.5/3/2004)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi menghasilkan buku-buku tersebut di atas;
2. Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam mulai 23 Disember 2004.
3. Setiap syarikat yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar wang cagaran (salinan resit dilampirkan bersama tawaran) sejumlah B\$ 100.00 (Ringgit Brunei: Satu Ratus Sahaja) bagi satu tawaran di Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan. Waktu menerima wang cagaran bagi tawaran ini adalah seperti berikut:-
Hari Isnin - Khamis (Sahaja): 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.
2.00 petang hingga 3.00 petang
4. Wang cagaran TIDAK akan dikembalikan.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis:-
TAWARAN MENTERJEMAH DAN MENGHASILKAN BUKU "INVESTMENT GUIDE OF BRUNEI DARUSSALAM" DALAM BAHASA JEPUN DAN MENGHASILKAN SEMULA BUKU "INVESTMENT GUIDE OF BRUNEI DARUSSALAM" DALAM BAHASA INGGERIS.
BILANGAN TAWARAN : KPSU/BPPK/AICHI/30/53 PT.5/3/2004
Tarikh tutup: 4 Januari 2005 jam 2.00 petang
Tanpa menunjukkan identiti syarikat, dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat pada hari Selasa, 4 Januari 2005 jam 2.00 petang dan ditujukan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 2, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan dan;
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. PEGAWAI BOMBA LAPANGAN TERBANG DI JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN BILANGAN KOD : 016 58 141

BAHAGIAN : III
TANGGAGAJI : P.7 \$ 1,550.00 - \$ 2,290.00
\$ 100.00 - Elaun 'P'
\$ 70.00 - Elaun Kurnia Khas
\$ 120.00 - Elaun Sara Hidup

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerassian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang Penerbangan Awam atau dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
 - Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pegawai Balai dalam tanggagaji P.6 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Pegawai Kanan Bomba (Senior Fire Officer).
 - Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pegawai Balai dalam tanggagaji P.6 selama tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Pegawai Bomba Lapangan Terbang (Airport Fire Officer).
- Hendaklah berumur tidak lebih dari 28 tahun dan mempunyai ketinggian sekurang-kurangnya 5 kaki 4 inci (1.63 m) dan ukuran dada sekurang-kurangnya 34 inci (86) apabila tidak menarik nafas.
- Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

3. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Melapor diri kepada Penguasa Bomba Lapangan Terbang.
- Mengetuai Unit-unit dalam Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang.
- Bertanggungjawab dalam kesempumaan dan keberkesanan pengurusan Anggota Bomba di bawah jagaannya.
- Bertanggungjawab bagi memastikan keperluan-keperluan perkhidmatan perlindungan dan keselamatan kebakaran penerbangan dan bangunan-bangunan di Lapangan Terbang dan Helipod sentiasa mencukupi, terjamin dan terpelihara di tahap yang dikehendaki.
- Menghadiri dan mengetuai sebarang panggilan kecemasan/kemalangan termasuk perkhidmatan khas dan penyediaan laporan-laporan kejadian/kemalangan.
- Menyusun dan menyediakan jadual cuti dan penempatan bertugas Anggota Bomba di bawah jagaannya.
- Menyediakan laporan bulanan kepada Ketua pegawai Bomba Lapangan Terbang.
- Menyediakan perangkaan peruntukan tahunan.
- Membuat penilaian prestasi ke atas Anggota Bomba di bawah jagaannya.
- Mengambil alih tugas Penguasa Bomba Lapangan Terbang semasa ketiadaannya.
- Menjalankan apa juga tugas yang diarahkan oleh Penguasa Bomba Lapangan Terbang dari masa ke semasa.

5. TEMPOH PERCUBAAN SEBELUM PENETAPAN JAWATAN

- Pegawai Bomba Lapangan Terbang yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama tiga (3) tahun.
- Pegawai Bomba Lapangan Terbang yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat-syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

6. KURSUS/LATIHAN

Pegawai Bomba Lapangan Terbang adalah dikehendaki mengikut:-

- Peraturan-peraturan Am 1961 dan Peraturan-peraturan Perkhidmatan.
 - Peraturan-peraturan Kewangan.
- Kursus Asas Pegawai Kadet Bomba.
- Setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN:

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari

hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisi akan dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji ke alamat seperti berikut:-

Pengarah Penerbangan Awam, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas BB 2513, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup permohonan : 8 JANUARI 2005



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PEGAWAI HAL EHWAL MASJID

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Pegawai Hal Ehwal Masjid, di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PEGAWAI HAL EHWAL MASJID
GAJI : \$ 103.00 SEHARI

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerassian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam atau dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi di dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN:

- Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

- Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Bertanggungjawab kepada Pengarah Hal Ehwal Masjid.
- Menjadi Ketua kepada Pegawai-pegawai Masjid yang di bawah kawalannya.
- Menjadi Ketua Pentadbiran di masjid tempat bertugas dan kepada Pegawai-pegawai Masjid yang di bawah kawalannya.
- Menjadi Imam, menyampaikan khutbah dan menunaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan Fardhu Kifayah.
- Bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti takmir masjid, majlis keagamaan dan kebajikan jemaah.
- Memimpin, memeduli dan membimbing pegawai masjid di bawah kawalannya dari segi meningkatkan profesyen, ilmu pengetahuan, amal ibadat, ketertiban (tingkah laku) dalam menjalankan tugas dan lain-lain tanggungjawab yang berkaitan dengannya.
- Bertanggungjawab mengawas pemeliharaan bangunan masjid, menjaga kebersihan dan kecantikan kawasan di sekitarnya serta membuat laporan mengenainya.
- Bertanggungjawab membuat penilaian prestasi bagi pegawai-pegawai masjid dan kakitangan di bawahnya.
- Berusaha bersama-sama Ahli jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung / Majlis Perundingan Mukim bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat penduduk kampung dan sekitarnya.

Semua permohonan bagi jawatan berkenaan hendaklah ditujukan atau dialamatkan kepada:-

Urusetia Lembaga Kakitangan,
Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tingkat 3, Jalan Menteri Besar,
Berakas BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup permohonan ialah 12 Januari 2005.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 68/2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyan

LAWAN

HAJI JOHARA BIN HAJI DAUD
(K. P. Brunei NO. 00-033581) Penghutang Penghakiman/
Pemetisyan

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 25 November 2004.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HAJI JOHARA BIN HAJI DAUD,
Simpang 285, Unit 4 (Terrace House),
Jalan Sungai Tilog, Muara BC 3315,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen : 5 Julai 2004.

- Semua Si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadap Borang-borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 8 Disember 2004.

HAZARENA POKSJ DP HJ HURAIRAH - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 68/2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyan

LAWAN

HAJI JOHARA BIN HAJI DAUD
(K. P. Brunei NO. 00-033581) Penghutang Penghakiman/
Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 25 November 2004.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 17 Januari 2005 jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 17 Januari 2005 jam 10.30 pagi.

Bertarikh : 8 Disember 2004.

HAZARENA POKSJ DP HJ HURAIRAH - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah di-serah-silkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyolai penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai de-ngan hal-halinya dan juga sebab kegagalannya.



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/ 38/ 2004

